HUKUM KEPENGGUNAAN

# HAIWAN *JALLALAH*

## DALAM INDUSTRI AKUAKULTUR

## DI MALAYSIA



"Perkataan 'jallalah' berasal daripada bahasa Arab merujuk kepada binatang yang makan 'al-jallah' iaitu tahi binatang atau manusia " .

(Ibn Manzur, 1414H: 11/119)

www.islam.gov.my

# HUKUM KEPENGGUNAAN *HAIWAN JALLALAH* DALAM INDUSTRI AKUAKULTUR DI MALAYSIA

**PASUKAN PENYELIDIK**

Prof Dr. Arieff Salleh bin Rosman - Ketua Penyelidik
Prof. Dr. Farahwahida binti Mohd Yusof
Dr. Nurrul Hidayah binti Ahmad Fadhlillah
Dr. Wan Norhana binti Md Noordin
Dr Roslina binti Ahmad Nawawi
Mohd. Amri bin Abdullah
Mohd. Naim bin Mustafa

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pusat Penyelidikan Fiqh Sains & Teknologi (CFiRST) Universiti Teknologi Malaysia, Institute for Halal Research & Training (INHART) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Jabatan Perikanan Malaysia

Hakcipta@2022 JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

Hakcipta terpelihara, sebarang bahagian dalam buku ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam apa cara yang boleh dipergunakan lagi ataupun dipindahkan dalam sebarang cara, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, penggambaran semula, perakam dan sebagainya, tanpa izin terlebih dahulu daripada

**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

**Diterbitkan oleh:**
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Blok A & B, Kompleks Islam Putrajaya,
No 23, Jalan Tunku Abdul Rahman,
Presint 3, 62100, Putrajaya

No. Tel: 03-8870 7000
No. Faks: 03- 8870 7707
Laman Web: www.islam.gov.my

Rekabentuk dan dicetak oleh:

**Visual Print Sdn Bhd**
No. 47, 47-1, Jalan Damai Raya 1, Alam Damai, Cheras,
56000 Kuala Lumpur

# Isi Kandungan




Kata Aluan
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iv

**BAB 1 PENGENALAN 1**
1.1 Pendahuluan 2
1.2 Latar Belakang Kajian 2
1.3 Pernyataan Masalah 16
1.4 Objektif Kajian 17
1.5 Skop Penyelidikan 17
1.6 Kepentingan Penyelidikan 17
1.7 Metodologi Penyelidikan 18

**BAB 2 HAIWAN *JALLALAH* MENURUT TEKS KLASIK FIQH ISLAM 23**
2.1 Pendahuluan 24
2.2 Definisi *Jallalah* 24
2.3 Dalil *Jallalah* 27
2.4 Hukum *Jallalah* 30
2.4.1 Menurut mazhab Syafi'I 30
2.4.2 Menurut mazhab Hanafi 41
2.4.3 Menurut mazhab Maliki 47
2.4.4 Menurut mazhab Hanbali 52
2.5 Penutup 58

**BAB 3 HAIWAN *JALLALAH* MENURUT FATWA & FIQH ISLAM SEMASA 59**
3.1 Pendahuluan 60
3.2 Haiwan *Jallalah* Menurut Institusi Fatwa di Malaysia 60
3.3 Haiwan *Jallalah* Menurut Sistem Pensijilan Halal Malaysia 63
3.4 Haiwan *Jallalah* Menurut Institusi Antarabangsa 65
3.5 Haiwan *Jallalah* menurut Ulama Semasa 70
3.6 Dapatan Temubual Berkaitan Status Haiwan *Jallalah* di Malaysia 72
3.6.1 Temubual berkaitan Isu Jallalah menurut Fatwa dan Penjelasan Hukum 73
3.6.2 Temubual berkaitan Jallalah dalam Sistem Pensijilan Halal Malaysia 111

**BAB 4 STATUS IKAN TERNAK SEBAGAI HAIWAN *JALLALAH* DARIPADA PERSPEKTIF INDUSTRI AKUAKULTUR DAN SAINS 121**
4.1 Pendahuluan 122
4.2 Undang-Undang / Peraturan Berkaitan Haiwan Ternakan dan Makanan Haiwan Di Malaysia 123
4.3 Jenis Makanan Yang Diberikan Kepada Ikan Ternakan di Malaysia 128
4.4 Amalan Pemberian Makanan Daripada Najis Dalam Industri Akuakultur Di Malaysia 131
4.5 Status Bau Busuk Ikan Jallalah Menurut Sains 134
4.6 Tempoh Kuarantin Ikan Ternak Menurut Sains 144

**BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN & PENUTUP 155**
5.1 Pendahuluan 156
5.2 Perbincangan 156
5.3 Cadangan 186
5.4 Keputusan Jawatankuasa Muzakarah MKI 187
5.5 Penutup 188

**BIBLIOGRAFI 189**

# Kata Aluan

## KETUA PENGARAH
## JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA (JAKIM)

بِسْمِ اللهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Segala puji bagi Allah SWT Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang, selawat dan salam kepada junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpahan nikmat kurnian dan perkenan-Nya buku Hukum Kepenggunaan Haiwan Jallalah Dalam Industri Akuakultur di Malaysia dapat diterbitkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Buku ini merupakan hasil kajian yang dijalankan oleh JAKIM bersama pasukan penyelidik daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Jabatan Perikanan Malaysia.

Haiwan *Jallalah* merujuk kepada kategori haiwan yang memakan atau diberi makanan kotor dan najis. Isu semasa yang boleh diqiyaskan adalah penternakan ikan patin dan ikan keli yang dibesarkan dan diberi makanan kotoran dan najis. Amalan pemberian sisa daripada industri ternakan (najis) dalam industri akuakultur di Malaysia boleh berlaku dalam kalangan penternak di ladang-ladang kecil atau ladang persendirian yang tidak berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia. Namun, haiwan *jallalah* ini boleh kembali kepada status asal iaitu halal sekiranya proses purifikasi dilakukan.

Oleh itu, buku ini memberi penjelasan hukum mengenai tempoh dan kaedah panduan kuarantin yang perlu untuk haiwan akua jallalah berdasarkan perundangan Islam dan sains. Melalui buku ini juga menjelaskan hukum kepenggunaan produk berasaskan ternakan *jallalah*.

Semoga dengan adanya buku ini dapat dijadikan sebagai panduan dan penjelasan bagi menangani isu kepenggunaan haiwan jallalah. Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan perhargaan jutaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha untuk menghasilkan buku ini.

Sekian, Terima kasih

**DATUK HAJAH HAKIMAH**
**BINTI MOHD YUSOFF**



BAB 1

# PENGENALAN

# BAB 1 PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kerangka konsep kajian yang dijalankan mencakupi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, skop penyelidikan, kepentingan penyelidikan, dan metodologi penyelidikan.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Perkembangan sains dan teknologi telah menghasilkan pelbagai penemuan dan pendekatan baru bagi memaksimakan produktiviti hasil tani seperti penternakan, perikanan dan pertanian. Natijahnya timbul beberapa isu dan polemik halal-haram apabila perkembangan teknologi tersebut tidak selari dengan kehendak Syarak. Antara isu semasa berkaitan dengan ternakan haiwan yang boleh di*qiyas*kan dengan haiwan *al-Jallalah* adalah seperti penternakan ikan patin *(Pangasius hypopthalmus)* dan ikan keli *(clarias batrachus, Linnaeus)* yang dibesarkan dan diberi makanan kotoran serta najis, lembu Kobe yang diberi minuman wain sejak daripada kecil dan seumpamanya. Selain itu, terdapat juga tumbuhan yang disiram dan diberikan baja daripada khinzir, malah dibiakkan dalam air kumbahan najis (Mohammad Aizat et.al., 2014).

*Al-jallalah* merujuk kepada kategori haiwan yang memakan atau diberi makanan kotor dan najis (Muhammad bin Mukrim, 1990; Mohammad Aizat et.al., 2014), sama ada secara berkala dan konsisten, ataupun sebahagian besar dietnya adalah makanan yang kotor atau tahi. Haiwan ini pada asalnya adalah halal dimakan, namun disebabkan tabiat pemakanannya yang tidak bersih telah mengakibatkan perubahan bau, rasa dan warna asal isinya (Nazih Hammad, 2004; Mohammad Aizat et.al., 2014). Ia merujuk kepada haiwan halal yang berkaki dua atau empat yang diternak, dibiakkan serta

**"Perkembangan sains dan teknologi telah menghasilkan pelbagai penemuan dan pendekatan baru bagi memaksimakan produktiviti hasil tani seperti penternakan, perikanan dan pertanian."**

dibesarkan dengan diberi makanan kotor atau najis *(qazirah)* secara berterusan (Abu al-'Ali Muhammad, 1979; Mohammad Aizat et.al., 2014). Manakala haiwan yang memakan kotoran secara tidak berkala, di samping tidak merubah sama ada struktur bau, rasa dan warnanya, ia tidak dikategorikan sebagai *al-jallalah* (Mohammad Aizat et.al., 2014). al-Nawawi (t.th.) menyatakan *al-Jallalah* adalah kategori haiwan yang diberi makanan kotor dan najis sama ada haiwan tersebut adalah unta, lembu, kambing dan seumpamanya. Keadaan ini boleh menghasilkan bau kotoran di leher, susu atau anggota-anggotanya yang lain.

Isu berkaitan binatang jallalah telah lama menjadi polemik dalam kalangan umat Islam di Malaysia. Pelbagai isu dilaporkan berkaitan produk makanan di Malaysia yang melibatkan isu binatang jallalah. Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menimbulkan isu pada tahun 1998, plasma darah digunakan sebagai agen tambahan dalam makanan seperti bebola ikan, *yogurt* dan seumpamanya. Selain itu, haiwan seperti ayam yang disuntik dengan DNA khinzir dan diberi makan pallet bersumberkan darah. Manakala, pada tahun 1999 timbul isu ternakan ikan yang diberi makanan kotoran bersumberkan sisa daripada najis ayam dan khinzir. Begitu juga pada penghujung tahun 2004, isu di Pulau Pinang terhadap ternakan ikan dan kerang yang dilaporkan berisiko mengandungi bakteria E. Coli *(Escherichia Coli)*. Hal ini kerana ternakan akuatik tersebut dibesarkan dalam perairan laut yang

bersumberkan najis dan kumbahan manusia. Selain itu, sisa ini hasil daripada pengurusan kumbahan yang tidak dirawat terlebih dahulu sebelum dialirkan ke laut, sungai atau tasik sehingga mencemarkan air dan menyebabkan hidupan marin kawasan tersebut tidak selamat dimakan. Diikuti pada awal tahun 2006, masyarakat Malaysia digemparkan oleh akhbar nasional berhubung ikan air tawar khususnya patin *(Pangasius hypophthalmus)* yang diternak di beberapa kawasan bekas lombong sekitar Batu Gajah, Tronoh dan Papan di negeri Perak. Ternakan ikan air tawar ini telah diberi makan organ khinzir. Begitu juga ternakan ikan air tawar yang lain seperti ikan keli, talapia dan sebagainya. Tambahan pula, terdapat daging ayam dan lembu yang disuntik dengan hormon betaagonist serta isu BSE *(Bovine spongiform encephalopathy)* atau penyakit lembu gila *(mad cow disease)* (Jamaludin, M. A., Ramli, M. A., & Ab. Rahman, S., 2014).

Di samping itu, pemberian bahan najis kepada haiwan ternakan turut menyumbang kepada pencemaran alam sekitar. Amirul Aiman Hamsuddin (2020) melaporkan bahawa kolam ternakan ikan keli yang beroperasi secara haram di sebuah kawasan di Hulu Selangor dipercayai menjadi punca pencemaran bau menyebabkan empat Loji Rawatan Air (LRA) di Selangor terpaksa dihenti tugas. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna Selangor; Hee Loy Sian berkata, ia berikutan tindakan pengusaha kolam ternakan itu melepaskan sisa ayam yang diproses ke dalam saluran sungai.

Isu pemberian makanan haiwan dengan bahan-bahan tidak halal atau najis bukan hanya menjadi isu dalam negara sahaja malahan aktiviti ini berlaku secara global. Menurut Zaidah, Jafri dan Suhaimi (2011), Arab Saudi telah memberhentikan pengimportan biri-biri hidup pada tahun 2003 kerana didakwa telah diberi makan najis. Emiriah Arab Bersatu pada tahun 2006 juga telah memberhentikan pengimportan biri-biri dan kambing atas alasan yang sama. Di Pakistan, makanan haiwan yang mengandungi bahan berasaskan khinzir telah dilarang untuk diimport masuk ke dalam negara tersebut (Zaidah et. al., 2011; Nurulaina Saidin et.al., 2015; Muflih et.al, 2017b).

Di Malaysia, perbincangan mengenai status kesucian haiwan *jallalah* juga telah dibincangkan dan diberikan fatwa oleh Mufti sama ada di peringkat kebangsaan atau negeri. Sebilangan negeri ada yang mewartakannya sebagai garis panduan pelaksanaan undang-undang syariah dan ada yang tidak diwartakan. Bagi sebilangan fatwa yang tidak diwartakan, keputusan tersebut kekal sebagai panduan umum bagi masyarakat untuk melaksanakannya (Mohammad Aizat et.al., 2014). Terdapat dua bentuk fatwa dan penjelasan hukum di Malaysia berkaitan isu haiwan jallalah. Pertama, difatwakan bahawa haiwan jallalah adalah haram dimakan tanpa dijelaskan penyelesaiannya melalui kaedah kuarantin. Kedua, difatwakan bahawa haiwan jallalah adalah haram dimakan, namun jika dikuarantin selama tujuh hari, maka ia kembali kepada status halal.

1) Binatang *jallalah* haram dimakan

a) Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan 2006

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah membincangkan status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal. Muzakarah telah memutuskan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya.

b) Fatwa Negeri Kelantan 2006

Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 21 Disember 2006 telah membincangkan status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal. Mesyuarat telah membuat keputusan bersetuju memfatwakan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan yang berasal daripada daging babi dan anggota-anggotanya yang lain adalah haram dimakan dan para penternak ikan dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan yang berasal daripada daging babi dan anggota-anggotanya sebagai langkah *saddu al-zara'i`*."

c) Fatwa Negeri Selangor 2007

Fatwa yang dikeluarkan oleh negeri Selangor dan diwartakan pada 2007. Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut: (1) Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan daripada najis seperti babi dan bangkai sebagai sumber makanan utama adalah haram dimakan; dan (2) Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah pencegahan di samping menjaga sensitiviti umat Islam.

d) Fatwa Wilayah Persekutuan 2007 .

Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan dan diwartakan pada 2007. Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut: "Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging babi, bangkai dan sebagainya."

e) Mesyuarat Panel Kajian Syariah Kali ke-54 yang bersidang pada 23-25 Febuari 2006 di Bayview Hotel, Langkawi telah mengambil keputusan berikut:

i. Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan daripada najis seperti babi dan bangkai sebagai sumber makanan utama adalah haram dimakan.

ii. Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah sad al-zarai' di samping menjaga sensiviti umat Islam (JAKIM, 2006).

2) Haiwan jallalah adalah haram dimakan, namun jika dikuarantin, maka ia kembali kepada status halal

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil 10/2013-1434H yang bersidang pada 28 Oktober 2013 bersamaan 23 Zulhijah 1434H telah bersetuju memutuskan untuk menerima keputus an Muzakarah Fatwa Kebangsaan Kali ke-91 dalam isu Haiwan Jalalah Dalam Industri Ternakan Moden dengan *sighah* seperti

berikut:

i. Binatang *jallalah* yang bebas dan memakan sesuatu yang najis adalah makruh untuk dimakan.

ii. Manakala binatang jalalah yang dibela atau dikurung serta sengaja diberi makan makanan yang najis adalah haram dimakan.

iii. Walaupun begitu binatang jalalah tersebut harus dimakan apabila ia telah melalui proses kuarantin yang munasabah iaitu sekurang kurangnya tujuh (7) hari.

Haiwan *jallalah* menurut *Malaysian Standard 2393:2010* Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan Istilah 2.13 bermaksud, "Binatang yang dagingnya berbau busuk disebabkan memakan najis dan hidup di persekitaran najis." (MS 2393: 2010: 2) Berdasarkan MS1500:2019 haiwan jalllalah dianggap sebagai binatang yang tidak halal. Klausa 4.5.1.1.1(h) menggariskan bahawa haiwan halal yang dengan sengaja dan berterusan diberi makan najis adalah dianggap haiwan tidak halal untuk dimakan, manakala dalam Klausa 4.5.1.1.2 pula menyatakan bahawa hidupan air yang tinggal dalam najis atau dengan sengaja dan berterusan diberi makan najis adalah tidak halal."

Fatwa dan penjelasan hukum berkaitan binatang *jallalah* ini telah menimbulkan persoalan dalam kalangan masyarakat. Konvensyen dan Pameran Keli Anjuran Jabatan Perikanan Air Tawar Fri Geli Meri, Jelebu, Negeri Sembilan pada 27-28 Oktober 2014 telah mencadangkan:

1) Tempoh kuarantin. Peserta mempersoalkan justifikasi tempoh kuarantin selama 7 hari boleh meningkatkan kos dan bercanggah dengan dapatan kajian saintis yang menyatakan bahawa tempoh 36 jam telah memadai untuk menghilangkan segala kandungan isi perut dan DNA babi.

2) Hukum makanan haiwan yang dibuat dari najis *mughallazoh* dan *mutawassitoh*. Apakah ada perbezaan hukum antara memberi makan campuran makanan ikan dari najis *mutawassittoh* (perut ayam) dan najis *mugahallazoh* (babi)?

3) Hukum ulat segar dari bangkai ayam/babi. Apakah hukum memberi makanan ikan dari ulat-ulat segar yang terhasil dari bangkai –bangkai ayam/babi yang sengaja dibiarkan?

4) Pewartaan dan Penguatkuasaan Fatwa. Peserta mengesyorkan agar pewartaan dan penguatkuasaan fatwa dapat dilaksanakan bagi mengekang perbuatan yang memberi makan bersumberkan babi kepada ikan serta bagi mematuhi kebersihan alam sekitar.

5) Isu Samak. Isu samak berkaitan dengan menyentuh makanan ikan/ayam/ haiwan yang kebanyakannya mengandungi kandungan darah/ isi babi.

6) Kaedah-kaedah Kuarantin. Kaedah-kaedah kuarantin berdasarkan tempoh dan cara pengkuarantinan di dalam Islam.

7) Fatwa dikemaskini dan diperjelaskan semula. Syor agar Fatwa yang telah dikeluarkan dikemaskini dengan data-data saintifik dan pemasalahanpemasalahan terbaru dengan kerjasama Jabatan Perikanan Air Tawar dan Jabatan Veterinar.

Di samping itu, kajian literatur turut membincangkan isu berkaitan penjelasan hukum dan fatwa pengharaman binatang jallalah di Malaysia seperti berikut:

## 1. Isu asas fatwa

Norhidayah Pauzi & Saadan Man (2015) memberikan komentar terhadap penjelasan hukum yang diputuskan dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan 2006 yang memutuskan bahawa haiwan jallalah haram dimakan, terdapat isu dalam metode penghasilan fatwa. Kertas kerja yang menjadi asas rujukan penetapan hukum tersebut kurang merujuk kepada kitab turath yang berautoriti secara khususnya dalam mazhab Syafi'i. Ia banyak merujuk kepada kitab *fiqh* kontemporari, serta *wajh dilalah* daripada ayat al-Quran dan hadis yang dijadikan hujah tidak merujuk kepada penghujahan ulama muktabar. Serta fatwa yang dikeluarkan terlalu umum dan kabur untuk dipraktikkan oleh masyarakat umum. Manakala fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan Brunei yang memfatwakan hukum makruh haiwan jallalah adalah lebih

kuat, kerana ia merujuk kepada kitab turath mazhab Syafi'I serta lebih jelas untuk dilaksanakan oleh masyarakat. Namun begitu menurut Norhidayah Pauzi & Saadan Man (2015), fatwa pengharaman haiwan jallalah yang dikeluarkan oleh Institusi Fatwa di Malaysia dan yang diaplikasikan oleh Sistem Pensijilan Halal Malaysia adalah lebih tepat dengan realiti. Ini bagi mencegah keburukan yang lebih besar kesannya ke atas masyarakat awam di Malaysia serta sebagai langkah berhat-hati dan *sad zara'I* demi menjamin kesucian melaksanakan ibadah dalam kehidupan umat Islam di Malaysia. Tegahan ini juga menghalang para penternak daripada memandang remeh isu pemberian makanan ternakan daripada najis, tanpa mengambil kira sensitiviti umat Islam. Sekiranya institusi fatwa di Malaysia tidak berkeras dengan pengharaman tersebut, maka para penternak akan mengeksploitasi hukum makruh dengan sewenang-wenangnya menggunakan najis untuk diberi makan kepada ternakan mereka, serta ini akan menimbulkan kekeliruan dalam kalangan para pengguna.

## 2. Isu makanan haiwan

Haiwan *jallalah* dihukumkan haram, namun isu makanan binatang ternakan tidak termasuk dalam kawalan pensijilan halal Malaysia. Jika haiwan jallalah dihukumkan haram kerana diberi makan najis oleh penternak, maka sewajarnya makanan yang diberikan kepada binatang ternakan juga perlu dipastikan tidak mengandungi najis. Namun masih belum ada peruntukan undang-undang yang mengawalselia dari aspek kehalalan makanan haiwan di Malaysia (Nurulaina Saidin et.al., 2015; Nurulaina Saidin & Fadilah Abd Rahman, 2016; Iqbal et.al (2019).

Jabatan Perikanan Malaysia dalam Kenyataan Media bertarikh 23 Febuari 2019 menyatakan bahawa perbincangan bersama Hab Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah dilakukan dan Hab Halal JAKIM memutuskan isu halal hanyalah dihadkan kepada barangan makanan dan barangan kegunaan peribadi sahaja tidak dikembangkan ke atas haiwan kerana hukum halal dan larangan haram hanya

terpakai kepada manusia sahaja (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019).

Isu makanan yang diberikan kepada binatang ternakan merupakan salah satu titik kritikal dalam sistem rantaian pembekalan makanan halal *(Lodhi,* 2010; Nurulaina Saidin & Fadilah Abd Rahman, 2016; Nurulaina Saidin et.al, 2017; Ashraf, A. M., & Rahman, F. A., 2018a; Iqbal et.al, 2019; Muhamad Amin Jahari, 2019). Dewasa ini isu keselamatan dan kualiti makanan adalah antara isu besar dalam kalangan pengguna. Bagi meningkatkan keyakinan pengguna Muslim terhadap kualiti sesuatu produk, maka isi kandungan sesuatu produk perlu dikenalpasti. Termasuklah makanan yang diberikan kepada haiwan ternakan. Isu pemberian najis atau makanan tidak natural kepada binatang ternakan mula diperkatakan dalam kalangan para pengguna, khususnya pengguna Muslim (*Muflih* et.al, 2017b)

Menurut kajian Fathiyah, N. (2019), Penggunaan kotoran ayam sebagai makanan haiwan ternakan banyak mengalami perdebatan, antaranya dari aspek kesehatan dan agama sehingga tidak layak untuk dikonsumsi karena mengandung bakteria pathogen. Berdasarkan kajian, antara punca wujudnya penyakit lembu gila (*Bovine Spongiform Encephalopathy*-BSE) adalah sumber bahan makanan yang diberikan kepada lembu, yang seterusnya ia memberikan kesan kepada manusia yang makan daging lembu tersebut (Brown et. al, 2001; el-Naggar, 2005; Iqbal et.al, 2019). Menurut kajian Crump et.al (2002) makanan tercemar yang diberikan kepada haiwan terbukti memberikan kesan kepada kes keracunan makanan apabila manusia memakan haiwan tersebut. Timbulnya permasalahan yang berkaitan dengan makanan haiwan disebabkan haiwan itu diberi makan dengan makanan tidak sesuai dan tidak wajar, terutamanya kerana apa yang disebut 'pertimbangan ekonomi' (el-Naggar, 2005; Ashraf, A. M., & Rahman, F. A., 2018a; Iqbal et.al, 2019).

Menurut Muhamad Amin Jahari (2019), dalam industri

ternakan komersial, makanan haiwan mewakili 70% daripada kos keseluruhan penternakan. Justeru, bagi menjimatkan kos, haiwan diberikan antibiotik dan hormon tumbesaran untuk meningkatkan seleranya dan tumbesarannya, di samping berbagai lagi sumber protein tambahan lain yang murah seperti bahan berasal daripada khinzir, bangkai binatang yang tidak disembelih dan bahan buangan rumah sembelihan (darah dan najis). Menurut Mohd Farhan Bin Md Ariffin (2019), dalam konteks Perusahaan Kecil Dan Sederhana, pemberian makanan berupa najis, sisa sembelihan dan bangkai terhadap haiwan ternakan merupakan kesalahan yang sengaja dilakukan oleh penternak sebagai jalan pintas untuk mendapatkan keuntungan.

Berdasarkan kajian Omar, E. N., Jaafar, H. S., & Osman, M. R. (2012), terdapat lima Titik Kawalan Kritikal Halalan Toyyiban (HTCCP) dalam rantaian bekalan binatang ternakan yang merangkumi pemberian makanan dan sumber bahan makanan. Hasil kajian ini mencadangkan agar sumber makanan haiwan ternakan perlu mendapatkan pengesahan halal untuk mengekalkan status *halalan toyyiban*. Bonne & Verbeke (2008) telah mengenalpasti bahawa ketika proses pembiakan haiwan ternakan adalah Titik Kawalan Kritikal Halal (HCP) pertama untuk dinilai dalam rantaian daging halal dan menjelaskan kepentingan proses kuarantin haiwan yang memakan kotoran dan memakan makanan fomula yang berasaskan protein haiwan dan produk sampingan haiwan lain.

Menurut kajian Zairotul Mukhsinah (2016), perniagaan penghasilan cacing daripada sampah organic untuk kegunaan makanan haiwan adalah antara peluang perniagaan yang besar. Sampah yang dihasilkan dalam sesebuah Pusat pengajian, yang dalam kajian beliau di Pondok Pesantren At-Tanwir, Indonesia, dapat dimanfaatkan dengan perniagaan penghasilan cacing ulat sampah untuk dijual sebagai makanan haiwan. Rika Fitri Cahyaningrum (2019) dalam kajiannya menjelaskan bahawa

para ulama kontemporari berbeza pendapat dalam menjelaskan hukum berkaitan perniagaan penghasilan cacing tersebut. Ada yang mengharamkannya kerana cacing dianggap najis dan tidak boleh dijual beli, manakala ada yang mengharuskannya kerana ia boleh dimanfaatkan. Menurut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-81 bertarikh 31 Mac 2008 yang memutuskan bahawa menggunakan lintah dan cacing dalam perubatan dan sebagai bahan dalam kosmetik adalah harus. Begitu juga hukum menternak atau berjual beli atas dasar manfaat yang diperolehi daripada kedua-dua haiwan tersebut adalah harus. Keputusan ini disokong dalam Fatwa Wilayah Persekutuan 2008, Fatwa Negeri Pahang 2008, Fatwa Negeri Pulau Pinang 2009, dan Fatwa Negeri Johor 2009.

Iqbal et.al (2019) mencadangkan agar isu makanan haiwan ternakan memerlukan semakan semula perbincangan hukum yang dilakukan oleh para ulama terdahulu dengan keperluan semasa. Ini bagi menjamin keselamatan makanan dan status *halalan toyyiba* dapat dikekalkan. Kaedah kuarantin binatang jallalah yang telah tercemar dengan najis yang dimakan, yang dibincangkan oleh para ulama terdahulu perlu diperhalusi dan dipraktik bagi memenuhi keperluan ini. Dapatan kajian Nurulaina Saidin et.al., (2015) menunjukkan bahawa walaupun telah wujud undangundang khusus yang mengawalselia hal-hal berkaitan makanan haiwan di Malaysia, namun masih belum ada peruntukan undang-undang yang mengawalselia dari aspek kehalalan makanan haiwan.

Menurut Nurulaina Saidin & Fadilah Abd Rahman (2016), walaupun haiwan jallalah dihukumkan haram dalam keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan dan Standard Malaysia, namun menurut Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia, makanan binatang tidak termasuk dalam skop pensijilan halal. Ini menyebabkan pengeluar produk makanan binatang tidak mengambil endah sehingga

menghasilkan makanan binatang yang berasaskan kepada bahan najis. Nurulaina Saidin & Fadilah Abd Rahman (2016) mencadangkan agar digubal undang-undang dan peraturan berkaitan makanan binatang yang berstatus halal. Serta JAKIM perlu meminda Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia dengan memasukkan makanan binatang sebagai cakupan pensijilan halal. Menurut kajian Lusi Haerunnisa (2019) dan Nita Fathiyah (2019) walaupun najis yang digunakan untuk menghasilkan makanan haiwan ternakan dikatakan mempunyai protein, serat, tenaga, dan mikroorganisme probiotik, namun di samping itu, bahan tersebut juga mengandungi mikroorganisme pathogen yang boleh menyebabkan penyakit. Berdasarkan kajian Lusi Haerunnisa (2019), ikan tilapia yang diberi makan usus ayam, mengandungi enam jenis bakteria *pathogen* yang membawa penyakit iaitu *Listeria sp, Staphylococcus sp, Alcaligenes sp, Chromobacterium sp, Edwardisiella sp*, dan *Micrococus sp*, sehingga ikan jallalah itu tidak selamat untuk dikonsumsi manusia. Manakala kajian Nita Fathiyah (2019) terhadap ikan tilapia yang diberi makan usus ayam, bakteria *pathogen* yang terdapat pada usus ikan tilapia tersebut berkurangan setelah proses kuarantin dilakukan dan ikan tilapia tersebut kembali selamat untuk dikonsumsi.

## 3. Isu kaedah kuarantin

Berdasarkan laporan Berita Harian 21 Julai 2012 bertajuk "DOF mahu periksa 1,000 pengusaha", Jabatan Perikanan bersetuju



untuk membantu JAKIM bagi memastikan para penternak melakukan proses kuarantin. Namun, Jabatan Perikanan memerlukan garis panduan pelaksanaan kuarantin daripada JAKIM dan Muzarakah Fatwa Kebangsaan. Dalam laporan tersebut juga menyatakan bahawa tempoh kuarantin yang disyaratkan adalah selama 36 jam. Persoalan yang timbul ialah adakah garis panduan tersebut telah disediakan? Serta apakah rujukan kepada tempoh kuarantin 36 jam tersebut? Ini disebabkan, tiada keputusan berkaitan kaedah dan tempoh kuarantin diputuskan oleh Muzakarah Fatwa Kebangsaan. Bahkan tempoh 36 jam yang dilaporkan itu, berbeza dengan keputusan Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan yang mensyaratkan tempoh kuarantin adalah selama tujuh hari.

Kajian Muflih et.al (2017b) mencadangkan agar satu kajian dilakukan berkaitan isu kuarantin binatang jallalah. Menurut Iqbal et.al (2019), walaupun fatwa sedia ada dari Malaysia, Indonesia dan Brunei yang melarang pengambilan al-jallalah dan amalan pemberian makanan tidak halal, namun tidak ada alternatif penyelesaian disediakan bagi pengguna, penternak, pemborong, peniaga, pengilang makanan haiwan, bagi menangani isu ini. Satu garis panduan pelaksanaan proses kuarantin haiwan jallalah perlu diberikan dengan jelas bagi menyelesaikan isu ini. Dalam konteks keselamatan makanan, saranan baginda Nabi Muhammad saw agar haiwan jallalah dikuarantin sebelum dimanfaatkan, mempunyai pengaruh yang besar dalam memastikan keselamatan sumber bahan mentah. Dengan itu, haiwan akan kembali bersih, lebih lazat, baik dan tidak berbahaya untuk digunakan dalam proses penghasilan makanan (Mohd Farhan Bin Md Ariffin, 2019)

## 4. Isu kesedaran pengeluar makanan haiwan, penternak, peniaga dan pengguna

Penjelasan hukum dan fatwa pengharaman binatang jallalah di Malaysia masih kurang disedari oleh pengguna (Muflih, 2017a)

dan peniaga (Nor Fariza Ramlan, 2012). Menurut Muflih (2017a), ramai dalam kalangan pengguna yang tidak sedar, bahawa ikan juga ada kategori halal dan haram. Kebiasaannya, pengguna menganggap bahawa semua jenis ikan adalah halal dimakan. Isu ikan yang diberi makan najis adalah termasuk dalam kategori ikan yang haram dimakan. Namun ramai dalam kalangan pengguna di Malaysia kurang mengendahkan ikan jallalah. Ini menyokong laporan Nor Fariza Ramlan (2012), iaitu ramai kalangan penjual dan pembeli keli di sekitar ibu negara tidak mengetahui kepentingan proses kuarantin haiwan jallalah sebelum ia dijual atau dimakan. Seorang peniaga di Pasar Harian Selayang, yang menjual kira-kira 400 kilogram keli sehari yang sudah menjual keli sejak tiga tahun lalu, berkata ramai penjual hanya mengambil bekalan keli daripada pengusaha dan tidak mengetahui proses lain yang perlu dilakukan selepas itu. Peniaga tersebut juga menyatakan menurut pengusaha yang menternak keli, haiwan itu memang diberi makan usus ayam dan dedak, tetapi ramuan di dalamnya tidak pula diperincikan. Nor Fariza Ramlan (2012) turut mendedahkan bahawa terdapat kajian yang dijalankan terhadap dedak makanan ikan keli kebanyakannya diimport dari China, Thailand dan Taiwan mendapati mempunyai DNA babi. Beliau turut menukilkan pendapat Mufti Perak; Harussani Zakaria dalam satu kenyataan menegaskan, haram bagi umat Islam makan haiwan ternakan diberi makan bangkai, najis serta makanan mengandungi DNA babi.

Menurut Dalil (2020), Allah memerintahkan manusia untuk mengkonsumsi makanan yang bukan hanya halal, tapi juga baik *(halalan toyyiban)* dengan tujuan agar tidak membahayakan bagi tubuh badan manusia. Bahkan perintah ini disejajarkan dengan bertaqwa kepada Allah, sebagai perintah yang sangat tegas dan jelas dalam surah al-Maidah ayat 88. Selain halal, makanan juga mestilah baik. Meskipun sesuatu makanan itu halal, tapi jika tidak baik, maka sepatutnya ia tidak dimakan. Antara kriteria makanan yang baik adalah bergizi tinggi, makanan lengkap dan berimbang, tidak mengandung

zat-zat yang membahayakan bagi kesihatan, alami, tidak mengandung berbagai zat kimia dan racun, masih segar, tidak membusuk atau basi sehingga warna, bau, dan rasanya berubah dan tidak dikosumsumsi secara berlebihan. Oleh itu, isu konsumsi binatang *jallalah* perlu dinilai daripada elemen halalan toyyiba, bukan hanya sekadar dinilai pada statusnya halalnya sahaja.

Oleh itu, pengguna Muslim yang mementingkan makanan *halalan toyyiba*, mesti juga sensitif berkaitan isu sumber makanan haiwan halal yang hendak dimakan, agar haiwan halal diberi makan dengan makanan yang halal dan selamat (Saidin et.al, 2017; Ashraf, A. M., & Rahman, F. A., 2018a). Pengguna Muslim seharusnya bukan hanya mementingkan aspek halal pada akhir sesuatu produk, namun bicara halal harus diperluaskan kepada sumber makanan yang diberikan kepada haiwan (Iqbal et.al, 2019).

Turut menjadi isu dalam industri penternakan ialah kurangnya kefahaman dalam kalangan penternak dan pengusaha industri makanan haiwan berkaitan konsep halal dalam produk makanan. Kebanyakan dari pengilang makanan haiwan dan penternak tidak memahami bahawa penggunaan makanan haiwan yang tidak halal boleh mencemarkan status halal haiwan yang diberi makanan tersebut. Kajian yang dijalankan terhadap pengilang makanan haiwan di Malaysia oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mendapati bahawa lebih empat puluh peratus daripada sampel kajian tidak mempunyai garis panduan yang jelas dalam penghasilan makanan haiwan serta tidak mengetahui dengan tepat tentang keperluan halal dalam proses pengeluaran makanan haiwan (Suhaiza Hanim et.al., 2010; Nurulaina Saidin et.al., 2015).

Menurut Iqbal et.al (2019), para penternak dan sector yang berkaitan perlu secara kolektif mengambil tanggungjawab bagi memastikan kualiti, keselamatan, dan integriti halal penternakan haiwan bagi mengekalkan keyakinan pembekalan rantaian makanan halal.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Berdasarkan kepada ketidakjelasan penjelasan status haiwan *jallalah*

tersebut, maka kajian ini perlu dilakukan bagi menyelaraskan fatwa berkaitan hukum kepenggunaan haiwan jallalah di Malaysia khususnya berkaitan haiwan akua.

## 1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk memenuhi objektif berikut:

i) Menganalisa pendapat ulama berkaitan hukum kepenggunaan haiwan *jallalah*.
ii) Menganalisa amalan pemberian makanan daripada najis dalam industri akuakultur di Malaysia.
iii) Mencadangkan pentarjihan hukum penternak memberikan ternakan makanan daripada najis.
iv) Mencadangkan pentarjihan hukum pengguna menggunakan produk berasaskan ternakan *jallalah* yang tidak dikuarantin.
v) Mencadangkan pentarjihan hukum tempoh kuarantin akuakultur jallalah dan kaedah kuarantin berdasarkan perundangan Islam dan sains.

## 1.5 Skop Penyelidikan

Kajian dilaksanakan berdasarkan batasan berikut:

1) Kajian ini hanya mengkaji amalan pemberian makanan daripada najis dalam industri akuakultur di Malaysia.
2) Cadangan pentarjihan hukum hanya melibatkan kepenggunaan haiwan akua *jallalah*.
3) Kajian lapangan yang telah dilakukan ialah temubual di Jabatan Mufti NegeriNegeri dan dalam kalangan ahli akademik.

## 1.6 Kepentingan Penyelidikan

Dapatan kajian ini adalah untuk pelbagai pihak yang berkaitan iaitu:

i) JAKIM / Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan – menyediakan data berkaitan amalan pemberian makanan daripada najis dalam industri akuakultur di Malaysia dan mencadangkan pentarjihan hukum tentang kepenggunaan haiwan akua *jallalah*.
ii) Jabatan Perikanan Malaysia dan Industri Akuakultur di Malaysia – mengemukakan panduan kuarantin haiwan akua jallalah berpandukan perundangan Islam dan sains.
iii) Jabatan Standard Malaysia – mencadangkan penambahbaikan MS 1500:2019 berkaitan haiwan jallalah dan kaedah kuarantin

## 1.7 Metodologi Penyelidikan

Kajian ini merupakan kajian kualitatif data dikumpul melalui analisa teks dan temubual. Reka bentuk kajian ini menggunakan reka bentuk sejarah dan reka bentuk kajian kes. Oleh kerana matlamat utama penyelidikan kualitatif bukan untuk membuat generalisasi (Merriam, 1998), tetapi untuk mendapatkan pemahaman mendalam terhadap sesuatu perkara yang bersifat partikularisasi (Stake, 1995), maka penyelidikan kualitatif sangat bergantung kepada persampelan bertujuan (Gay &Airasian, 2000; Mohd Azhar, 2012). Kajian ini menggunakan persampelan bertujuan bagi setiap instrumen iaitu analisis dokumen dan temubual.

### 1.7.1 Kaedah Pengumpulan Data

Data kajian ini dikumpulkan melalui dua kaedah; temubual dan dokumen.

i) Temubual

Sesi temubual telah dijalankan antara 1 Disember 2019 hingga 26 Febuari 2020, yang melibatkan 11 orang responden. Kaedah temubual yang digunakan adalah temubual bersemuka. Temubual responden telah dijalankan oleh ahli kumpulan penyelidik. Responden kajian sebagaimana Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Responden Temubual

| Bil. | Responden | Maklumat Temubual |
|---|---|---|
| 1 | Yang Berhormat Sohibus Samahah Dato' Sri Dr Haji Abdul Rahman Bin Haji Osman<br><br>**Jawatan:** Mufti Kerajaan Negeri Pahang | **Tarikh:** 30 Januari 2020 (Khamis)<br>**Masa**: 10.30 pagi<br>**Tempat**: Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pahang<br>Jabatan Mufti Negeri Pahang<br>Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Istana Permai, 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur |
| 2 | Yang Berhormat Sohibus Samahah Dato' Haji Mohamad Shukri Bin Mohamad<br><br>**Jawatan:** Mufti Kerajaan Negeri Kelantan | **Tarikh:** 1 Disember 2019 (Ahad)<br>**Masa:** 3.00 petang<br>**Tempat:** Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Kelantan<br>Jabatan Mufti Kelantan<br>Kompleks Islam Darul Naim, Lundang, Jalan Sultan Yahya Petra, 15200, Kota Bharu, Kelantan |

| | | |
|---|---|---|
| 3 | Yang Berhormat Sahibus Samahah Dato' Hj. Mohd Yusof Bin Hj. Ahmad<br><br>**Jawatan:** Mufti Kerajaan Negeri Sembilan | **Tarikh:** 26 Febuari 2020 (Rabu)<br>**Masa:** 11.00 pagi<br>**Tempat:** Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Sembilan<br>Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan<br>Aras 15, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga,<br>70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul Khusus. |
| 4 | Yang Berbahagia Sohibul Fadhilah Tuan Haji Abdul Zaki bin Md Zin<br><br>**Jawatan:** Timbalan Mufti Kerajaan Negeri Pahang | **Tarikh:** 30 Januari 2020 (Khamis)<br>**Masa:** 10.30 pagi<br>**Tempat:** Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pahang<br>Jabatan Mufti Negeri Pahang<br>Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah<br>Jalan Istana Permai, 26600 Pekan Pahang Darul Makmur |
| 5 | Yang Berbahagia Sohibul Fadhilah Dr. Miziazam bin Yahaya<br><br>**Jawatan:** Ketua Penolong Mufti Kerajaan Negeri Pahang | **Tarikh:** 30 Januari 2020<br>**Masa**: 10.30 pagi<br>**Tempat**: Pejabat Mufti Kerajaan Negeri Pahang<br>Jabatan Mufti Negeri Pahang<br>Kompleks Islam Sultan Haji Ahmad Shah, Jalan Istana Permai, 26600 Pekan, Pahang Darul Makmur |
| 6 | Yang Berbahagia Sohibul Fadhilah Dr. Mohd Aizam bin Mas'od<br><br>**Jawatan:** Pegawai Hal Ehwal Islam S44(M) Unit Buhuth - Pejabat Mufti<br>Wilayah Persekutuan | **Tarikh:** 10 Disember 2019<br>**Masa:** 3.00 petang<br>**Tempat:** Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan<br>Jabatan Perdana Menteri<br>Aras 5, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya No. 3, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3 62100 Putrajaya, Malaysia. |
| 7 | Dr Nurhidayu Al-Saari<br><br>**Jawatan:** Pensyarah Kanan, International Institute for Halal Research and Training (INHART) IIUM<br><br>**Bidang:** Aquaculture and fish health | **Tarikh:** 26 Disember 2019<br>**Masa:** 3.00 petang<br>**Tempat:** International Institute for Halal Research and Training (INHART), Level 3, KICT Building, International Islamic University Malaysia (IIUM), 53100 Jalan Gombak, Selangor, Malaysia. |

| | | |
|---|---|---|
| 8 | Prof Madya Dr. Zaleha Kassim<br><br>**Jawatan:** Prof Madya, Fakulti Sains, IIUM Kuantan<br><br>**Bidang:** Sains Biologi | **Tarikh:** 5 Febuari 2020<br>**Masa:** 10.00 pagi<br>**Tempat:** International Institute for Halal Research and Training (INHART), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Kampus Kuantan, Jalan Sultan Ahmad Shah, Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan, Pahang |
| 9 | Dr. Noor Faizul Hadry Nordin<br><br>**Jawatan:** Pensyarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan Bioteknologi, Fakulti Kejuruteraan, IIUM Gombak<br><br>**Bidang:** Biosafety and Biosecurity | **Tarikh:** 30 Januari 2020 (Khamis)<br>**Masa:** 11.00 pagi<br>**Tempat:** International Institute for Halal Research and Training (INHART), Level 3, KICT Building, International Islamic University Malaysia (IIUM), 53100 Jalan Gombak, Selangor, Malaysia. |
| 10 | Dr Mohammad Aizat Jamaludin<br><br>**Jawatan:** Pensyarah Kanan, International Institute for Halal Research and Training (INHART) IIUM<br><br>**Bidang:** Syariah | **Tarikh:** 16 Januari 2020<br>**Masa**: 3.00 petang<br>**Tempat**: International Institute for Halal Research and Training (INHART), Level 3, KICT Building, International Islamic University Malaysia (IIUM), 53100 Jalan Gombak, Selangor, Malaysia. |
| 11 | Dr Betania Kartika Muflih<br><br>**Jawatan:** Pensyarah Kanan, International Institute for Halal Research and Training (INHART) IIUM<br><br>**Bidang:** Quran & Sunnah | **Tarikh:** 20 Januari 2020<br>**Masa:** 10.00 pagi<br>**Tempat:** International Institute for Halal Research and Training (INHART), Level 3, KICT Building, International Islamic University Malaysia (IIUM), 53100 Jalan Gombak, Selangor, Malaysia. |



ii) Dokumen

Pendapat para ulama' muktabar mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'I dan Hanbali dikumpulkan daripada sumber penulisan primer berkaitan isu hukum haiwan jallalah.

Data bertema 'jallalah' telah dianalisa daripada 76 kitab turath dalam kajian ini.

### 1.7.2 Kaedah Analisis Data

Analisis data yang digunakan bagi kajian kualitatif ini merupakan analisis tematik secara deduktif. Analisis tematik digunakan kerama ia adalah teknik yang fleksibel, tidak mengambil masa yang begitu lama dan lebih ringkas dalam mendapatkan data yang tepu *(saturation point)* (Braun & Clarke, 2006; Boyatzis, 1998).

Analisis tematik adalah satu kaedah analisis data yang digunakan untuk mengenal pasti, menganalisis dan melaporkan *pattern* (tema) di dalam data yang diperolehi (Braun & Clarke, 2006, p.79). Analisis deduktif menunjukkan bahawa aspek kajian telah ditetapkan oleh peyelidik. Dalam kajian ini ia menunjukkan skop kajian iaitu amalan pemberian makanan daripada najis dalam industri akuakultur di Malaysia dan hukum kepenggunaan haiwan akua jallalah. Secara umum langkah untuk menganalisis data secara tematik dalam kajian kualitatif ialah [Braun and Clarke (2006)]:

i) *Data familiarization*. Bagi data dokumen, penyelidik telah membaca berulang kali dokumen yang menjelaskan hukum haiwan jallalah menurut para ulama. Manakala bagi data temubual, penyelidik mendengar audio temubual sekurang-kurangnya sekali untuk mendapat idea secara umum berkaitan corak dan idea responden.

ii) *Data transcription*. Bagi data dokumen, penyelidik telah mengasingkan data yang menjelaskan berkaitan hokum haiwan jallalah daripada buku karangan ulama terdahulu dalam bahasa Arab dan kemudian menterjemahkannya ke dalam bahasa Melayu. Manakala bagi data temubual, data temubual ditranskripsi dalam bentuk penulisan untuk mendapatkan data secara tematik

iii) *Organizing themes*. Penyelidik menyusun data dokumen dan temubual mengikut objektif kajian.

iv) *Reviewing themes*. Menyusun data atau tema yang perlu dimurnikan, digabungkan, diasingkan atau dibuang.

v) Laporan analisis.



BAB 2

# HAIWAN *JALLALAH* MENURUT TEKS KLASIK FIQH ISLAM

# BAB 2 HAIWAN *JALLALAH* MENURUT TEKS KLASIK FIQH ISLAM

## 2.1 Pendahuluan

Bab ini menganalisa data dokumen berdasarkan teks klasik fiqh Islam karangan para ulama muktabar mazhab Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali. Analisis bab ini bagi memenuhi objektif pertama kajian iaitu menganalisa pendapat ulama berkaitan hukum kepenggunaan haiwan jallalah. Bab ini dibahagikan kepada sub tajuk iaitu definisi jallalah, dalil jalllalah, dan analisa hukum jallalah menurut empat mazhab; Syafi'i, Hanafi, Maliki dan Hanbali, daripada aspek hukum memanfaatkan haiwan jalllalah, hukum berkaitan kuarantin, serta hukum lain yang berkaitan.

## 2.2 Definisi *Jallalah*

Perkataan 'jallalah' berasal daripada bahasa Arab merujuk kepada binatang yang makan *'al-jallah'* iaitu tahi binatang atau manusia (Ibn Manzur, 1414H: 11/119). Manakala menurut istilah, para fuqaha' berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud binatang 'jallalah':

**Pertama:**

***Jallalah* merujuk kepada binatang yang hanya makan najis dan berbau busuk**

Menurut ulama Hanafiyyah, 'jallalah' merujuk kepada binatang yang hanya makan tahi; sama ada tahi binatang (al-jallah/al-ba'rah) atau tahi manusia (al-'adhirah) atau najis yang lain dan tidak makan makanan yang lain, serta daging binatang itu berbau busuk (Al-Sarakhsi, 1993: 11/255; al-Zayla'i, 1313H: 6/6; Ibn Nujaym, t.th.: 1/134; 'Ala' al-Din Al-Haskafi, 1992: 6/340; Ibn 'Abidin, 1992: 6/340).

Manakala jika binatang itu makan bercampur antara najis dan bukan najis, walaupun najis lebih banyak dimakan, maka ia tidak dinamakan

'jallalah' (AlSarakhsi, 1993: 11/255; Ibn Mawdud al-Musili, 1937: 5/16; al-Haddadi, 1322H: 2/185; Badr al-Din al-'Aini, 2000: 11/602; Ibn al-Shihnah, 1973: 1/381; Mulla Khasro, t.th.: 1/27; *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah al-Kuwaitiyah*, 1427H: 15/261).

**Kedua:**

***Jallalah* merujuk kepada binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis**

Menurut ulama Malikiyyah, 'jallalah' merujuk kepada binatang yang makan najis; sama ada tahi binatang (al-jallah/al-ba'rah) atau tahi manusia (al-'adhirah) (Ibn Rushd al-Hafid, 2004: 3/18; al-Hattab, 1992: 3/229; al-Sawi, t.th.: 2/180).

Menurut ulama Hanabilah, 'jallalah' merujuk kepada apa-apa yang makan tahi manusia (al-'adhirah) daripada kalangan binatang ternakan dan burung (Abu Daud al-Sijistani, 1999: 345). Ibn Qudamah menjelaskan, 'al-jallalah' ialah yang kebanyakan makanannya daripada najis (1994: 1/42). Pendapat ini turut dinyatakan oleh Ibn Abi 'Umar (w 682H) (t.th.: 11/90), Burhan al-Din Ibn Muflih (w 884H) (1997: 8/11), Al-Mardawi (w 885H) (t.th.: 10/366), Al-Hijjawi (w 968H) (t.th.: 4/311), Mar'i al-Karami (w 1033H) (2004: 326), al-Buhuti (w 1051H) (t.th.: 687; 1993: 3/411), Al-Ba'li (w 1192H) (2002: 2/785), Al-Rahibani (w 1243H) (1994: 6/315), Ibn Duyan (w 1353H) (1989: 2/416), dan Ibn Qasim (w 1392H) (1397H: 7/430).

Para ulama Hanabilah hanya menghubungkan maksud *jallalah* dengan makanan yang kebanyakannya daripada najis dan tidak menghubungkannya dengan bau busuk. Ini bermaksud, binatang jallalah menurut ulama Hanabilah ialah binatang yang kebanyakan makanannya adalah najis, sama ada ia memberi kesan bau busuk atau tidak kepada binatang tersebut *(Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah al-Kuwaitiyah*, 1427H:

15/261). Ibn 'Uthaymin menjelaskan, "Jika haiwan itu makan bercampur antara yang baik dan yang buruk, namun kebanyakan makanannya daripada yang baik, maka ia bukan haiwan jallalah, bahkan ia adalah haiwan yang halal. Ada dalam kalangan penternak ayam, memberikan ayam ternakan mereka makan darah yang mengalir untuk menguatkan antibodi ayam atau

bagi tujuan tumbesarannya, maka ia tidak menjadikan ayam itu haram dimakan dan juga tidak makruh. Ini disebabkan, kebanyakan makanan ayam itu daripada sumber yang baik, maka penetapan hukum melihat kepada kebanyakan makanannya (1427H: 6/434-435).

**Ketiga:**

***Jallalah* merujuk kepada binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis dan terdapat bau najis tersebut pada binatang itu.**

Imam al-Syafi'i menjelaskan:

فَأَمَّا الْإِبِلُ الَّتِي أَكْثَرُ عَلَفِهَا الْعَذِرَةُ الْيَابِسَةُ، فَكُلُّ مَا صَنَعَ هَذَا مِنَ الدَّوَابِّ الَّتِي تُؤْكَلُ، فَهِيَ جَلَّالَةٌ، وَأَرْوَاحُ الْعَذِرَةِ تُوجَدُ فِي عَرَقِهَا وَجِرَارِهَا، لِأَنَّ لُحُومَهَا

**Maksudnya:** *"Unta yang kebanyakan daripada makanannya adalah daripada tahi manusia (al-'adhirah) yang sudah kering, maka semua jenis binatang ternakan yang boleh dimakan melakukan seperti ini, ia adalah jallalah. Bau tahi terdapat pada peluh binatang jallalah itu, disebabkan dagingnya terbentuk daripada najis." (2001: 3/629-*

630) Menurut ulama Syafi'iyyah, 'jallalah' ialah apa-apa yang diberi makan dengan najis, walaupun selain daripada tahi manusia (*al-'adhirah*). Antaranya kambing yang yang menyusu dengan anjing dan disiram tanaman dengan najis (al-Qalyubi, 1995:

4/262; Al-Bujayrami, 1950: 4/307). Al-Nawawi (w 676H) menjelaskan,

"Pendapat yang sahih sebagaimana yang dinyatakan oleh jumhur ulama iaitu *jallalah* bukan merujuk kepada banyak atau sedikit najis yang dimakan, tetapi dilihat sejauh mana najis tersebut memberikan kesan kepada bau busuk najis pada binatang tersebut. Jika wujud bau busuk, maka ia dinamakan sebagai jallalah, namun jika tiada, maka ia bukan jallalah." (t.th.: 9/28)

Begitu juga terdapat pendapat sebilangan ulama Hanafiyyah yang mengatakan, 'jallalah' ialah binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis dan dagingnya berbau busuk (Al-Samarqandi, 1994: 3/65; al-Haddadi, 1322H: 2/185; Al-Fatawa al-Hindiyah, 1310H: 5/289). Al-Kasani (w 587H) menjelaskan, "Jallalah ialah yang kebiasaan makanannya adalah najis." (0986: 5/39)

Pentarjihan ciri jallalah adalah sebagaimana yang dinyatakan oleh mazhab Syafi'i (al-Syafi'i, 2001: 3/629-630; al-Mawardi, 1999: 5/385, 15/147-148; al-Shirazi, t.th.: 454; Imam al-Haramayn, 2007: 18/214; Al-Ghazali, 1417H: 7/165; Al-Qaffal, 1980: 3/353-354; Al-'Umrani, 2000: 4/508-509; Ibn al-Solah, 1407H: 2/709, 711; al-Nawawi, t.th.: 9/28; al-Hisni, 1994: 524; al-Mahalli, 1995: 4/262; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; 'Umayrah, 1995: 4/262; Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; AlShubramillisi, 1984: 8/156; Al-Jamal, t.th.: 5/274; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; AlSharwani, 1983: 9/386) iaitu:

1) Binatang yang sebahagian besar makanannya adalah daripada najis. Jika makanan daripada najis itu tidak dominan iaitu hanya diberi makan sekali-sekala, maka ia tidak termasuk dalam kategori binatang jallalah, dan
2) Makanan najis itu memberikan kesan bau busuk pada binatang tersebut. Jika tiada bau busuk, maka ia tidak termasuk dalam kategori binatang jallalah.

Oleh itu dicadangkan definisi binatang *jallalah*: "Binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis dan baunya menjadi busuk."

### 2.3 Dalil *Jallalah*

Dalil yang menjelaskan tentang hukum penggunaan 'jallalah' dinyatakan dalam hadis Nabi Muhammad saw. Abdullah bin 'Umar melaporkan:

نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْلِ الْجَلَّالَةِ وَأَلْبَانِهَا

***Maksudnya:*** *"Rasulullah sallalLah 'alayhi wa sallam melarang daripada makan binatang jallalah dan minum susunya." Hadis sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/351) dan al-Tirmizi (1975: 4/270).*

Abdullah bin 'Umar melaporkan:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْجَلَّالَةِ فِي الْإِبِلِ: أَنْ يُرْكَبَ عَلَيْهَا، أَوْ يُشْرَبَ مِنْ أَلْبَانِهَا

***Maksudnya:*** *"Rasulullah sallalLah 'alayhi wa sallam melarang berkaitan unta jallalah: daripada menunggangnya atau minum susunya." Hadis hasan sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/351).*

Abdullah bin 'Umar melaporkan:

نُهِيَ عَنْ رُكُوبِ الْجَلَّالَةِ

***Maksudnya:*** *"Dilarang daripada menunggang binatang jallalah." Hadis sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/25).*

Abdullah bin 'Umar melaporkan:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْجَلَّالَةِ فِي الْإِبِلِ أَنْ يُرْكَبَ عَلَيْهَا

***Maksudnya:*** *"Rasulullah sallalLah 'alayhi wa sallam melarang daripada menunggang unta jallalah." Hadis hasan sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/25).*

Abdullah bin 'Abbas melaporkan:

نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الشُّرْبِ مِنْ فِي السِّقَاءِ، وَعَنْ رُكُوبِ الْجَلَّالَةِ وَالْمُجَثَّمَةِ

***Maksudnya:*** *"Rasulullah sallalLah 'alayhi wa sallam melarang minum meneguk daripada mulut bekas minuman, menunggang binatang jallalah dan binatang yang dijadikan sasaran." Hadis sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/336). Imam Abu Daud menjelaskan, "Jallalah ialah binatang yang makan tahi manusia (al-'adhrah) (t.th.: 3/336).*

Abdullah bin 'Abbas melaporkan:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ نَهَى عَنْ لَبَنِ الْجَلَّالَةِ

***Maksudnya:*** *"Nabi sallalLah 'alayhi wa sallam melarang minum susu jallalah." Hadis sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/351)*

*Abdullah bin 'Umar menjelaskan bahawa ayam jallalah perlu dikuarantin selama tiga hari (Ibn Abi Shaibah, 1409H: 5/148)*

Abdullah bin 'Amr melaporkan:

نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْإِبِلِ الْجَلَّالَةِ أَنْ يُؤْكَلَ لَحْمُهَا، وَلَا يُشْرَبَ لَبَنُهَا، وَلَا يُحْمَلَ عَلَيْهَا إِلَّا الْأُدُمُ، وَلَا يُذَكِّيهَا النَّاسُ حَتَّى تُعْلَفَ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً

***Maksudnya:*** *"Rasulullah sallalLah 'alayhi wa sallam melarang berkaitan unta jallalah: daripada makan dagingnya, tidak boleh minum susunya, tidak boleh dijadikan tunggangan melainkan diletakkan lapik kulit padanya, dan tidak boleh disembelih sehingga diberi makan dengan bukan najis selama empat puluh hari." Hadis direkod oleh Imam al-Darqutni (2004: 5/509)*

## 2.4 Hukum *Jallalah*

Para ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud larangan Nabi Muhammad saw berkaitan haiwan jallalah, ada yang memahaminya sebagai haram dan ada yang menyatakan larangan tersebut hanyalah makruh.

### 2.4.1 Menurut mazhab Syafi'i

Para ulama Syafi'iyah sepakat menjelaskan bahawa, binatang jallalah ialah merujuk kepada binatang halal dimakan yang banyak makan daripada najis hingga memberikan kesan bau busuk. Mereka juga sepakat mengatakan, jika binatang itu dikuarantin sehingga hilang bau busuk najis itu, maka binatang itu kembali kepada hukum asalnya iaitu halal dimakan. Namun mereka berbeza pendapat, adakah binatang jallalah (iaitu sebelum dikuarantin) haram dimanfaatkan atau hanya makruh.

Juga terdapat perbezaan pendapat berkaitan tempoh dan kaedah kuarantin.

#### 2.4.1.1 Hukum Penggunaan Binatang *Jallalah*

Terdapat dua aliran ulama Syafi'iyyah dalam menjelaskan hukum kepenggunaan binatang jallalah; sama ada makan dagingnya, minum susunya, atau dijadikan binatang tunggangan. Aliran pertama berpendapat pemanfaatan binatang jallalah sebelum dikuarantin hukumnya haram, manakala pendapat kedua pula berpendapat, hukumnya hanyalah makruh.

**1. Binatang *jallalah* haram dimanfaatkan**

Imam al-Syafi'i (w 204H) menjelaskan tentang haiwan jallalah:

"فَأَمَّا الْإِبِلُ الَّتِي أَكْثَرُ عَلَفِهَا الْعَذِرَةُ الْيَابِسَةُ، فَكُلُّ مَا صَنَعَ هَذَا مِنْ الدَّوَابِّ الَّتِي تُؤْكَلُ، فَهِيَ جَلَّالَةٌ، وَأَرْوَاحُ الْعَذِرَةِ تُوجَدُ فِي عَرَقِهَا وَجِرَارِهَا، لِأَنَّ لُحُومَهَا تَغْتَذِي بِهَا فَتَقْلِبُهَا. وَمَا كَانَ مِنْ الْإِبِلِ وَغَيْرِهَا، أَكْثَرُ عَلَفِهِ مِنْ غَيْرِ هَذَا، وَكَانَ يَنَالُ هَذَا قَلِيلًا، فَلَا يَبِينُ فِي عَرَقِهِ وَلَا جُزْرِهِ، لِأَنَّ اغْتِذَاءَهُ مِنْ غَيْرِهِ، فَلَيْسَ بِجَلَّالٍ مَنْهِيٍّ عَنْهُ. وَالْجَلَّالَةُ مَنْهِيٌّ عَنْ لُحُومِهَا حَتَّى تُعْلَفَ عَلَفًا غَيْرَهُ مَا

تَصِيرُ بِهِ إِلَى أَنْ يُوجَدَ عِرْقُهَا وَجِرَرُهَا مُنْقَلِبًا عَمَّا كَانَتْ تَكُونُ عَلَيْهِ فَيُعْلَمُ أَنَّ
اغْتِذَاءَهَا قَدِ انْقَلَبَ، فَانْقَلَبَ عِرْقُهَا وَجِرَرُهَا فَتُؤْكَلُ إِذَا كَانَتْ هَكَذَا. وَلَا نَجِدُ
شَيْئًا نَسْتَطِيعُ أَنْ نَجِدَهُ فِيهَا كُلِّهَا أَبْيَنَ مِنْ هَذَا، وَقَدْ جَاءَ فِي بَعْضِ الْآثَارِ:
أَنَّ الْبَعِيرَ يُعْلَفُ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً، وَالشَّاةُ عَدَدًا أَقَلَّ مِنْ هَذَا، وَالدَّجَاجَةُ سَبْعًا
وَكُلُّهُمْ فِيمَا يُرَى. إِنَّمَا أَرَادَ الْمَعْنَى الَّذِي وَصَفْتُ، مِنْ تَغَيُّرِهَا مِنَ الطِّبَاعِ
اغْتِذَاءَهَا قَدِ انْقَلَبَ، فَانْقَلَبَ عِرْقُهَا وَجِرَرُهَا فَتُؤْكَلُ إِذَا كَانَتْ هَكَذَا. وَلَا نَجِدُ
شَيْئًا نَسْتَطِيعُ أَنْ نَجِدَهُ فِيهَا كُلِّهَا أَبْيَنَ مِنْ هَذَا، وَقَدْ جَاءَ فِي بَعْضِ الْآثَارِ:
أَنَّ الْبَعِيرَ يُعْلَفُ أَرْبَعِينَ لَيْلَةً، وَالشَّاةُ عَدَدًا أَقَلَّ مِنْ هَذَا، وَالدَّجَاجَةُ سَبْعًا
وَكُلُّهُمْ فِيمَا يُرَى. إِنَّمَا أَرَادَ الْمَعْنَى الَّذِي وَصَفْتُ، مِنْ تَغَيُّرِهَا مِنَ الطِّبَاعِ
الْمَكْرُوهَةِ، إِلَى الطِّبَاعِ غَيْرِ الْمَكْرُوهَةِ، الَّتِي هِيَ فِي فِطْرَةِ الدَّوَابِّ."

***Maksudnya:*** *"Unta yang kebanyakan daripada makanannya adalah daripada tahi manusia (al-'adhirah) yang sudah kering, maka semua apa-apa daripada binatang ternakan yang boleh dimakan melakukan seperti ini, ia adalah jallalah. Bau tahi terdapat pada peluh binatang jallalah itu, disebabkan dagingnya terbentuk daripada najis. Manamana unta atau binatang ternakan lain, yang kebanyakan makanannya bukan daripada najis, hanya sedikit sahaja najis yang dimakan, serta tidak wujud kesan najis pada bau peluhnya, kerana dagingnya terbentuk daripada selain najis, maka ia bukanlah binatang jallalah yang diharamkan untuk digunakan. Begitu juga bagi jallalah yang diharamkan dagingnya, jika diberi makan dengan selain najis sehingga hilang bau najis pada peluhnya, maka ketahuilah bahawa makanan yang bukan najis itu telah mempengaruhi daging jallalah itu, oleh sebab itu, hilang bau najis pada peluhnya. Maka jika keadaan itu berlaku, maka binatang itu boleh dimakan dagingnya. Tiada sesuatu yang mampu kita mengenalpasti secara lebih jelas, berbanding kaedah ini. Dalam beberapa athar dinyatakan:*

*Sesungguhnya unta dikuarantin selama empat puluh malam, kambing kurang sedikit bilangannya, dan ayam dikuarantin tujuh hari, dan semua binatang yang lain. Sesungguhnya makna yang dimaksudkan daripada sifat itu (kaedah kuarantin) ialah perubahan tabiat yang tidak disukai (iaitu tabiat makan najis), kepada tabiat yang disukai, dan itulah fitrah binatang." (Al-Syafi'i, 2001: 3/629-630)*

Pendapat Imam al-Syafi'i, bahawa haram makan daging binatang jallalah yang tidak dikuarantin, turut dinyatakan oleh Imam al-Haramayn (w 478H), beliau berkata,

"Jika zahir bau busuk pada daging binatang jallalah, maka menurut pendapat dalam mazhab adalah haram dimakan daging tersebut." (2007: 18/214) Imam al-Haramayn melanjutkan perbincangan, "Jika binatang jallalah disembelih, sedangkan dagingnya telah berbau busuk (kesan daripada makan najis), lalu daging itu dimasak, dan setelah dimasak, bau busuk itu sudah hilang, maka daging itu tidak halal dimakan. Kesan hilang bau busuk daripada masakan tidak mengubah status larangan makan daging binatang jallalah. Makan daging binatang jallalah hanya boleh dibenarkan jika binatang itu dikuarantin ketika hidup sehingga hilang bau busuk." (2007: 18/214)

Ini turut dijelaskan oleh Al-Ghazali (1417H: 7/165), Al-'Umrani (w 558H) (2000: 4/508509) dan al-'Umrani menambah binatang al-jallalah yang busuk dagingnya tidak berubah menjadi halal dengan hanya membasuhnya (2000: 4/508), Al-Qaffal (w 507H) (1980: 3/353-354), al-Rafi'i (w 623H) (2013: 1562), dan Al-Mahalli (w 864H) (1995: 4/262). Pengharaman binatang jallalah ini mencakupi semua jenis najis yang dimakan, sama ada najis mutawassitah atau mughallazah. Jika seekor anak kambing membesar menyusu dengan anjing atau babi, maka anak kambing itu haram dimakan kerana ia termasuk dalam kategori binatang jallalah (Al-Mawardi, 1999: 15/148).

Dalil dan hujah bagi pendapat ini ialah:

i) Ayat berkaitan hukum *khaba'ith* Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِي التَّوْرَاةِ
وَالْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۚ فَالَّذِينَ آمَنُوا
بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

***Maksudnya:*** *"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk; dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya." (Surah al-A'raf: 157)*

*Wajh dilalah:* Binatang *jallalah* diharamkan kerana ia termasuk dalam kategori benda jijik (*khabith*) yang diharamkan oleh Allah SWT (Al-Mawardi, 1999: 15/148)

ii) Hadis

Imam al-Syafi'i dan ulama Syafi'iyah lain yang mengatakan haram manfaatkan haiwan jallalah berhujah bahawa larangan Nabi Muhammad saw berkaitan haiwan jallalah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin 'Umar, 'Abd Allah bin 'Abbas dan 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As adalah bermaksud haram. Imam al-Haramayn menjelaskan, "Menurut pendapat yang terpilih dalam mazhab, diharamkan daging binatang jallalah, terdapat athar sahabat yang menunjukkan pengharaman tersebut. 'Illah pengharaman tidak berkaitan dengan banyak

atau sedikit najis yang dimakan, namun 'illahnya ialah zahir bau busuk dan ia dapat dikenalpasti semasa menyembelih binatang tersebut." (2007: 18/214)

## 2. Binatang *jallalah* makruh dimakan

Pendapat kedua dalam kalangan ulama Syafi'iyah menjelaskan bahawa hukum memanfaatkan binatang jallalah adalah makruh. Kelompok ulama Syafi'iyah ini turut menjelaskan, ini adalah pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i. Al-Mawardi (w 450H) menjelaskan, jallalah dalam kategori binatang ternakan yang boleh dimakan ialah binatang yang diternak dengan diberi makan daripada kotoran dan tahi, binatang tersebut boleh dijual beli kerana ia bersih serta ia boleh dimakan. Namun, terdapat athar sahabat yang menjelaskan, sebelum binatang jallalah itu disembelih, ia perlu dikuarantin. Unta dikuarantin selama empat puluh hari, lembu tiga puluh hari, kambing tujuh hari, dan ayam tiga hari. Pendapat yang terpilih, perlu diikuti tempoh tersebut, namun ia tidak wajib. Larangan Nabi Muhammad saw daripada makan binatang jallalah adalah bermaksud makruh, bukan haram (1999: 5/385).

Al-Mawardi selanjutnya menjelaskan, "Jika kebanyakan makanan yang diberikan adalah najis, maka makruh makan daging dan minum susu binatang tersebut... Namun jika kebanyakan makanan yang diberikan adalah bersih, hanya sedikit sahaja diberi makan najis, maka tidak makruh kerana iktibar diambil daripada makanan yang paling banyak diberikan. Pendapat yang dipilih berkaitan jallalah, jika mahu diminum susunya atau dimakan dagingnya, ia perlu dikuarantin daripada diberi makan najis dan dalam masa kuarantin diberikan makanan yang bersih. Unta dikuarantin selama empat puluh hari, lembu tiga puluh hari, kambing tujuh hari, dan ayam tiga hari. Tempoh ini bukanlah bersifat tawqifi yang tidak boleh ditambah atau tidak boleh dikurang, kerana maksud kuarantin adalah untuk menghilangkan bau busuk pada binatang jallalah. Kebiasaannya, bau busuk itu boleh hilang dalam

tempoh kuarantin tersebut. Jika bau busuk boleh hilang dalam tempoh yang lebih ringkas daripada tempoh-tempoh tersebut, maka hilang hukum makruh tersebut (iaitu kembali menjadi hukum asal iaitu halal yang harus dimakan). Jika dalam tempoh kuarantin tersebut, bau busuk masih belum hilang, maka hukumnya masih makruh, dan perlu ditambah tempoh sehingga hilang bau tersebut. Jika binatang jallalah itu dimakan sebelum dikuarantin, maka ia bergantung kepada bau dagingnya. Jika bau daging binatang jallalah itu tidak berubah ketika diberi makan najis, maka ia halal dimakan. Jika baunya ada sedikit perubahan, tetapi tidak berbau seperti bau najis yang dimakan, makan binatang jallalah itu halal dimakan. Namun, jika bau najis itu mempengaruhi bau daging binatang itu, maka terdapat dua pendapat sebagaimana yang dilaporkan oleh Ibn Abi Hurairah. Pendapat pertama: Daging binatang jallalah itu boleh dimakan, kerana ia termasuk dalam kategori binatang yang hukum asalnya halal dimakan. Pendapat kedua: Daging binatang jallalah itu haram dimakan (iaitu jika tidak dikuarantin), kerana ia sudah termasuk dalam kategori benda kotor (khaba'ith). Begitulah penjelasan kami berkaitan anak kambing yang diberi susu anjing atau babi, sehingga daging kambing itu tumbuh daripada susu tersebut, maka hukum memakan daging kambing itu adalah merujuk kepada dua pendapat tersebut." (1999: 15/147148) Pendapat ini turut disokong oleh al-Shirazi (476H) (t.th.: 454), Al-'Umrani (w 558H) (2000: 4/508-509), Ibn al-Solah (w 643H) (1407H: 2/709, 711), Al-Nawawi (w 676H) (t.th.: 9/28, 1991: 3/278), Al-Hisni (w 829H) (1994: 524), Zakariyya al-Ansari (w 926H) (t.th.: 568), 'Umayrah (w 957H) (1995: 4/262), Ibn Hajar al-Haytami (w 974H) (1983: 9/386), Al-Sharbini (w 977H) (1994: 6/155), Al-Ramli (w 1004H) (1984: 8/156), Al-Shubramillisi (w 1087H) (1984: 8/156), Al-Jamal (w 1204H) (t.th.: 5/274), Al-Bujayrami (w 1221H) (1950: 4/307) dan Al-Sharwani (w 1301H) (1983: 9/386).

Al-Nawawi (w 676H) menjelaskan, menurut jumhur ulama

Syafi'iyah, dan ia adalah pendapat yang saya pilih serta menurut jumhur ulama Syafi'iyah di Iraq, turut dipilih sebagai pendapat yang sahih oleh al-Ruyani dan selain beliau dalam kalangan ulama yang muktamad pendapat mereka, makruh makan daging binatang jallalah adalah makruh tanzihi, bukan makruh tahrimi. Al-Rafi'i menjelaskan bahawa pendapat ini juga dianggap sahih oleh ramai ulama Syafi'iyah (t.th.: 9/28, 1991: 3/278).

Dalil dan hujah pendapat ini merujuk kepada hadis larangan jallalah. Hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin 'Umar, 'Abd Allah bin 'Abbas dan 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As berkaitan larangan memanfaatkan binatang jallalah adalah bermaksud makruh, bukan haram. Al-Mawardi (w 450H) menjelaskan, "Menurut pendapat saya dalil yang menunjukkan tentang hukum binatang jallalah adalah bermaksud makruh, bukan haram. Ini disebabkan larangan tersebut adalah kerana najis yang dimakannya, iaitu makanan yang masuk ke dalam perutnya. Makanan yang bersih pun, jika ia masuk ke dalam perut, kemudian diproses, yang terbaki juga menjadi hampas. Maka sama sahaja makanan yang dimakan itu, sama ada najis atau bukan najis, jika sudah diproses dan menjadi hampas dalam perut, ia menjadi najis. Selanjutnya, daging binatang yang diberi makan najis menjadi busuk, dan makan daging yang busuk adalah haram. Jika ini penjelasannya (haram makan binatang jallalah kerana bau busuknya, bukan kerana makanan najis yang dimakan), maka binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis, makan dagingnya dan minum susunya, hanya dihukumkan makruh (1999: 15/147). Hujah ini turut dikemukakan oleh Al-Shirazi (476H) (t.th.: 454).

al-Nawawi menjelaskan, "Para ulama kami berhujah bahawa binatang jallalah tidak haram dimakan kerana makanan bersih yang dimakan oleh binatang jallalah menjadi mutanajjis apabila ia masuk ke dalam perutnya dan bercampur dengan najis yang dimakan sebelumnya. Ini tidak memberikan kesan kepada hukum keharusan makan

daging, susu dan telurnya. Ini disebabkan, najis yang dimakan adalah dianggap makanan binatang dan ia tidak bercampur dengan daging. Yang berlaku hanyalah, daging itu berkembang daripada komponen yang ada dalam makanan najis itu, maka ia tidak menjadikan daging itu haram." (t.th.: 9/30)

Ibn Hajar al-Haytami (w 974H), menjelaskan larangan yang dimaksudkan dalam athar tersebut adalah kerana perubahan daging (iaitu menjadi busuk) dan ia bukan bermaksud haram, seperti hukum daging binatang yang disembelih, kemudian berbau busuk, maka hukumnya hanyalah makruh dimakan, bukan haram (1983: 9/386) Imam al-Suyuti (w 911H) ketika membincangkan kaedah "Jika bercampur antara halal dan haram, maka haram adalah lebih kuat", dikecualikan daripada kaedah ini, jika kambing diberi makan dengan makanan haram, maka tidak menjadi haram susu dan daging kambing itu, tetapi tidak memakannya adalah lebih menunjukkan sifat warak (1990: 1/107).

**2.4.1.2 Kuarantin**

Berdasarkan analisa literatur dalam mazhab Syafi'i, illah larangan binatang jallalah (sama ada haram atau makruh) adalah bau busuk kesan daripada najis yang dimakan (Al-Syafi'i, 2001: 3/629; al-Mawardi, 1999: 15/147; Imam al-Haramayn, 2007: 18/214; al-Ghazali, 1417H: 7/165; al-Rafi'i, 2013: 1562; al-Nawawi, t.th.: 9/28; al- Hisni, 1994: 524; al-Mahalli, 1995: 4/262; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; 'Umayrah, 1995: 4/262; Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; Al-Sharbini, 1994: 6/155; Al-Ramli, 1984: 8/156; Al-Shubramillisi, 1984: 8/156; Al-Jamal, t.th.: 5/274; AlBujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386). Oleh itu, jika haiwan tidak berbau busuk, walaupun keseluruhan makanannya daripada najis, maka ia tidak dianggap jallalah menurut ulama Syafi'iyyah (*Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah alKuwaitiyah*, 1427H: 15/261). Kaedah usul fiqh menjelaskan, "Hukum adalah beredar sekitar illah." Jika terdapat illah, maka wujudlah hukum. Namun jika hilang illah, maka tiada hukum tentang illah itu (al-Ramli, t.th.;

al-Sharwani, 1983; al-Zarqa', 1989; Ali Sa'di, 1997; Al-Qahtani, 2000).

Bagi pendapat yang mengatakan bahawa binatang jallalah haram dimakan sebelum dikuarantin, maka hukum kuarantin adalah wajib (Al-Syafi'i, 2001: 3/629; Imam al-Haramayn, 2007: 18/214; al-Ghazali, 1417H: 7/165; al-Rafi'i, 2013: 1562; al-Mahalli, 1995: 4/262).

Manakala menurut pendapat yang mengatakan bahawa binatang *jallalah* makruh dimakan sebelum dikuarantin, maka hukum kuarantin adalah tidak wajib (alMawardi, 1999: 15/147; al-Qaffal, 1980: 3/353-354; al-'Umrani, 2000: 4/508-509; Ibn al-Solah, 1407H: 2/709; al-Nawawi, t.th.: 9/28; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; Al-Sharbini, 1994: 6/155; Al-Jamal, t.th.: 5/274; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386).

## 1. Tempoh kuarantin

Menurut jumhur ulama Syafi'iyah, unta dikuarantin selama empat puluh hari, lembu tiga puluh hari, kambing tujuh hari, dan ayam tiga hari (al-Mawardi, 1999: 5/385; al-Shirazi, t.th.: 454; al-Qaffal, 1980: 3/353-354; al-'Umrani, 2000: 4/509; alNawawi, t.th.: 9/28; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; al-Jamal, t.th.: 5/275; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386). Tempoh ini merujuk kepada athar sahabat. 'Abd Allah bin Umar menjelaskan, "Binatang jallalah perlu diberi makan makanan yang bersih. Unta dikuarantin selama empat puluh hari, kambing tujuh hari dan ayam tiga hari." (al-Shirazi, t.th.: 454; alNawawi, t.th.: 9/28; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568) Manakala menurut Imam alSyafi'i, ayam jallalah dikuarantin selama tujuh hari dan juga binatang yang lain. Oleh itu, menurut pendapat beliau, tempoh minima kuarantin jallalah ialah tujuh hari (Al- Syafi'i, 2001: 3/629-630).

Menurut ulama yang berpendapat bahawa kuarantin tidak wajib, mereka menjelaskan bahawa tempoh kuarantin tidak perlu tertakluk kepada tempoh yang khusus, ia bergantung sejauh mana bau busuk binatang *jallalah* itu boleh hilang. Jika dalam suatu tempoh yang lebih pendek, bau

busuk boleh hilang, maka tempoh itu sudah memadai (al-Mawardi, 1999: 5/385; Al-Nawawi, t.th.: 9/29; al-Jamal, t.th.: 5/275; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386). Al-Mawardi menjelaskan, "Tempoh kuarantin ini bukanlah bersifat tawqifi yang tidak boleh ditambah atau dikurangkan. Kerana tujuan kuarantin adalah untuk menghilangkan bau busuk pada badan binatang jallalah itu. Kebiasaannya, bau busuk tersebut boleh hilang dalam tempoh masa yang dinyatakan itu. Namun, jika bau busuk itu boleh hilang dalam tempoh yang lebih cepat, maka hilang hukum makruhnya. Begitu juga, jika dalam tempoh itu, masih terdapat bau busuk, maka hukum makruh masih wujud dan perlu ditambah tempoh sehingga bau busuk itu hilang." (al-Mawardi, 1999: 15/147) Al-Nawawi menjelaskan, hukum berkaitan tempoh kuarantin binatang *jallalah* adalah kembali kepada adat (Al-Nawawi, t.th.: 9/29).

## 2. Kaedah Kuarantin

Para ulama Syafi'iyyah menjelaskan, semasa tempoh kuarantin, sama ada binatang jallalah diberi makan makanan yang bersih atau dibiarkan tanpa makan apaapa makanan, lalu hilang bau busuknya, maka ia kembali kepada hukum asal iaitu halal dimakan (Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; Al-Sharbini, 1994: 6/155). Siraj al-Din al-Bulqini (w 805H) menjelaskan, "Kuarantin ini dilakukan pada masa yang berterusan bagi memastikan dagingnya kembali boleh dimakan. Jika berlalu masa kuarantin binatang jallalah tanpa ia makan makanan yang bersih, lalu hilang bau busuk, maka ia kembali menjadi halal. Dinyatakan bahawa ketika tempoh kuarantin, binatang itu diberi makan dengan makanan yang bersih kerana pada kebiasaannya binatang perlu diberi makan." Pendapat ini turut dikemukakan oleh Badr al-Din alZarkasyi (w 794H) (Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; Al-Sharbini, 1994: 6/156). Bahkan menurut sebahagian ulama Syafi'iyah, jika daging binatang jallalah setelah dikuarantin hilang bau busuknya, maka ia kembali menjadi halal, walaupun ketika kuarantin, binatang itu diberi makan dengan najis atau mutanajjis. Ibn Hajar alHaytami (w 974H) (1983: 9/386) dan Al-Jamal (w 1204H) (t.th.: 5/275) menjelaskan ketika tempoh kuarantin, binatang *jallalah*

diberi makan dengan makanan yang bersih, atau mutanajjis, atau najis, atau tidak diberi apa-apa makanan, sebagaimana pendapat muktamad al-Bulqini dan lain-lain. Kebanyakan ulama membataskan, ketika tempoh kuarantin binatang jallalah diberi makan dengan makanan yang bersih, kerana pada kebiasaannya binatang perlu diberi makan. Oleh itu, jika binatang jallalah itu setelah dikuarantin, kemudian dagingnya sudah tidak busuk, maka ia halal dimakan.

**3. Rasional kuarantin**

Menurut Imam al-Syafi'i, kuarantin dilaksanakan untuk mengembalikan fitrah binatang ternakan. Apabila penternak memberikan najis kepada binatang ternakan, ia tidak merujuk kepada fitrah asalnya. Oleh itu, dalam tempoh kuarantin, binatang itu tidak diberikan lagi najis sebagai makanan, agar ia kembali kepada fitrah. "Sesungguhnya makna yang dimaksudkan daripada sifat itu (kaedah kuarantin) ialah 34 perubahan tabiat yang tidak disukai (iaitu tabiat makan najis), kepada tabiat yang disukai, dan itulah fitrah binatang." (Al-Syafi'i, 2001: 3/629-630)

#### 2.4.1.3 Hukum lain berkaitan *jallalah*

**1. Hukum memberi binatang ternakan makan najis**

Ibn al-Sabbagh (w 477H) menjelaskan fatwanya dalam kitab 'al-Shamil fi al- Fiqh', "Makruh memberikan binatang ternakan makan najis." (Al-Nawawi, 1991: 3/279) Pendapat ini turut dinyatakan oleh Al-Ramli (w 1004H) (1984: 8/156), AlShubramillisi (w 1087H) (1984: 8/156) dan Al-Shubramillisi menambah, "Tidak makruh memberikan binatang ternakan makan makanan yang mutanajjis." (1984: 8/156). Al-Jamal (w 1204H), menjelaskan, hukum makruh tersebut merujuk kepada najis 'aini yang diberikan kepada ternakan (t.th.: 5/274) dan selanjutnya beliau memberikan contoh makanan mutanajjis ialah tepung yang diuli menggunakan air najis (al-Jamal, t.th.: 5/275). Pendapat ini turut disokong oleh Al-Bujayrami (w 1221H) (1950: 4/307) dan Al-Sharwani (w 1301H) (1983: 9/386).

2. Makanan haiwan yang bercampur dengan najis

Al-Nawawi menjelaskan, "Jika tepung diuli dengan air najis dan kemudian menjadikannya roti, maka ia menjadi najis dan haram dimakan. Namun, roti itu boleh diberikan kepada kambing, unta, atau lembu dan binatang ternakan yang lain." (alNawawi, t.th.: 9/29, 1991: 3/279) Pendapat ini turut disokong oleh Al-Sharbini (1994: 6/155). 3) Hukum jual beli binatang jallalah Binatang jallalah yang masih belum dikuarantin adalah halal untuk dijualbeli. Al-Mawardi (w 450H) menjelaskan, jallalah dalam kategori binatang ternakan yang boleh dimakan ialah binatang yang diternak dengan diberi makan daripada kotoran dan tahi, binatang tersebut boleh dijual beli kerana ia bersih serta ia boleh dimakan (1999: 5/385).

**2.4.2 Menurut mazhab Hanafi**

Para ulama Hanafiyyah berbeza pendapat dalam menjelaskan status binatang jallalah. Ada dalam kalangan mereka yang menyatakan secara umum iaitu hukumnya makruh. Manakala terdapat sebilangan mereka yang mendetilkan, jika binatang jallalah itu berbau busuk, maka haram dimakan dan juga haram digunakan untuk apaapa kegunaan. Manakala, jika tidak berbau busuk, maka hukumnya makruh. Perbezaan yang berlaku dalam kalangan mereka adakah hukum makruh binatang jallalah itu makruh tahrimi atau makruh tanzihi. 36

**2.4.2.1 Hukum Penggunaan Binatang *Jallalah***

Terdapat dua aliran pendapat ulama Hanafiyah dalam menjelaskan hukum memanfaatkan haiwan jallalah. Aliran pertama menjelaskan, hukumnya makruh tahrimi, manakala aliran kedua berpendirian, ia makruh tanzihi.

**1. Binatang jallalah haram (*makruh tahrimi*) digunakan**

Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani (w 189H) menjelaskan, "Jika binatang (yang diberi makan najis) itu berbau busuk, berubah dagingnya dan ada padanya bau busuk, maka ia adalah jallalah. Tidak boleh diminum susunya dan tidak boleh dimakan dagingnya. Namun, boleh dijual

dan dihadiahkan. Namun, jika dikuarantin, maka hilang hukum makruh ini." (Ibn Mawdud al-Musili, 1937: 5/16) Difahami daripada maksud makruh tersebut adalah makruh tahrimi, kerana al-Shaibani menyatakan, "...Tidak boleh diminum susunya dan tidak boleh dimakan dagingnya..." Al-Sarakhsi (w 483H) menjelaskan, "Dan dimakruhkan makan daging unta jallalah dan makruh juga menggunakannya untuk melakukan sesuatu kerja. Keadaan ini berterusan sehinggalah ia dikuarantin selama beberapa hari sebagaimana yang diriwayatkan, bahawa Nabi Muhammad saw melarang daripada makan daging haiwan jallalah. Dan dalam satu riwayat, dilarang daripada menunggang haiwan jallalah untuk pergi haji atau umrah, serta mengambil manfaat daripadanya. Dan maksud jallalah ialah binatang yang sentiasa makan tahi dan tidak bercampur dengan makanan lain, sehingga memberikan kesan kepada dagingnya. Dagingnya menjadi berbau busuk, maka ia haram dimakan, kerana ia termasuk dalam benda yang jijik (khaba'ith). Juga diharamkan daripada menggunakannya untuk melakukan sesuatu kerja, kerana ia boleh mengganggu manusia lain dengan bau busuknya. Manakala jika makanan binatang itu bercampur, ada ketikanya ia makan tahi dan ada ketika lain ia tidak makan najis, sehingga ia memberi kesan kepada dagingnya, maka tidak menjadi kesalahan untuk makan dagingnya dan juga boleh menggunakannya untuk melakukan sesuatu kerja." (1993: 11/255) Difahami daripada penjelasan al-Sarakhsi ini, hukum makruh binatang jallalah adalah makruh tahrimi, jika binatang jallalah itu menjadi busuk.

Pendapat ini turut disokong oleh Zayn al-Din al-Razi (w 666H), beliau menjelaskan, "Dan diharamkan minum susu yang sudah basi, air kencing unta untuk tujuan rawatan, makan unta dan lembu jallalah serta minum susunya" (1417H: 1/225). Dalil dan hujah pendapat ini:

1) Ayat berkaitan hukum *khaba'ith*
   Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِي التَّوْرَاةِ
وَالْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۚ فَالَّذِينَ آمَنُوا
بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

***Maksudnya:*** *"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan* ***menghsaramkan kepada mereka segala benda yang buruk;*** *dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya." (Surah al-A'raf: 157)*

*Wajh dilalah*: Binatang jallalah yang dagingnya berbau busuk diharamkan kerana ia termasuk dalam kategori benda jijik (khabith) yang diharamkan oleh Allah SWT (al-Sarakhsi, 1993: 11/255).

## 2. Binatang jallalah makruh digunakan

Al-Sughdi (w 461H) menjelaskan, "Dan dimakruhkan binatang ternakan *jallalah*, dan disunatkan jika hendak menyembelihnya, perlu dikuarantin terlebih dahulu selama beberapa hari dan diberi makan dengan makanan yang tidak najis sehingga bersih perutnya, kemudian disembelih." (1984: 1/233) Pendapat ini turut disokong oleh Al-Samarqandi (w 540H) (1994: 3/65), Al-Kasani (w 587H) (1986: 5/39-40), Al-Zayla'i (w 743H) (1313H: 6/10), al-Haddadi (w 800H) (1322H: 2/185186), Badr

al-Din al-'Aini (w 855H) (2000: 11/602), Ibn al-Shihnah (w 882H) (1973: 1/381), Mulla Khasro (w 885H) (t.th.: 1/27), Al-Tahtawi (w 1231H) (1997: 31), 'Ala' al-Din Al-Haskafi (w 1088H) (1992: 6/340), Ibn 'Abidin (w 1252H) (1992: 6/340), Al-Fatawa al-Hindiyah (1310H: 5/289). Menurut Ibn 'Abidin, pendapat muktamad dalam mazhab Hanafi, hukum makruh binatang jallalah adalah makruh tanzihi, bukan makruh tahrimi (1992: 6/340).

**2.4.2.2 Kuarantin**

Status hukum penggunaan bintang ternakan jallalah boleh kembali kepada hukum asalnya iaitu halal digunakan apabila ia dikuarantin. Menurut ulama Hanafiyah, kuarantin perlu dilakukan terhadap binatang jallalah untuk memastikan bau busuknya hilang. Berdasarkan analisa literatur dalam mazhab Hanafi, illah larangan binatang jallalah adalah bau busuknya (Al-Sarakhsi, 1993: 11/256; AlSamarqandi, 1994: 3/66; Al-Kasani, 1986: 5/40; Al-Zayla'i, 1313H: 6/10; al-Haddadi, 1322H: 2/185-186; Badr al-Din al-'Aini, 2000: 11/602; 'Ala' al-Din Al-Haskafi, 1992: 6/340; Al-Fatawa al- Hindiyah, 1310H: 5/289). Al-Kasani menjelaskan, "Ini menunjukkan bahawa hukum makruh binatang jallalah adalah kerana perubahan pada bau binatang itu dan ia menjadi busuk, bukan kerana ia makan najis. Oleh itu, jika bercampur makanan binatang itu antara najis dan bukan najis maka ia tidak makruh, walaupun ia makan najis, kerana ia tidak menjadi busuk. Ini menunjukkan bahawa pengiktibaran adalah kerana bau busuk, bukan kerana makan najis." (1986: 5/40)

Jika binatang ternakan makan najis tetapi tiada bau busuk, maka ia tidak dianggap sebagai jallalah dan hukumnya halal. Al-Sarakhsi menjelaskan, "Oleh itu halal makan daging kambing yang menyusu dengan susu babi, kerana daging kambing itu tidak berubah. Apa yang diberi makan kepada kambing itu telah berlaku 'istihlak' dan tidak meninggalkan kesan untuknya." (1993: 11/256) al-Zabidi turut menjelaskan, "Jika anak kambing menyusu dengan anjing atau babi, sehingga anak kambing itu membesar, maka tidak dihukumkan makruh makan daging kambing itu kerana

dagingnya tidak berubah dengan susu tersebut." (1322H: 2/186) Penjelasan ini turut dinyatakan oleh Al-Zayla'i, (1313H: 6/10), Al-Kasani (1986: 5/39), Badr al-Din al-'Aini (2000: 11/602), Ibn 'Abidin (1992: 6/732). Namun menurut Zayn al-Din alRazi (w 666H), anak kambing yang menyusu dengan babi adalah haram dimakan, sama seperti binatang jallalah yang lain. (1417H: 1/225).

Menurut ulama Hanafiyah, binatang yang sekali sekala sahaja makan najis dan dagingnya tidak berubah menjadi busuk, ia tidak dianggap sebagai binatang jallalah. Hukum menggunakannya; sama ada makan dagingnya, minum susunya, atau digunakan untuk sesuatu kerja, adalah dibenarkan dan tidak makruh (al-Sarakhsi, 1993: 11/255-256; al-Kasani, 1986: 5/39-40). Hujah mereka ialah ayam kampung. AlSarakhsi menjelaskan, dibenarkan untuk makan ayam kampong (ayam yang di biar bebas), walaupun ada ketikanya, ayam makan tahi, kerana makanannya bercampur iaitu sekali sekala sahaja makan tahi, manakala waktu lain ia makan makanan yang bukan najis. Kerana daging ayam itu tidak berubah dan tidak menjadi busuk. Terdapat riwayat yang sahih menyatakan bahawa Nabi Muhammad saw makan ayam (1993: 11/255-256). Al-Kasani (w 587H) melanjutkan, ini menunjukkan bahawa binatang jallalah dilarang daripada dimakan kerana bau busuknya, bukan kerana ia makan najis. Ini disebabkan, walaupun ayam kampung terkadang makan tahi atau najis yang ia jumpa, namun ia tidak dilarang daripada dimakan, kerana dagingnya tidak berubah menjadi busuk (1986: 5/39)

## 1. Tempoh kuarantin

Terdapat perbezaan tempoh kuarantin yang ditetapkan oleh ulama Hanafiyyah. Ada yang mensyaratkan tempoh kuarantin selama tiga hari (Ibn Mawdud al-Musili, 1937: 5/16), sepuluh hari (Al-Sarakhsi, 1993: 11/256). Menurut Imam Abu Hanifah, terdapat dua riwayat. Menurut riwayat Muhammad, tempoh kuarantin tidak ditetapkan. Binatang jallalah perlu dikuarantin sehingga elok bau dagingnya dan hilang bau

busuknya. Manakala menurut riwayat Abu Yusuf, binatang jallalah perlu dikuarantin selama tiga hari. Dan menurut Abu Yusuf, ayam tidak perlu dikuarantin, kerana dagingnya tidak berbau busuk. Namun, digalakkan untuk dikuarantin selama sehari atau dua hari (Al-Samarqandi, 1994: 3/66; Al-Kasani, 1986: 5/40; Ibn Mawdud al- Musili, 1937: 5/16). Terdapat juga pendapat yang mendetilkan, unta jallalah dikuarantin selama empat puluh hari, lembu dua puluh hari, kambing sepuluh hari, dan ayam tiga hari (Al-Razi, 1417H: 1/225; Badr al-Din al-'Aini, 2000: 11/602; Ibn al-Shihnah, 1973: 1/381). Menurut fatwa Fakhr al-Din Qadhi Khan al-Hanafi (w 592H), tempoh kuarantin binatang jallalah sehingga hilang bau busuknya ialah unta empat puluh hari, lembu dua puluh hari, kambing sepuluh hari, ayam tiga hari, dan burung sehari (Al-Fatawa al-Hindiyah 1310H: 5/298). Manakala menurut al-Tahtawi (w 1231H), ayam dikuarantin selama tiga hari, kambing empat hari, unta dan lembu sepuluh hari. Ketetapan ini adalah berdasarkan istihsan (1997: 31). Pendapat ini ditarjihkan oleh 'Ala' al-Din Al-Haskafi (w 1088H) (1992: 6/340), Ibn 'Abidin (w 1252H) (1992: 6/306).

Namun menurut al-Sarakhsi, pendapat yang paling tepat ialah binatang jallalah perlu dikuarantin sehingga hilang bau busuk padanya, kerana sebab diharamkan adalah kerana bau busuk tersebut. Tidak perlu ditetapkan bilangan hari untuk kuarantin, kerana setiap binatang berbeza-beza pada tempoh untuk menghilangkan bau busuknya. Oleh itu, pengiktibaran yang diambil kira adalah sehingga hilang bau busuk, bukan tempoh kuarantin (1993: 11/256) Pendapat ini turut disokong oleh Al- Kasani (w 587H) (1986: 5/40), Al-Zayla'i (w 743H) (1313H: 6/10), al-Haddadi (w 800H) (1322H: 2/185-186), Badr al-Din al-'Aini (w 855H) (2000: 11/602), Ibn alShihnah (w 882H) (1973: 1/381), Al-Fatawa al-Hindiyah (1310H: 5/289).

## 2. Kaedah Kuarantin

Ketika tempoh kuarantin, binatang jallalah perlu diberi makan dengan makanan yang bukan najis, sehingga hilang

bau busuknya (al-Sughdi, 1984: 1/233; Al-Sarakhsi, 1993: 11/256; Al-Samarqandi, 1994: 3/65-66; al-Haddadi, 1322H: 2/185-186; Badr al-Din al-'Aini, 2000: 11/602; Al-Fatawa al-Hindiyah, 1310H: 5/290).

### 3. Rasional kuarantin

Al-Qudduri menjelaskan, larangan menggunakan binatang jallalah bukan merujuk kepada binatang itu sudah berubah menjadi haram, namun, larangan yang berlaku kerana perkara mendatang yang berlaku pada binatang itu iaitu ia makan najis dan baunya menjadi busuk. Hukum asal mengambil manfaat daripadanya adalah halal, namun kerana bau busuk kesan daripada sentiasa makan najis itulah yang menjadikan ia dilarang daripada diambil manfaat. Oleh itu, jika hilang bau busuk, kerana setelah dikuarantin, maka ia kembali kepada hukum asal iaitu halal dimanfaatkan (Al-Kasani, 1986: 5/40)

#### 2.4.2.3 Hukum lain berkaitan *jallalah*

1) Hukum jual beli binatang *jallalah*
   Menurut Al-Kasani (w 587H), binatang jallalah, iaitu binatang yang sentiasa makan najis dan dagingnya berbau busuk, hukumnya harus untuk dijual beli atau dihadiahkan (1986: 5/40). Pendapat ini turut disokong oleh Ibn Mawdud al-Musili (w 683H) (1937: 5/16). Manakala menurut Ibn al-Shihnah (w 882H) (1973: 1/381), hukumnya makruh. Pendapat ini disokong oleh Ibn 'Abidin (w 1252H) (1992: 6/340).

2) Kenajisan peluh binatang jallalah Ibn 'Abidin (w 1252H) menjelaskan, menurut Abi al-Fadhl al-Baqqali alHanafi (w 576H), peluh binatang jallalah adalah najis (1992: 1/223).

### 2.4.3 Menurut mazhab Maliki

Menurut ulama Malikiyyah, binatang yang makan najis adalah binatang jallalah; tanpa membataskan had banyak atau sedikit, menjadikan bau binatang itu busuk atau tidak (Ibn Rushd al-Hafid, 2004: 3/18; al-Hattab, 1992: 3/229; al-Sawi, t.th.: 2/180).

#### 2.4.3.1 Hukum Penggunaan Binatang *Jallalah*

Para ulama Maliki berpendapat bahawa hukum penggunaan

binatang jallalah adalah halal. Mereka hanya berbeza pendapat, sama ada hukumnya harus atau makruh.

### 1. Binatang jallalah halal dimakan

Imam Malik (w 179H) menjelaskan bahawa hukum makan binatang jallalah adalah dibenarkan (1994: 542). 'Abd al-Salam bin Sa'id al-Tanukhi yang terkenal dengan gelaran 'Sahnun' (w 240H) menjelaskan dalam kitab 'Mudawwanah Imam Malik', "Saya bertanya kepada 'Abd al-Rahman ibn al-Qasim (w 191H), 'Apa pendapat kamu berkaitan binatang jallalah; unta, lembu dan kambing. Adakah Imam Malik berpendapat makruh makan dagingnya? Ibn al-Qasim menjawab, 'Imam Malik berkata, 'Jika saya berpendapat ia makruh, maka sudah barang tentu saya akan berkata makruh makan burung yang makan bangkai.' Imam Malik berkata lagi, 'Harus makan binatang jallalah.' (Malik, 1994: 542) Pendirian ini disokong secara konsisten oleh para ulama Malikiyah seperti pendapat Abu Sa'id al-Baradhi'i (w 372H) (2002: 2/26), Ibn Rushd (w 520H) (1988: 3/369), Al-Mawwaq (w 897H) (1994: 1/129), dan Al-Hattab (w 954H) (1992: 3/229). Menurut Ibn Rushd (w 520H), "Hujah dibenarkan makan daging kambing yang membesar dengan menyusu kepada babi adalah keharusan makan burung jallalah, kerana para ulama sepakat membenarkan makan binatang jallalah dalam kategori binatang yang makanannya diproses dalam tembolok (dhawat al-hawasil) (iaitu burung), tetapi mereka berbeza pendapat berkaitan binatang jallalah dalam kategori binatang ruminan yang makanannya diproses dalam rumen/perut/usus (*dhawat alkurush*) (seperti unta, lembu, kambing). Sekumpulan ulama salaf menyatakan makruh makan daging binatang jallalah dan juga makruh minum susunya. Ini berdasarkan apa yang diriwayatkan, 'Sesungguhnya Rasulullah saw melarang daripada makan daging binatang jallalah dan minum susunya.' Berdasarkan kaedah qiyas, hukumnya sama, seperti kata Ibn al-Qasim (w 191H), 'Menurut mazhab Maliki, tiada perbezaan antara hukum makan daging binatang ternakan dan burung yang makan najis, iaitu ia adalah halal dan harus dimakan. Mereka hanya berbeza pendapat pada

susu, peluh dan air kencingnya." (1988: 3/369-370) Ulama sepakat berpendapat bahawa haiwan spesis burung seperti burung merpati dan ayam adalah halal dimakan. Walaupun, antara tabiat makanan burung merpati dan ayam yang dibiarkan bebas mencari makanan, ia akan makan antaranya tahi dan benda busuk (Ibn Rushd, 1988; Al-Mawwaq, 1994).

## 2. Binatang jallalah makruh dimakan

Menurut Ibn Rushd al-Hafid (w 595H), maksud Imam Malik membenarkan makan daging binatang jallalah adalah hukumnya makruh (2004: 3/18). Abu al-Hasan al-Lakhmi al-Maliki (w 478H) pula menjelaskan bahawa menurut Imam Malik binatang ternakan jallalah tidak makruh untuk dimakan (Al-Qarafi, 1994: 4/104). Oleh itu, menurut pendapat muktamad Mazhab Maliki, haiwan jallalah halal dimanfaatkan, walaupun najis yang dimakan oleh haiwan tersebut memberikan kesan bau busuk pada daging atau badan haiwan tersebut *(Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah alKuwaitiyah,* 1427H: 15/261).

Ibn Rushd al-Hafid (w 595H) mengemukakan analisa pertembungan dalil berkaitan hukum binatang jallalah. Beliau menjelaskan, terdapat pertembungan antara dua dalil tentang hukum jallalah iaitu hadith dan qiyas. Berdasarkan hadith, terdapat riwayat yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad saw melarang daripada makan daging binatang jallalah dan minum susunya. Hadith direkodkan oleh Abu Daud dan dilaporkan oleh Abdullah bin Umar. Manakala hujah secara *qiyas* pula, apa-apa yang masuk ke dalam perut binatang, ia akan menjadi daging dan seluruh anggota badan binatang tersebut. Oleh itu, kami berpendapat, daging binatang itu hukum asalnya halal dimakan, ia tidak terkesan dengan hukum sumber yang membentuk daging tersebut. Walaupun najis itu hukumnya haram, tetapi apabila ia dimakan oleh binatang, dan makanan (najis) yang dimakan itu diproses sehingga menjadi daging dan anggota lain binatang tersebut, maka hukum yang diiktibarkan ialah hukum daging iaitu halal, bukan hukum najis yang dimakan (2004: 3/18).

Al-Qarafi (w 684H) menjelaskan hujah berkaitan keharusan daging jallalah berasaskan hujah *intiqal* iaitu perubahan sesuatu zat berpindah menjadi zat yang lain. Hukum suatu zat asal tidak mempengaruhi zat baharu yang terhasil daripada zat asal, kerana telah berlaku perpindahan zat, zat yang baharu, bukan lagi zat yang asal. 'Illah hukum pada sesuatu zat adalah merujuk kepada sifat yang diiktibarkan oleh Syarak. Asas ini disepakati oleh para ulama (ijma'). Contohnya, darah berubah menjadi air mani dan kemudian menjadi jasad manusia. Darah adalah zat yang tersendiri, begitu juga air mani dan jasad manusia. Walaupun air mani terbentuk daripada darah, dan darah najis, namun air mani tidak najis. Begitu juga jasad manusia tidak najis (1994: 1/188).

#### 2.4.3.2 Kuarantin

Oleh kerana binatang jallalah harus dimanfaatkan menurut ulama Malikiyah, maka mereka tidak mensyaratkan kuarantin sebelum binatang jallalah itu dimanfaatkan. Ibn Rushd (w 520H) menjelaskan, "Ibn al-Qasim ketika menyatakan hukum anak kambing yang menyusu dengan babi, beliau berkata, 'Saya lebih suka sekiranya kambing itu tidak disembelih, melainkan perlu dikuarantin dahulu sehingga hilang kesan makanan (susu babi) yang ada dalam perutnya itu. Namun begitu, jika kambing itu disembelih (tanpa dikuarantin), saya berpendapat ia tidak mengapa. Ini disebabkan burung yang makan bangkai dan ayam yang makan benda busuk, diharuskan untuk disembelih (tanpa perlu dikuarantin) dan dagingnya halal dimakan (Ibn Rushd, 1988: 3/369).

#### 2.4.3.3 Hukum lain berkaitan *jallalah*

1. Hukum memberi binatang ternakan makan najis

Al-Qarafi (w 684H) menjelaskan, Imam Malik menyatakan dalam kitab alMudawwanah, tidak mengapa memberikan lebah makan daripada najis (1994: 1/188). Al-Hattab (w 954H) menjelaskan, menurut Imam Malik, lebah yang makan najis, madu yang dihasilkan adalah suci (1992: 1/92). Ibn al-Qasim (w 191H) menjelaskan, burung yang diburu, diumpan dengan minum arak, lalu burung itu minumnya dan mabuk, maka halal makan daging burung tersebut (al-Hattab, 1992: 1/92).

Ibn al-Jallab al-Maliki (w 378H), ketika membincangkan tentang mengambil manfaat dengan bangkai, "Tidak salah memberikan haiwan ternakan dengan makanan daripada najis; sama ada haiwan yang halal dimakan dagingnya, atau haiwan yang haram dimakan dagingnya." (2007: 1/320) Al-Hattab (w 954H) menjelaskan, dibenarkan untuk memberikan haiwan ternakan makan makanan najis dan memberikan lebah makanan najis, menunjukkan bahawa tidak menjadi kesalahan untuk mengambil manfaat daripada najis (1992: 1/119)

'Abd Allah bin 'Umar melaporkan, pada suatu ketika, Rasulullah bersamasama dengan para sahabat tiba di kawasan penempatan kaum Thamud. Lalu para sahabat pun mengambil air daripada telaga yang berada di situ untuk dijadikan air minuman dan digunakan untuk menguli tepung. Apabila Rasulullah mengetahui perkara itu, baginda lantas mengarahkan agar mereka buang semua air yang diambil daripada telaga itu. Manakala tepung yang sudah diuli menggunakan air telaga itu, diberikan kepada unta untuk dimakan. Manakala air telaga yang telah diambil diberikan kepada unta untuk diminum." Hadis sahih direkod oleh Imam al-Bukhari (1422H: 4/149).

Wajh dilalah: Imam Ibn al-'Arabi (w 543H) dan al-Qurtubi (w 671H) mendatangkan hadis ini ketika mentafsirkan ayat 76 surah al-Hijr berkaitan perkampungan yang dihancurkan oleh Allah. Mereka menjelaskan, berdasarkan hadis tersebut, Nabi Muhammad melarang para sahabat daripada minum dan mengambil manfaat daripada telaga perkampungan kaum Thamud. Dalam hadis yang lain, Nabi menjelaskan sebab baginda mengharamkan para sahabat minum daripada air telaga itu agar mereka terhindar daripada kemurkaan Allah.

Walaupun Nabi melarang para sahabat daripada minum air telaga tersebut dan baginda juga melarang mereka makan roti yang diuli menggunakan air telaga tersebut, namun baginda menyuruh mereka memberikan air dan roti yang diharamkan itu kepada unta. Ini menjelaskan bahawa hukum memberikan sesuatu makanan dan minuman yang haram; termasuklah najis, kepada binatang ternakan yang boleh dimakan adalah harus (Ibn al-'Arabi, 2003: 3/109; al- Qurtubi, 1964: 10/46-47). Ibn al-'Arabi menamakan sub-tajuk perbincangan tersebut dalam kitab tafsirnya sebagai 'Masalah apa-apa yang tidak boleh

dimanfaatkan daripada makanan dan minuman, boleh diberikan kepada unta dan bintang ternakan' (Ibn al-'Arabi, 2003: 3/109). Ibn al-'Arabi dan Al-Qurtubi berkata, "Beginilah hukum berkaitan air najis dan apa-apa yang diuli menggunakan air najis itu. Imam Malik berkata, 'Apa-apa yang tidak boleh digunakan daripada makanan dan minuman, maka boleh memberikannya kepada unta dan binatang ternakan. Ini disebabkan binatang tidak berkaitan dengan hukum taklifi.' Begitu juga beliau menjelaskan hukum berkaitan madu najis, ia boleh diberikan kepada lebah untuk dijadikan bahan makanannya." (Ibn al-'Arabi, 2003: 3/109; al-Qurtubi, 1964: 10/47)

#### 2.4.4 Menurut mazhab Hanbali

Para ulama Hanabilah mendefinisikan haiwan *jallalah* sebagai haiwan yang sebahagian besar makanannya adalah daripada najis, walaupun daging atau badan haiwan itu tidak menjadi busuk (Abu Daud al-Sijistani, 1999: 345; Ibn Qudamah, 1994: 1/42; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; AlMardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; alBuhuti, t.th.: 687; 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430; *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah alKuwaitiyah,* 1427H: 15/261).

##### 2.4.4.1 Hukum Penggunaan Binatang Jallalah

Terdapat dua aliran pendapat ulama Hanabilah berkaitan hukum mengambil manfaat daripada binatang jallalah sebelum ia dikuarantin. Aliran pertama berpendapat, binatang jallalah haram dimanfaatkan, manakala aliran kedua berpendapat, hukumnya makruh.

1. Binatang *jallalah* haram dimanfaatkan

Menurut pendapat muktamad mazhab Hanbali, binatang jallalah haram dimanfaatkan; haram dimakan dagingnya, diminum susunya, dijadikan binatang tunggangan (Al-Kausaj, 2002: 5/2251; Ibn Taimiyah, 1984: 2/189; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Shams al-Din Ibn Muflih, 2003: 10/377; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687, 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430). Al-Qadhi Abu Ya'la Ibn al- Farra'

(w 458H) menyatakan dalam kitabnya 'al-Mujarrad', "Binatang jallalah itu ialah binatang yang makan tahi, iaitu jika kebanyakan makanannnya adalah daripada najis, makan haram dagingnya dan susunya. Manakala telurnya, terdapat dua pendapat. Namun, jika kebanyakan makanannya daripada makanan yang bersih, maka tidak haram makan (daging)nya dan tidak (haram) susunya." (Ibn Qudamah al-Maqdisi, t.th.: 9/413)

Ibn Abi 'Umar (w 682H) menjelaskan hukum ikan yang dicampakkan najis atau bangkai ke dalam air, untuk dimakan oleh ikan, kemudian ditangkap ikan tersebut. Menurut Imam Ahmad, terdapat dua pendapat, pertama, hukumnya makruh. Kedua, hukumnya haram, kerana ikan itu telah menjadi haiwan jallalah (t.th.: 11/39- 40). Al-'Uthaymin (w 1421H) menjelaskan pendapat ulama Hanabilah berkaitan haiwan jallalah. Terdapat dua pendapat: Pertama: Haiwan jallalah adalah haram kerana ia makan najis dan memberi kesan pada dagingnya. Kedua: Haiwan jallalah adalah halal. Pendapat ini dibina atas asas, najis boleh berubah menjadi suci dengan proses istihalah. Mereka mengatakan, najis yang dimakan oleh haiwan *jallalah* itu telah berubah menjadi darah, daging dan sebagainya, yang dengannya tubuh badan haiwan itu membesar, maka daging itu suci (1428H: 15/22).

Al-Rahibani (w 1243H) menjelaskan, pengharaman jallalah berdasarkan hadis, "Nabi Muhammad saw melarang makan daging haiwan jallalah dan minum susunya" membuktikan bahawa istihalah tidak mengubah status najis kepada suci. Ini disebabkan, jika istihalah boleh mengubah status status najis kepada suci, maka sudah tentu Nabi Muhammad saw tidak melarang makan daging haiwan yang makan najis dan minum susunya, kerana istihalah telah berlaku pada daging dan susu haiwan tersebut (1994: 1/229). Sebaliknya, Ibn Qasim (w 1392H) berpendapat istihalah mengubah status najis kepada suci. Beliau menyatakan, najis yang dimakan oleh haiwan ternakan telah berlaku istihalah di dalam perutnya, maka ia menjadi suci

dengan proses istihalah, seperti darah yang berlaku proses istihalah pada anggota badan haiwan menjadi daging dan menjadi susu (1397H: 7/431).

## 2. Binatang jallalah makruh dimanfaatkan

Menurut salah satu pendapat Imam Ahmad, binatang jallalah makruh dimanfaatkan; makruh dimakan dagingnya, diminum susunya, dijadikan binatang tunggangan (Al-Kausaj, 2002: 5/2251; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90).

Hujah pendapat ini: Firman Allah SWT:

أُحِلَّتْ لَكُم بَهِيمَةُ الأَنْعَامِ

***Maksudnya:*** *Dihalalkan bagi kamu binatang ternakan. (Surah al- Ma'idah: 1)*

Wajh dilalah: Ayat ini secara umumnya menjelaskan bahawa binatang ternakan adalah halal dimakan, termasuklah binatang jallalah (Ibn Qudamah al- Maqdisi, 1994: 1/559)

Menurut al-Hasan al-Basri, hujah binatang jallalah tidak haram ialah berdasarkan qiyas. Binatang jallalah yang makan najis tidak dianggap najis kerana diqiyaskan kepada orang yang minum arak, tidak dihukumkan najis tubuh badannya. Begitu juga orang kafir yang makan babi dan benda-benda haram lain, tubuh badannya tidak menjadi najis. Jika dikatakan tubuh badannya najis, maka jika dia masuk Islam, tiada hukum yang menyatakan tubuh badannya perlu disucikan. Begitu juga, jika dikatakan binatang jallalah adalah najis, maka ia tidak akan boleh menjadi suci dengan kuarantin (Ibn Qudamah al-Maqdisi, t.th.: 9/413). Ibn Qudamah al- Maqdisi menolak hujah ini dengan menjelaskan bahawa pengharaman binatang jallalah adalah berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin 'Umar dan 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As. Manakala hujah qiyas tersebut ditolak kerana

orang yang minum arak dan orang kafir yang tidak dihukum najis tubuh badannya, kerana di samping mereka makan atau minum benda najis, mereka juga makan atau minum yang tidak najis (Ibn Qudamah al-Maqdisi, t.th.: 9/413).

### 2.4.4.2 Kuarantin

Menurut ulama Hanabilah, 'illah larangan memanfaatkan binatang jallalah ialah kerana binatang tersebut kebanyakan makananannya daripada najis; tanpa dihubungkan dengan bau busuk. Binatang yang sebahagian besar makanannya adalah najis, walaupun najis itu tidak menjadikan bau binatang itu busuk, ia masih dalam kategori jallalah yang dilarang (Abu Daud al-Sijistani, 1999: 345; Ibn Qudamah, 1994: 1/42; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; AlMardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; alBuhuti, t.th.: 687; 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430; *Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyah alKuwaitiyah,* 1427H: 15/261).

Para ulama Hanabilah sepakat berpendapat bahawa binatang jallalah yang hendak dimanfaatkan, wajib dikuarantin. Jika binatang jallalah dikuarantin, maka ia kembali kepada hukum asalnya iaitu halal. Namun, mereka berbeza pendapat berkaitan tempoh kuarantin (Ibn Qudamah al-Maqdisi, t.th.: 9/414).

#### 1. Tempoh kuarantin

Menurut satu pendapat Imam Ahmad, kesemua jenis binatang jallalah dikuarantin selama tiga hari berdasarkan athar 'Abd Allah bin 'Umar dan para ulama Hanabilah memilih ini adalah pendapat muktamad dalam mazhab (Ibn Qudamah al- Maqdisi, 1994: 1/559, t.th.: 9/414; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/92; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/367; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al- Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687, 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; AlRahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430). Manakala terdapat pendapat lain dalam mazhab Hanbali iaitu binatang ternakan dikuarantin empat puluh hari, manakala ayam tiga hari (Abu Daud, 1999: 344).

Menurut Abu Ishaq al-Shalanji (w 230H) kesemua binatang jallalah perlu dikuarantin selama empat

puluh hari (Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/13; AlMardawi, t.th.: 10/367). Abu Bakar al-Khallal (w 311H) meriwayatkan, hukum haram atau makruh binatang jallalah berubah kembali halal dengan dikuarantin dan tidak diberi makan lagi najis. Unta dikuarantin empat puluh malam berdasarkan hadis, dan lembu juga dalam tempoh yang sama. 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As melaporkan, "Rasulullah saw melarang daripada makan daging unta jallalah, juga tidak boleh minum susunya, dan tidak boleh dijadikan tunggangan, melainkan untuk mengangkat barang, serta tidak boleh ditunggang oleh manusia, melainkan setelah ia diberi makan bukan najis selama empat puluh malam." Manakala burung dikuarantin tiga hari kerana 'Abd Allah bin 'Umar apabila mahu makan burung jallalah, beliau akan mengkuarantinkannya selama tiga hari. Ibn Taimiyah (w 652H) berpendapat bahawa burung jallalah dikuarantin selama tiga hari, kambing tujuh hari, unta dan lembu empat puluh hari (1984: 2/189).

**2. Kaedah Kuarantin**

Menurut ulama Hanabilah, kaedah kuarantin ialah binatang jallalah hanya diberikan makanan yang bukan najis ketika dalam tempoh kuarantin (Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/367; Mar'i al-Karami, 2004: 326; alBuhuti, 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416-417; Ibn Qasim, 1397H: 7/430).

#### 2.4.4.3 Hukum lain berkaitan *jallalah*

1. Hukum memberi binatang ternakan makan najis

Para ulama Hanabilah berbeza pendapat berkaitan hukum memberi binatang ternakan yang halal dimakan makan najis. Pendapat pertama mengatakan hukumnya haram, manakala pendapat kedua pula menjelaskan, hukumnya tidak dilarang. Menurut Imam Ahmad, haram memberi binatang ternakan yang dimakan dagingnya makan najis (Al-Mardawi, t.th.: 10/367; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311). Ibn Qudamah al- Maqdisi (w 620H) menjelaskan, "Imam Ahmad disoal berkaitan tukang buat roti yang telah selesai membuat roti lalu ingin menjualnya, tetapi apabila dia melihat di tempat

membuat roti, didapati dalam bekas air terdapat bangkai tikus. Imam Ahmad menjawab, 'Tukang buat roti itu tidak boleh menjual roti itu kepada sesiapa. Jika dia sudah menjualnya, maka dia perlu mengambil semula roti itu dan mengembalikan wang yang telah dibayar. Jika dia tidak dapat mengenalpasti pembeli, wang yang telah diterima perlu disedekahkan. Roti najis itu boleh diberi makan kepada binatang yang tidak dimakan dagingnya. Roti najis itu tidak boleh diberi makan kepada binatang ternakan yang dimakan dagingnya. Jika ia telah diberi makan kepada binatang ternakan yang dimakan dagingnya, binatang itu tidak boleh disembelih, melainkan setelah dikuarantin selama tiga hari, kerana binatang itu telah menjadi binatang jallalah.'" (Ibn Qudamah al-Maqdisi, t.th.: 9/429) Burhan al-Din Ibn Muflih (w 884H) menjelaskan dalam kitabnya 'al-Mubdi'', haram memberikan binatang ternakan makan najis. Begitu juga haram memberi makan binatang ternakan berdekatan dengan najis. Hukum pengharaman ini ditetapkan secara umum, sama ada tempoh antara memberi makanan itu masih lama sebelum hendak disembelih atau dimakan, atau dalam tempoh yang dekat (1997: 8/13). Namun, menurut al-Hijjawi (w 968H) jika binatang ternakan itu masih belum mahu disembelih atau diperah susunya, maka tidak dilarang untuk memberinya makan daripada najis (t.th.: 4/311). Pendapat ini turut disokong oleh al-Buhuti (w 1051H) (1993: 3/411), Al-Ba'li (w 1192H) (2002: 2/785), dan Al-Rahibani (w 1243H) (1994: 6/315).

## 2. Tubuh binatang jallalah suci atau najis

Ibn Qudamah al-Maqdisi (w 620H) menjelaskan, menurut pendapat Imam Ahmad terdapat dua pendapat: Pertama: Binatang jallalah adalah najis kerana Nabi Muhammad saw melarang daripada menunggang binatang jallalah dan daripada minum susunya. Hadis diriwayatkan oleh Abu Daud. Ini disebabkan, binatang jallalah menjadi najis kerana najis yang ia makan dan peluhnya tidak suci. Kedua: Binatang jallalah adalah suci iaitu tidak najis, kerana hyena dan kucing makan najis, tetapi kedua-

duanya suci (1994: 1/42). Pendapat ini turut dibincangkan oleh Ibn Abi 'Umar (w 682H) (t.th.: 1/311).

## 2.5 Penutup

Berdasarkan meta-analisis kepada dokumen berkaitan isu status haiwan jallalah menurut fiqh Islam klasik para ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan definisi *jallalah*. Pendekatan pertama menjelaskan bahawa *jallalah* merujuk kepada binatang yang hanya makan najis dan berbau busuk, manakala pendapat kedua pula menyatakan ia merujuk kepada binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis, dan ketiga pula menjelaskan *jallalah* merujuk kepada binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis dan terdapat bau najis tersebut pada binatang itu. Selanjutnya para ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan hukum haiwan *jallalah*. Mereka berbeza pendapat dalam mengistinbat hukum daripada hadis yang menyatakan bahawa Nabi Muhammad saw melarang daripada mengambil manfaat daripada haiwan *jalllalah*. Ada dalam kalangan mereka memahami larangan tersebut sebagai haram, dan sebilangan yang lain pula memahami ia hanya sebagai makruh.

Seterusnya para ulama sepakat mengatakan bahawa haiwan *jallalah* yang dikuarantin akan kembali kepada hukum asal iaitu halal dan boleh dimanfaatkan. Namun, mereka berbeza pendapat berkaitan tempoh kuarantin dan kaedah pelaksanaannya. Ada yang menghadkan tempoh kuarantin kepada bilangan hari tertentu, manakala sebilangan yang lain pula hanya mensyaratkan hilang bau busuk pada haiwan *jallalah*, tanpa membataskan dalam tempoh waktu tertentu.



BAB 3

# HAIWAN *JALLALAH* MENURUT FATWA DAN FIQH ISLAM SEMASA



BAB 3

# HAIWAN *JALLALAH* MENURUT FATWA & FIQH ISLAM SEMASA

## 3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan data kajian yang diperolehi melalui analisa dokumen dan temubual. Objektif analisa bab ini adalah untuk mengenalpasti penjelasan hokum haiwan jallalah menurut Institusi Fatwa di Malaysia dan luar Negara, serta institusi lain yang berkaitan dan pendapat para ulama semasa.

## 3.2 Haiwan *Jallalah* Menurut Institusi Fatwa di Malaysia

Terdapat dua bentuk penjelasan fatwa di Malaysia berkaitan isu haiwan *jallalah*. Pertama, difatwakan bahawa haiwan jallalah adalah haram dimakan tanpa dijelaskan penyelesaiannya melalui kaedah kuarantin. Kedua, difatwakan bahawa haiwan jallalah adalah haram dimakan, namun jika dikuarantin selama tujuh hari, maka ia kembali kepada status halal.

### 1) Binatang *jallalah* haram dimakan

a) Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan 2006 Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah membincangkan status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal. Muzakarah telah memutuskan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya.

b) Fatwa Negeri Kelantan 2006 Mesyuarat Jemaah Ulama' Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang bersidang pada 21 Disember 2006 telah

**“Objektif analisa bab ini adalah untuk mengenalpasti penjelasan hokum haiwan *jallalah* menurut Institusi Fatwa di Malaysia dan luar Negara, serta institusi lain yang berkaitan dan pendapat para ulama semasa.”**

membincangkan status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal. Mesyuarat telah membuat keputusan bersetuju memfatwakan bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan yang berasal daripada daging babi dan anggotaanggotanya yang lain adalah haram dimakan dan para penternak ikan dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan yang berasal daripada daging babi dan anggota-anggotanya sebagai langkah *saddu al-zara'i`*.”

c) Fatwa Negeri Selangor 2007
Fatwa yang dikeluarkan oleh negeri Selangor dan diwartakan pada 2007. Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut:

(i) Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan daripada najis seperti babi dan bangkai sebagai sumber makanan utama adalah haram dimakan; dan

(ii) Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah pencegahan di samping menjaga sensitiviti umat Islam.

d) Fatwa Wilayah Persekutuan 2007
Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan dan diwartakan pada 2007. Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut: “Ikan yang dipelihara

di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging babi, bangkai dan sebagainya."

c) Fatwa Negeri Selangor 2007

Fatwa yang dikeluarkan oleh negeri Selangor dan diwartakan pada 2007. Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut:

(i) Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan daripada najis seperti babi dan bangkai sebagai sumber makanan utama adalah haram dimakan; dan

(ii) Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah pencegahan di samping menjaga sensitiviti umat Islam. d) Fatwa Wilayah Persekutuan 2007

Fatwa yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Wilayah Persekutuan dan diwartakan pada 2007. Keputusan fatwa tersebut adalah seperti berikut: "Ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makanan najis seperti daging babi, bangkai dan sebagainya."

2. Haiwan *jallalah* adalah haram dimakan, namun jika dikuarantin, maka ia kembali kepada status halal

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan Bil 10/2013-1434H yang bersidang pada 28 Oktober 2013 bersamaan 23 Zulhijah 1434H telah bersetuju memutuskan untuk menerima keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan Kali ke-91 dalam isu Haiwan Jalalah Dalam Industri Ternakan Moden dengan *sighah* seperti berikut:

1. Binatang jalalah yang bebas dan memakan sesuatu yang najis adalah makruh untuk dimakan.
2. Manakala binatang jalalah yang dibela atau dikurung serta sengaja diberi makan makanan yang najis adalah haram dimakan.

3. Walaupun begitu binatang jalalah tersebut harus dimakan apabila ia telah melalui proses kuarantin yang munasabah iaitu sekurang kurangnya tujuh (7) hari. Mesyuarat Panel Kajian Syariah Kali ke-54 yang bersidang pada 23-25 Febuari 2006 di Bayview Hotel, Langkawi telah mengambil keputusan berikut:

   i) Ikan ternakan yang dipelihara dalam kolam, tasik, lombong dan seumpamanya serta diberi makanan daripada najis seperti babi dan bangkai sebagai sumber makanan utama adalah haram dimakan.
   ii) Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah sad al-zarai' di samping menjaga sensiviti umat Islam (JAKIM, 2006).

Selanjutnya, sebagai melengkapkan perbincangan berkaitan status haiwan jallalah menurut institusi fatwa di Malaysia, difatwakan bahawa haiwan yang diberi makan makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan yang mengandungi najis, maka haiwan itu tidak dikategorikan sebagai *jallalah* yang diharamkan. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-2 yang bersidang pada 12-13 Mei 1981 membuat keputusan: "Bahawa makanan ayam yang diproses daripada bahan-bahan yang bercampur dengan najis seperti darah lembu, darah babi dan lain-lain adalah harus atau halal."

Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan melalui Irsyad al-Fatwa siri ke-229a: Hukum memberi makan haiwan ternakan daripada bahan yang diragui halal atau haram, menjelaskan, "Kesimpulannya, kami berpandangan hukum memberi makan kepada ayam daripada *meat bone meal* yang tidak diketahui status kehalalannya adalah HARUS, tapi MAKRUH menurut pandangan mu'tamad mazhab Syafi'e."

### 3.3 Haiwan *Jallalah* Menurut Sistem Pensijilan Halal Malaysia

Haiwan jallalah menurut Malaysian Standard 2393:2010 Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan

Istilah 2.13 bermaksud, "Binatang yang dagingnya berbau busuk disebabkan memakan najis dan hidup di persekitaran najis." (MS 2393: 2010: 2)

Halal menurut Malaysian Standard 2393:2010 Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan Istilah 2.14 bermaksud, "Perkara yang dibenarkan oleh hukum Syarak untuk mendapatkan manfaat daripadanya: seperti makan, minum dan menggunakannya; dan tidak berdosa jika dilakukan. Lawannya ialah haram." (MS 2393: 2010: 3)

Halalan tayyiba menurut Malaysian Standard 2393:2010 Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan Istilah 2.14.1 bermaksud, "Halal lagi selamat, berkualiti dan berkhasiat." (MS 2393: 2010: 3) Tayyiba menurut Malaysian Standard 2393:2010 Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan Istilah 2.14.2 bermaksud, "Selamat, berkualiti dan berkhasiat." (MS 2393: 2010: 3)

Haram menurut Malaysian Standard 2393:2010 Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan Istilah 2.15 bermaksud, "Perkara yang dilarang oleh hokum Syarak untuk mendapatkan manfaat daripadanya; seperti makan, minum dan menggunakannya; dan berdosa jika dilakukan." (MS 2393: 2010: 3)

*Istihalah* menurut Malaysian Standard 2393:2010 Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan Istilah 2.19 bermaksud, "Berubah sesuatu kepada sesuatu yang lain dengan berubah hakikatnya atau sifatnya secara semula jadi melalui proses tindakbalas kimia." (MS 2393: 2010: 4)

Najis menurut Malaysian Standard 2393:2010 Prinsip Islam dan Halal – Definisi dan Penjelasan Istilah 2.34 bermaksud, "2.34.1 Sesuatu yang tidak suci mengikut syarak. Dibahagikan kepada tiga jenis:

a) Najis *mughallazah* (najis berat) ialah anjing dan babi (khinzir) termasuk sebarang cecair atau objek yang keluar daripada rongga anjing dan babi (khinzir), keturunannya dan terbitan daripadanya. Bahagian anggota badan, pakaian dan peralatan yang dicemari oleh najis ini perlu disamak (Rujuk istilah 2.35.1);
b) Najis *mukhaffafah* (najis ringan) ialah air kencing bayi lelaki berusia dua tahun hijri dan ke bawah

yang tidak mengambil apa-apa makanan lain kecuali susu ibu sahaja. Cara menyucikannya ialah dengan merenjiskan air; dan

c) Najis *mutawassitah* (najis pertengahan) ialah semua najis yang tidak termasuk dalam kategori najis berat atau najis ringan seperti muntah, nanah, darah, arak dan bangkai. Cara menyucikannya ialah dengan membersihkannya sehingga hilang bau, warna dan rasa." (MS 2393: 2010: 6)

Berdasarkan MS1500:2019 haiwan *jalllalah* dianggap sebagai binatang yang tidak halal. Klausa 4.5.1.1.1(h) menggariskan bahawa haiwan halal yang dengan sengaja dan berterusan diberi makan najis adalah dianggap haiwan tidak halal untuk dimakan, manakala dalam Klausa 4.5.1.1.2 pula menyatakan bahawa hidupan air yang tinggal dalam najis atau dengan sengaja dan berterusan diberi makan najis adalah tidak halal. "4.5.1 Sources of halal foods. 4.5.1.1 Animals. Animals can be divided into two categories: 4.5.1.1.1 Land Animals. All land animals are halal as food except the following: ...h) farmed halal animals which are intentionally and continually fed with najs...4.5.1.1.2 Aquatic animals. Aquatic animals are those which live in water and cannot survive outside it, such as fish. All aquatic animals are halal except:...c) aquatic animals which live in najs or intentionally and/or continually fed with najs..." (MS 1500:2019: 6)

Menurut MS 1500:2019, "3.5 **najs** *(impurity)*. 3.5.1 Najs according to Shariah law are: a) dogs, pigs and their descendants or derivatives; b) halal food that is contaminated with things that are non-halal; c) halal food that comes into direct contact with things that are non-halal; d) any liquid and objects discharged from the orifices of human beings or animals such as urine, blood, vomit, pus, excrement and placenta. e) carrion or halal animals that are not slaughtered according to *Shariah* law and fatwa except for aquatic animals and certain insects; and f) khamr and food or beverages or items which contain or are mixed with *khamr*." (MS 1500:2019: 2)

### 3.4 Haiwan *Jallalah* Menurut Institusi Antarabangsa

Seterusnya sebagai perbandingan tentang status haiwan jallalah menurut Institusi Antarabangsa:

**1) Fatwa Al-Majlis al-Islami li al-Ifta'**

**Bayt al-Maqdis 1999**

Al-Majlis al-Islami li al-Ifta' Bayt al-Maqdis dalam fatwa no. 618 bertarikh 13 September 1999 menjelaskan hukum daging haiwan al-jallalah yang memakan makanan yang bercampur dengan najis. Fatwa tersebut mentarjihkan pendapat muktabar dalam mazhab Syafi'i dan jumhur ulama iaitu haiwan yang makan najis lalu berubah daging dan peluhnya menjadi busuk, maka hukumnya makruh dimakan. Namun, jika najis yang dimakan tidak memberikan kesan bau busuk pada haiwan tersebut, maka ia tidak makruh dimakan (Al-Majlis al-Islami li al-Ifta' Bayt alMaqdis, 2012)

**2) Fatwa Negara Brunei 2006**

Mufti Kerajaan Brunei Darussalam dalam fatwanya yang bertajuk "Makan Ikan Yang Diberi Makan Najis," Siri Fatwa (35/2006) telah memfatwakan:

"Hukum memakan haiwan jallalah adalah makruh apabila daging dan ususnya berbau seperti bau najis. Tetapi sekiranya daging haiwan *jallalah* tidak berubah rasa, warna atau bau seperti najis, maka hukum memakannya adalah harus sekalipun haiwan jallalah tidak makan kecuali najis sahaja.

Begitu juga, sekiranya haiwan jallalah yang berbau itu dikurung (dikuarantinkan) untuk diberi makanan yang suci sehingga hilang bau atau kesan najis padanya. Kemudian disembelih, maka tidak makruh memakan daging haiwan jallalah. Walau bagaimanapun, kadar had makanan yang diberi kepada haiwan jallalah dan tempoh masa ianya dikurung (dikuarantinkan) untuk menghilangkan hukum makruh tersebut tidaklah ditentukan kadar dan tempohnya. Ia adalah tertakluk kepada adat kebiasaan yang dijangka bauan kesan najis tersebut akan hilang.

Kedua, memberi makanan haiwan yang boleh dimakan dengan makanan najis. Hukum memberikan makanan haiwan yang boleh dimakan dengan najis hukumnya adalah makruh.

Ketiga, menjual haiwan *jallalah*. Hukum menjual haiwan jallalah

yang sudah mati setelah disembelih sebelum dikurung (dikuarantinkan) untuk diberikan makanan suci agar hilang padanya kesan najis, hukumnya adalah makruh."

**3) Fatwa Majelis Ulama Indonesia 2012**

Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor: 52 Tahun 2012 Tentang Hukum Hewan Ternak Yang Diberi Pakan Dari Barang Najis. Menetapkan: Fatwa Tentang Hukum Hewan Ternak Yang Diberi Pakan Dari Barang Najis. Pertama: Ketentuan Umum Dalam fatwa ini, yang dimaksud dengan: Jallalah adalah hewan ternak pemakan barang najis atau pakan dari bahan yang najis, baik sedikit maupun banyak. Kedua: Ketentuan Hukum

i. Hewan ternak yang diberikan pakan barang atau unsur bahan baku yang najis tetapi kadarnya sedikit atau tidak lebih banyak dari bahan baku yang suci, maka hewan tersebut hukumnya halal dikonsumsi, baik daging maupun susunya.
ii. Hewan ternak sebagaimana dalam poin 1 yang diberikan pakan dari hasil rekayasa unsur produk haram dan tidak menimbulkan dampak perubahan bau, rasa, serta tidak membahayakan bagi konsumennya maka hukumnya halal. Namun apabila menimbulkan dampak perubahan bau, rasa, serta membahayakan bagi konsumennya maka hukumnya haram.
iii. Produk pakan ternak yang dicampur dengan babi dan turunannya atau hewan najis lain maka hukumnya haram dan tidak boleh diperjualbelikan.

Ketiga: Rekomendasi Agar LPPOM MUI dapat menjadikan Fatwa ini sebagai pedoman dalam melakukan sertifikasi halal produk terkait.

**4) Lujnah Fatwa al-Azhar 2012**

Lujnah Fatwa al-Azhar dalam fatwa no. 8532 bertarikh 30 Disember 2012 yang membincangkan isu 'Ayam yang diberi makan najis' memutuskan bahawa, selagimana para pakar sains pemakanan tidak sepakat

mengatakan bahawa terdapatnya kemudaratan yang jelas terhadap kesihatan manusia jika haiwan diberi makan makanan yang bercampur dengan najis, maka menurut hukum Syarak, tiada halangan untuk mengharuskan pemberian makanan bercampur najis itu kepada haiwan ternakan. Ini disebabkan, sesuatu hukum bergantung kepada 'illahnya.

Selagimana 'illah tidak wujud, iaitu kepastian tentang kemudaratan yang wujud apabila haiwan ternakan diberi makan makanan yang bercampur najis, maka ia kembali kepada hokum asal, iaitu harus dan halal. Namun, jika dipastikan, dengan memberi makanan tersebut boleh mendatangkan mudarat kepada kesihatan manusia yang makan haiwan tersebut, maka barulah hukumnya menjadi haram. Selanjutnya, binatang yang bercampur makanannya dengan bahan najis, namun tidak zahir bau busuk pada daging, susu atau telurnya, maka tiada halangan untuk makan binatang tersebut; ia tidak haram dan tidak makruh. Ini disebabkan, tidak wujud 'illah hukum tersebut iaitu dagingnya menjadi busuk kesan daripada najis yang dimakan. Namun begitu, adalah lebih utama untuk memberikan haiwan ternakan makan makanan yang bersih, sehingga jiwa manusia boleh menerimanya. Kerana sebilangan manusia tidak boleh menerima status halal, melainkan sesuatu yang tidak diragui kehalalannya. Oleh sebab itu, Nabi Muhammad saw tidak mahu makan dhab, sedangkan ia halal. Kesimpulannya, dalam isu ini, pendapat para doctor dan pakar pemakanan menjadi asas sandaran hukum jika mereka sepakat memberikan pendirian mereka (Lujnah Fatwa al-Azhar, 2012).

**5) Keputusan Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli 2015**

"Ketetapan Berkaitan al-Istihalah dan al-Istihlak Aditif Makanan dan Ubatan

Pada: Ahad 22 Mac 2015

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha mengasihani Segala puji bagi Allah; Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad; Penutup segala Nabi, dan juga ke atas ahli keluarga dan para sahabat baginda.

Ketetapan no.: 210 (22/6)
Berkaitan

al-Istihalah dan al-Istihlak Aditif Makanan dan Ubatan

`Majlis Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dalam Persidangan ke-22 di Negara Kuwait, pada 2-5 Jamadil Akhir 1436H, bersamaan 2225 Mac 2015. Melaksanakan amanah al-Majma; berkaitan isu Istihalah dan Istihlak, maka ketetapan berikut dilakukan:

`Pertama: Berkaitan definisi al-Istihalah, berdasarkan definisi yang telah ditetapkan dalam Ketetapan no. 198 (21/4) dengan tambahan, maka definisi Istihalah adalah seperti berikut: "Perubahan hakikat bahan najis atau bahan yang diharamkan daripada digunakan, dan bertukar zatnya kepada bahan lain, berbeza dengan bahan asal pada nama, ciri, dan sifat." Yang diistilahkan dalam istilah saintifik sebagai tindak balas kimia secara sempurna. Seperti pertukaran minyak dan lemak daripada sumber yang berlainan menjadi sabun, dan bahan itu diurai menjadi pelbagai komponen. Pertukaran itu berlaku dengan tindak balas kimia secara teknikal saintifik, dan juga berlaku dengan cara yang tidak dapat dilihat gambarannya sebagaimana yang dilaporkan oleh para ulamak, seperti proses pengawetan dan pembakaran. Manakala jika tindak balas kimia yang berlaku hanya sebahagian sahaja, maka ia tidak diterima sebagai proses istihalah. Jika bahan itu najis, maka ia kekal dengan sifat kenajisannya dan tidak boleh untuk digunakan.

Manakala istihlak pula, ia bermaksud, "Pelarutan sesuatu bahan pada bahan yang lain sehingga hilang sifat dan ciri bahan yang dilarutkan, serta tidak boleh dibezakan antara kedua-dua bahan tersebut." Dengan memelihara kaedah dan garis panduan yang disepakati oleh para pakar pada semua perkara

tersebut.

...

**Makanan haiwan ternakan:**
Makanan haiwan ternakan yang mengandungi bahan terlarang, daripada segi kegunaan dan kesannya.

Majlis Majma' memutuskan bahawa makanan haiwan ternakan yang dihasilkan dengan campuran bangkai, darah, daging babi, hormon dan antibiotik tidak boleh digunakan, kerana ia mengandungi bahan yang boleh menyebabkan bahaya kepada kesihatan manusia.

Majlis Majma' mengesyorkan agar negara-negara Islam melakukan pemeriksaan apabila mengimport makanan haiwan daripada Negara bukan Islam, agar ia tidak mengandungi bahan-bahan tersebut.

Allah yang maha mengetahui." Majma' al-Fiqh al-Islami al-Dawli (2015).

### 3.5 Haiwan *Jallalah* menurut Ulama Semasa

1) Sohibus Samahah Dr Nuh 'Ali Salman al-Qudah (w 1432H/2010) Beliau merupakan Mufti Kerajaan Jordan 2007-2010. Dalam fatwanya no. 2483 berkaitan hukum makan ayam kampung yang makan najis dan kotoran, beliau menjelaskan, "Binatang yang diberi makan najis menurut fuqaha' diistilahkan sebagai 'jallalah'. Para ulama Hanabilah mengharamkan makan haiwan jallalah jika tidak dikuarantin selama tiga hari tiga malam dan diberi makan dengan makanan yang bersih sehingga hilang kesan najis pada daging haiwan tersebut. Manakala selain mereka berpendapat bahawa makan haiwan jalllalah hukumnya makruh. Dalam isu ini, kami mentarjihkan pendapat ulama Hanabilah. Para fuqaha' menetapkan tempoh kuarantin haiwan jallalah dan diberi makanan yang bersih ketika tempoh kuarantin tersebut. Unta dikuarantin empat puluh hari, lembu tiga puluh hari, kambing tujuh hari, dan ayam tiga hari. Sebagaimana diharamkan makan daging haiwan jallalah, diharamkan juga minum susunya dan makan telurnya. Namun, jika haiwan diberi makan makanan yang bersih, hanya sekali sekala ia makan najis, maka haiwan ini tidak diharamkan, kerana najis

yang dimakan tidak memberi kesan kepada dagingnya. Begitu juga jika makanan haiwan dicampur dengan najis, maka ia tidak memberi kesan kepada dagingnya, sama seperti isu ini iaitu makanan ayam yang dicampur dengan darah, maka ia tidak memberikan kesan. Allah maha mengetahui." (al-Qudah, 2012).

2) Syeikh Mustafa Ahmad al-Zarqa' (w 1999)
   Menurut Syeikh Mustafa Ahmad al-Zarqa', "Hukum memakan haiwan jallalah adalah makruh dan bukannya haram. Ini kerana, haiwan yang diternak dalam tempat yang bernajis dan diberikan makanan yang tidak halal dalam kuantiti yang banyak menyebabkan bau busuk pada dagingnya. Maka hukum makan daging, susu, dan telurnya adalah makruh. Sekiranya haiwan yang diternak diberikan makanan yang halal dan makanan yang tidak halal, ia tidak dikategorikan sebagai haiwan jallalah. Dan hukumnya adalah halal" (al-Zarqa', 2004: 225)

3) Prof Dr Wahbah al-Zuhaili
   Prof Dr Wahbah al-Zuhaili mentarjihkan pendapat muktamad mazhab Syafi'I yang menyatakan tidak haram makan daging haiwan jallalah dan minum susunya. Hukumnya adalah makruh (al-Zuhaili, 2008: 2/559)

4) Prof Dr Nazih Hammad
   Prof Dr Nazih Hammad, "Berdasarkan perbincangan para fuqaha', tiada halangan menurut Syarak memberi makan haiwan yang halal dimakan dengan makanan yang mengandungi elemen najis atau bahan haram lain. Pemberian makanan seumpama itu tidak memberikan kesan kepada pengharaman daging, susu dan telurnya. Hukum haiwan tersebut adalah dibenarkan untuk dimakan oleh manusia dalam keadaan biasa, dengan syarat ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan mereka. Namun, jika ia boleh mendatangkan kemudaratan, maka ia dilarang kerana kemudaratannya, kerana hadis menjelaskan, 'Tidak melakukan kemudaratan dan tidak boleh menyebabkan kemudaratan.'" (2004: 87-88)

5) Syeikh 'Atiyyah Saqr

Syeikh 'Atiyyah Saqr (2011) mentarjihkan pendapat Syafi'iyyah bahawa haiwan jallalah ialah haiwan yang diberikan makan najis dan najis itu memberikan kesan bau busuk pada binatang tersebut. Binatang jallalah makruh dimakan, namun jika dikuarantin dalam satu tempoh yang dapat menghilangkan bau busuk binatang tersebut, maka hukum binatang itu kembali kepada hokum asal iaitu halal dimakan. Namun, jika binatang ternakan diberi makan sekali sekala dengan najis dan tidak menyebabkan bau binatang itu busuk, serta najis itu tidak menyebabkan mudarat, maka ia kekal sebagai binatang yang halal dimakan. Ia tidak dikategorikan sebagai jallalah.

### 3.6 Dapatan Temubual Berkaitan Status Haiwan *Jallalah* di Malaysia

Temubual dijalankan terhadap 11 orang responden yang terdiri daripada 3 orang mufti, seorang timbalan mufti, seorang ketua penolong mufti,seorang pegawai hal ehwal Islam dan lima orang pensyarah yang berkaitan dengan bidang yang dikaji. Temubual dibahagikan kepada dua kategori; pertama temubual berkaitan penjelasan isu jallalah menurut fatwa (6 orang responden), dan kedua temubual isu jallalah menurut Sistem Pensijilan Halal di Malaysia (5 orang responden).

Dapatan kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual yang mempunyai perwakilan responden iaitu R1 bagi responden 1, R2 bagi responden 2 dan seterusnya, petikan temubual yang menunjukkan kepada persoalan yang ditemubual dan akhir sekali ialah tema yang terhasil daripada responden tersebut. Rumusan dan perbincangan terhadap kesemua responden akan dirumuskan dan dapatan temubual juga dibandingkan dengan analisis dokumen yang dilakukan. Dapatan temubual akan dipersembahkan mengikut soalan temubual.

### 3.6.1 Temubual berkaitan Isu *Jallalah* menurut Fatwa dan Penjelasan Hukum

Protokol temubual berkaitan isu jallalah menurut fatwa dan penjelasan hukum adalah berdasarkan penjelasan hukum yang telah dikeluarkan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006 telah membincangkan status kesucian ikan yang diberi makanan tidak halal.

Muzakarah telah memutuskan "bahawa ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut sengaja dipelihara di dalam air najis atau sengaja diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya" Penjelasan hukum ini telah difatwakan oleh Fatwa Negeri Kelantan 2006, Fatwa Negeri Selangor 2007 (diwartakan), dan Fatwa Wilayah Persekutuan 2007 (diwartakan) dan Fatwa Negeri Sembilan 2013 dengan perbezaan sighah fatwa yang turut memasukkan elemen kuarantin. Oleh itu, konstruk soalan temubual dibahagikan kepada 3 konstruk iaitu (1) Hukum penternak memelihara ternakan di persekitaran najis dan memberikan ternakan makan najis, (2) Kadar najis yang diberikan kepada haiwan ternakan, (3) Hukum pengguna mengambil manfaat daripada haiwan jallalah, dan (4) Hukum berkaitan kuarantin.

i) Hukum penternak memelihara ternakan di persekitaran najis dan memberikan ternakan makan najis.

Bagi menjelaskan konstruk ini, empat soalan dikemukakan kepada responden. Dapatan dalam jadual 3.1 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 1: "Adakah haram hukumnya, penternak menternak ikan dalam kolam yang dicemari oleh air najis? Apakah dalil Syarak yang menjelaskan hukum tersebut?"

Jadual 3.1 : Dapatan temubual Soalan 1

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R1 | Dan itu pun tak munasabah. Dari segi uruf pun tak akan berlaku. Bila ada orang nak ternak ikan di kumbahan tu? Maknanya dalam memberi pandangan kita kena lihat nusus. Itu yang pertama nas-nas sama ada al-quran ataupun hadis atau ijmak ataupun qiyas. Yang kedua kena tengok realiti "waqi'" dah tu. Ternak jadi nufrid kita iftirodiah pelihara dalam tu. Haa itu hukumnya tu. Kalau iftirodiah ditakdirkan diternak juga dalam kumbahan tu haa itulah hukumnya | Haram untuk<br><br>Dijangka dihalang |
| | Haram... sedangkan yang halal tu banyak. Yang kolam air jernih nya banyak tiba-tiba nak pergi jugak ternak dalam tu nya apa hal | |
| R4 | Dia berbalik kepada kaedah fiqah "*al hukmu yaduru maal illati wujudan ma'adama*".<br>Balik kepada situ. Jadi, dia pergi makruh lah | Makruh |
| R6 | Cuma mungkin fatwa kebangsaan dan fatwa di peringkat institusi dia lebih melihat kepada maslahat umum haa maslahat umum maka dia letakkan keputusan tu haram sebab mungkin sasaran dia lebih kepada pihak industri dan dia nak *tally* dengan konsep *halalan toyyiba* di peringkat JAKIM | Haram<br><br>Maslahah |

Terdapat tiga orang responden yang memberikan penjelasan berkaitan hukum penternak ikan menternak ikan di kolam najis. Menurut Responden 1, hukum penternak ikan menternak ikan di kolam najis adalah haram. Walaupun berkemungkinan tiada penternak haiwan akua di Malaysia yang menternak di kolam najis,

namun sebagai kebarangkalian jika ia berlaku, maka fatwa telah menjelaskan bahawa tindakan tersebut adalah haram.

"Dan itu pun tak munasabah. Dari segi uruf pun tak akan berlaku. Bila ada orang nak ternak ikan di kumbahan tu? Maknanya dalam memberi pandangan kita kena lihat nusus. Itu yang pertama nas-nas sama ada alquran ataupun hadis atau ijmak ataupun qiyas. Yang kedua kena tengok realiti "waqi'" dah tu. Ternak jadi nufrid kita iftirodiah pelihara dalam tu. Haa itu hukumnya tu. Kalau iftirodiah ditakdirkan diternak juga dalam kumbahan tu haa itulah hukumnya" (R1) "Haram... sedangkan yang halal tu banyak. Yang kolam air jernih nya banyak tiba-tiba nak pergi jugak ternak dalam tu nya apa hal"

Ini disokong oleh responden 6 bahawa penternak ikan haram menternak di kolam najis, dan beliau menambah sebab diharamkan adalah untuk menjaga maslahah pengguna.

"Cuma mungkin fatwa kebangsaan dan fatwa di peringkat institusi dia lebih melihat kepada maslahat umum haa maslahat umum maka dia letakkan keputusan tu haram sebab mungkin sasaran dia lebih kepada pihak industri dan dia nak *tally* dengan konsep *halalan toyyiba* di peringkat JAKIM" (R6)

Manakala responden 4 pula mengemukakan hujah yang berbeza. Menurut beliau, berdasarkan pendapat muktamad ulama Syafi'iyah, bahawa haiwan jallalah makruh dimakan, maka hukum penternak ikan menternak ikan di kawasan bernajis adalah makruh.

"Dia berbalik kepada kaedah fiqah *"al hukmu yaduru maal illati wujudan ma'adama"*. Balik kepada situ. Jadi, dia pergi makruh lah" (R4)

Dapatan dalam jadual 3.2 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 3:"Adakah haram hukumnya, penternak dengan sengaja memberikan ikan ternakan makan makanan daripada najis kategori najis mutawassitah (spt perut ayam) atau makanan ikan yang dicampur dengan najis mutawassitah? Apakah dalil Syarak yang menjelaskan hukum tersebut?

Jadual 3.2: Dapatan temubual Soalan 3

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R1 | penternak pula melihat lama sangat 7 hari tetapi bila nak pelihara... nak ternak dulu... tak bincang pasal hukum ni. Sepatutnya, penternak tu tak bagi lah yang jenis-jenis najis ni. Tapi dia nak cepat subur tu | Haram |
| | Ha jadi walau macamanapun, walaupun dia tidak taklif, kerana nak bagi makan kepada yang mukallaf ni, itu nak jaga tu tadi | Menjaga sensitiviti |
| | Betul, sebab benda-benda yang halal banyak lagi. Dan ini sekaligus kita bincang apa yang ada. Tapi sekaligus mengajar kita bahawa kenapa penternak-penternak Islam ni tidak diperbanyakkan. Yang sekarang ni duk jadi isunya pasal banyak orang kafir yang duk ternak ni | Menghalang penternak bukan Islam |
| | ...pun selalu guna Sad dhari'ah. Sad dhari'ah ini jangan lupa benda yang harus sekalipun boleh jadi haram sebab *Sad dhari'ah*. Tapi ada juga fathu dhari'ah. Jadi, Fathu dhari'ah ni ada juga masuk. Ada juga masa-masanya. Banyak kita guna sad dhari'ah lah sebab kesan mudarat tu *mafsadah* nya lebih tinggi daripada maslahah. Jadi kalau longgar-longgar kan masyarakat yang terima kesan makanan ni | *Sad dhari'ah* |
| | Ya dan lagipun 'iza dhaqat ittasa'at iza ittasa'a dhaqa' ini kena bergantung kepada keadaan uruf tu. Kalau kita terus perluaskan saja kacau nanti. Sebab kalau kita ada sebab tersempit sepatutnya penternak-penternak Islam ni jangan ambil mudah | Kaedah iza ittasa'a dhaqat |

| | | |
|---|---|---|
| R2 | Dalam hal tu ada pendapat-pendapat mazhab lah. Dalam mazhab Syafie dengan Maliki ia katakan memberi makanan daripada najis atau yang bercampur dengan najis kepada haiwan ternakan jadi mazhab ni dia mengharuskan lah. Itu Syafie dengan Maliki. Manakala, mazhab Hanafi ia mengharamkan dan mazhab Hambali pula dia hanya mengharuskan kalau sekiranya beri kepada binatang yang kita tak makan lah. Kalau diberi kepada binatang yang kita makan..macam tadi... ikan tu, jadi hukumnya haram juga lah. Jadi tu maknanya dari segi perbuatan tu kan, Syafie dengan Maliki tadi mengharuskan, Hanafi haram tak boleh terus. Cuma Hambali tu kalau binatang tu tak dimakan ia diharuskan... kalau binatang yang dimakan haram jugak lah. | Perbezaan pendapat |
| | Jadi segala-galanya makna sumber makan dia itulah. Jadi kalau sekiranya macam itu keadaannya, jadi makna kita lebih berpegang kepada tu lah mazhab Hambali tadi, mengatakan haram diberi makan makanan yang semacam tu. | Ditarjihkan pendapat ulama Hanabilah |
| | Tak ada dibezakan lah... asalkan dia tu najis sama ada dia najis mughallazah atau najis apapun kita kata haram walaupun najis mutawassitah. Kalau kita pelihara kandang kambing ke... di bawah tu pelihara ikan pula misalnya... biasanya babi... | Tiada beza kategori najis |
| R3 | Itu cerita lain la no. Cerita memberi. Sebenarnya kita kalau orang nak membuat kebaikan tu, dia kena buat suatu yang baik lah... tapi kalau kotor bagi makan pula dekat orang... macam racun tadi tulah. Macam racun tadi terus bagi makan hukum dia mudaratkan orang. Benda yang kotor kita bagi makan orang... najis... tidak dibenarkan oleh syarak lah... Tak boleh. Makruh ataupun kalau mudaratkan ia jadi haram lah. Boleh jadi berlaku jatuh begitulah | Dilarang; makruh, jika memudaratkan jadi haram |

| | | |
|---|---|---|
| | Nahyun makruh bukan nahyun tahrim | makruh |
| | Sad dhari'ah yang orang kata Rasulullah melarang begitulah | Sad dhara'i |
| | Zuruf tu... yang ketiga tu zuruf. Macam sekarang ni, ada ulamak kata kalau dia makan macam tadi saya cakap, kalau dia beri makan darah untuk menguatkan tapi dia makan benda lain hok ni sikit je, boleh. Tapi kalau dalam Industri kita buat besar gitu, beri makan... memang pallet tu benda najis betul tak boleh lah. Walaupun dia takde apa... tak bau tak apa, tak boleh la gitu sebab untuk beri makan untuk orang... haa suasana gitu. Takde makanan lain ke? Tak boleh kita buat ke?<br><br>Makna dia boleh membawa kepada inilah macam sekarang ni virus-virus yang berlaku ni makan sikit takpelah kalau makan banyak mungkin pellet buruk tu yang najis-najis tu satu masa akan keluar virus yang lain. Kita tak tahu. Asalnya ok lah, haa itu kena cari *"innallaha toyyib yuhibbu toyyib"* | Situasi mempengaruhi penetapan hukum<br><br>Halang mudarat |
| | Dia kira najis je... tak kira mughallazah ke mutawasittah. Banyak yang makan tu yang bersih okay, jangan banyak yang najis | Tiada beza kategori najis |
| R4 | Cuma kalau boleh beri sedikit pandangan lah, ada satu hadis daripada Abu Daud tu kan *"naha rasulullah ala rukubaha"* unta tu, kita faham unta ni haiwan ternakan jadi penternak unta ni memang bagi benda yang haram, sebab tu Rasulullah naha tu. Tapi naha tu difahami oleh Imam Syafie, dan juga Imam Nawawi tu bimakna makruh. | Makruh |

| | | |
|---|---|---|
| R5 | Jadi, fatwa ni dia melihat dekat situ. Sebab tu dia terus tutup. Sebab tu dia ada sebut dekat sini Sad dhari'ah. Dia terus tutup jalan tu khususnya untuk industri-industrilah sebab diaorang buat secara komersial kan. | Haram<br><br>Sad dhara'i |
| R6 | Tak semestinya. Sama je, dalam kitab-kitab fiqh pun dia samakan je tak sebut beza | Tiada beza kategori najis |
| | Mudarat tu. Selain daripada tu maknanya mesti tidak memudaratkan bukan saja dia tu kita kata yelah apa ni tak kelihatan apa ni macam babi apa semua tu kan, tapi juga tidak memudaratkan terbukti dia tidak memudaratkan pengguna | Haram jika memudaratkan |

Menurut responden 1, sewajibnya para penternak peka berkaitan hukum. Mereka sewajarnya mengetahui apakah hokum memberikan haiwan ternakan mereka dengan makanan najis.

"penternak pula melihat lama sangat 7 hari tetapi bila nak pelihara... nak ternak dulu... tak bincang pasal hukum ni. Sepatutnya, penternak tu tak bagi lah yang jenis-jenis najis ni. Tapi dia nak cepat subur tu" (R1)
Secara dasarnya, memang terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama berkaitan hukum memberikan haiwan ternakan makan makanan najis.

> "Dalam hal tu ada pendapat-pendapat mazhab lah. Dalam mazhab Syafie dengan Maliki ia katakan memberi makanan daripada najis atau yang bercampur dengan najis kepada haiwan ternakan jadi mazhab ni dia mengharuskan lah. Itu Syafie dengan Maliki. Manakala, mazhab Hanafi ia mengharamkan dan mazhab Hambali pula dia hanya mengharuskan kalau sekiranya beri kepada binatang yang kita tak makan lah. Kalau diberi kepada binatang yang kita makan.. macam tadi... ikan tu, jadi hukumnya haram juga lah. Jadi tu maknanya dari segi perbuatan tu kan, Syafie dengan Maliki tadi

> mengharuskan, Hanafi haram tak boleh terus. Cuma Hambali tu kalau binatang tu tak dimakan ia diharuskan… kalau binatang yang dimakan haram jugak lah." (R2)

Menurut responden 3 dan 4, mereka lebih cenderung kepada pendapat muktamad mazhab Syafi'i iaitu hukum memberikan haiwan ternakan makan najis adalah makruh.

> "Nahyun makruh bukan nahyun tahrim" (R3)

> "Cuma kalau boleh beri sedikit pandangan lah, ada satu hadis daripada Abu Daud tu kan "naha rasulullah ala rukubaha" unta tu, kita faham unta ni haiwan ternakan jadi penternak unta ni memang bagi benda yang haram, sebab tu Rasulullah naha tu. Tapi naha tu difahami oleh Imam Syafie, dan juga Imam Nawawi tu bimakna makruh." (R4)

Namun begitu, responden 1, 2, dan 6 lebih cenderung untuk menyokong fatwa yang dikeluarkan di Malaysia iaitu mentarjihkan pendapat yang mengharamkan haiwan jallalah, maka haram penternak memberikan haiwan ternakan mereka makan najis.

> "Jadi segala-galanya makna sumber makan dia itulah. Jadi kalau sekiranya macam itu keadaannya, jadi makna kita lebih berpegang kepada tu lah mazhab Hambali tadi, mengatakan haram diberi makan makanan yang semacam tu." *(*R2)

Walaupun pada asasnya responden 3 mentarjihkan pendapat yang mengatakan makruh, namun situasi di Malaysia turut memberikan kesan kepada penjelasan hokum ini. Menurut beliau, jika dilihat kepada situasi dunia perniagaan, maka kecenderungan beliau untuk berpendapat bahawa hokum penternak memberikan ternakan mereka makan bahan najis adalah haram.

> "Zuruf tu… yang ketiga tu zuruf. Macam sekarang ni, ada ulamak kata kalau dia makan macam tadi saya cakap, kalau dia beri makan darah untuk menguatkan tapi dia

> makan benda lain hok ni sikit je, boleh. Tapi kalau dalam Industri kita buat besar gitu, beri makan... memang pallet tu benda najis betul tak boleh lah. Walaupun dia takde apa... tak bau tak apa, tak boleh la gitu sebab untuk beri makan untuk orang... haa suasana gitu.
>
> Takde makanan lain ke? Tak boleh kita buat ke?" (R3)

Responden 1 mengukuhkan lagi justifikasi tersebut dengan merujuk kepada kaedah fiqh "Jika sesuatu situasi menjadi luas, maka hokum perlu diperketatkan (iza ittasa'a dhaqa)

> "Ya dan lagipun 'iza dhaqat ittasa'at iza ittasa'a dhaqa' ini kena bergantung kepada keadaan uruf tu. Kalau kita terus perluaskan saja kacau nanti. Sebab kalau kita ada sebab tersempit sepatutnya penternakpenternak Islam ni jangan ambil mudah" (R1)

Selanjutnya para responden berpendapat bahawa najis yang dilarang daripada diberikan kepada haiwan ternakan mencakupi semua jenis najis iaitu najis mutawassitah dan mughallazah, tanpa dibezakan antara kategori najis tersebut.

> "Tak ada dibezakan lah... asalkan dia tu najis sama ada dia najis *mughallazah* atau najis apapun kita kata haram walaupun najis *mutawassita*h. Kalau kita pelihara kandang kambing ke... di bawah tu pelihara ikan pula misalnya... biasanya babi..." (R2)

> "Dia kira najis je... tak kira *mughallazah* ke *mutawasittah*. Banyak yang makan tu yang bersih okay, jangan banyak yang najis" (R3)

> "Tak semestinya. Sama je, dalam kitab-kitab fiqh pun dia samakan je tak sebut beza" (R6)

Mungkin timbul persoalan, hukum halal haram hanya dipertanggungjawabkan ke atas individu mukallaf sahaja. Sedangkan haiwan tidak tertakluk kepada makanan halal atau haram. Oleh itu kenapa diharamkan haiwan makan najis? Para responden

memberikan penjelasan berkaitan isu ini. Walaupun haiwan tidak tertakluk kepada halal haram, namun apabila haiwan itu hendak dimakan oleh orang mukallaf, maka ada hokum yang perlu dipatuhi. Apabila dinyatakan bahawa haiwan yang makan najis atau diberi makan najis iaitu yang diistilahkan sebagai haiwan jallalah, haram dimakan sekiranya tidak dikuarantin, maka ia memberikan kesan hukum yang lain iaitu penternak haram memberikan haiwan ternakan mereka makan najis.

> "Ha jadi walau macamanapun, walaupun dia tidak taklif, kerana nak bagi makan kepada yang mukallaf ni, itu nak jaga tu tadi" (R1)

> "Itu cerita lain la no. Cerita memberi. Sebenarnya kita kalau orang nak membuat kebaikan tu, dia kena buat suatu yang baik lah... tapi kalau kotor bagi makan pula dekat orang... macam racun tadi tulah. Macam racun tadi terus bagi makan hukum dia mudaratkan orang. Benda yang kotor kita bagi makan orang... najis... tidak dibenarkan oleh syarak lah... Tak boleh. Makruh ataupun kalau mudaratkan ia jadi haram lah. Boleh jadi berlaku jatuh begitulah" (R3)

Selanjutnya para responden menjelaskan hujah pengharaman tersebut. Majoriti responden berhujah dengan dalil sad dhari'ah sebagai asas pengharaman tersebut. "...pun selalu guna Sad dhari'ah. Sad dhari'ah ini jangan lupa benda yang harus sekalipun boleh jadi haram sebab *Sad dhari'ah*. Tapi ada juga fathu dhari'ah. Jadi, Fathu dhari'ah ni ada juga masuk. Ada juga masa-masanya.

> Banyak kita guna sad dhari'ah lah sebab kesan mudarat tu *mafsadah* nya lebih tinggi daripada maslahah. Jadi kalau longgar-longgar kan masyarakat yang terima kesan makanan ni" (R1)

> "Sad dhari'ah yang orang kata Rasulullah melarang begitulah" (R3)

> "Jadi, fatwa ni dia melihat dekat situ. Sebab tu dia terus tutup. Sebab tu dia ada sebut

dekat sini Sad dhari'ah. Dia terus tutup jalan tu khususnya untuk industri-industrilah sebab diaorang buat secara komersial kan" (R6)

"Betul, sebab benda-benda yang halal banyak lagi. Dan ini sekaligus kita bincang apa yang ada. Tapi sekaligus mengajar kita bahawa kenapa penternak-penternak Islam ni tidak diperbanyakkan. Yang sekarang ni duk jadi isunya pasal banyak orang kafir yang duk ternak ni" (R1)

Antara punca *sad dhari'ah* ini dijadikan hujah untuk mengharamkan penternak memberikan haiwan ternakan mereka makan najis ialah kemudaratan yang boleh berlaku terhadap keselamatan individu yang makan daging haiwan jallalah yang tercemar dengan najis.

"Makna dia boleh membawa kepada inilah macam sekarang ni virus-virus yang berlaku ni makan sikit takpelah kalau makan banyak mungkin pellet buruk tu yang najis-najis tu satu masa akan keluar virus yang lain. Kita tak tahu. Asalnya ok lah, haa itu kena cari *"innallaha toyyib yuhibbu toyyib"* (R3)

"Mudarat tu. Selain daripada tu maknanya mesti tidak memudaratkan bukan saja dia tu kita kata yelah apa ni tak kelihatan apa ni macam babi apa semua tu kan, tapi juga tidak memudaratkan terbukti dia tidak memudaratkan pengguna" (R6)

Dapatan dalam jadual 3.3 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 4:"Adakah haram hukumnya, penternak dengan sengaja memberikan ikan ternakan makan makanan daripada najis kategori najis *mughallazah* (spt perut babi) atau makanan ikan yang dicampur dengan najis *mughallazah*? Apakah dalil Syarak yang menjelaskan hukum tersebut?

Jadual 3.3: Dapatan temubual Soalan 4

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R1 | Dua-duanya najis kalau dah diberi tu… sama ada mughalazzah ke tidak mughalazzah ke… dua duanya najis. Tapi kalau kita tengok, kalau pokok tidak pula. Air kencing babi ke… air kencing anjing ke… kalau kita jirus di pokok tu… kerana pokok itu sendiri dah ada penapis. Jadi yang kita makan sawi tu… tak mengapa pula… pasal dia sudah melalui proses. Jadi ikan ni pun… sama ada mughalazzah, tidak mughalazzah kalau biasa pun dah masuk dalam perut najis | Semua jenis najis jadi haram |
| R2 | Jadi, makna binatang yang sentiasa makannya najis, jadi dah tentulah dia akan membiakkan kuman-kuman apa semua tu pastu kita pula makan. Haa jadi, kemungkinan tidak-tidak pun cacing babi tu mungkin ada dalam perut kita. Jadi itu kita mengambil mazhab Hambali pada binatang yang dimakan tu haram kita berikan makanan yang najis | Mudarat |
| R6 | So, sekarang ni hasrat daripada penternak, kajian kita nanti bila kita mengeluarkan satu keputusan, penternak akan mengambil pendekatan kita bagi. So kalau contoh kita katakan keharusan untuk memberi makan, so masyarakat dulu, kalau kita tengok satu ketika dulu, ikan patin daripada Ipoh… katanya dah sampai polimek yang diberi makan babi dan sebagainya. Haaa tu satu yang saya rasa yang mughallazoh ni satu, yang keduanya mutawasittah… perut ayam, lebih-lebihan sembelihan… perut lembu dan sebagainya. So, ada dua faktor yang kita kena lihat. Yang bagi makan perut ikan, perut ayam sebagainya atau lebihan nasi di asrama dan sebagainya dengan keseluruhan daripada bahan ni. So, pengusaha | Haram<br><br>Sad dhara'i |

| | | |
|---|---|---|
| | nanti dia akan melihat jua apa yang kita cadang. Andai katalah yang mughallazah pun hanya makruh je contoh kan. Haa kesempatan nanti akan diambil siapa? Pengusahapengusaha yang besar, saya rasa pengusaha muslim kita tak tergamak nak bagi makan ni. Haa so, mungkin kita boleh kata hukum beri makan dari bahan yang bernajis, makna najis tadi mughallazah dan mutawasittah. Kemudian, hukum kita menternak di tempat yang kotor. Maknanya memang... di atas kolam ternakan ada tempat sembelihan... tempat najis...najis tu masuk ke dalam kolam. Jadi Dato' Seri ada sebut tadi, Dr pun ada sebut, Prof pun ada sebut, jadi sebenarnya ada satu perkara yang akan memberikan harapan baru kepada pengusaha. Saya rasa yang muslim saya rasa kita tak bermasalah tapi berhati-hati. Tapi yang non-muslim ni bila Fatwa Kebangsaan kata haram, so diaorang macam yang Ipoh tu lah makna dia pun stop terus | |

Berdasarkan jadual 3.3 yang menjelaskan dapatan bagi soalan 4, para responden menjelaskan bahawa tiada perbezaan antara jenis najis yang haram dijadikan makanan ternakan, sama ada najis mutawassitah atau mughallazah. Bahkan pengharaman pemberian najis mughallazah khususnya bahan kotoran berasaskan babi adalah lebih berat berbanding najis yang lain. Hujah pengharaman dilihat konsisten dengan dapatan soalan 3 iaitu *sad dhari'ah* dan mudarat, bahkan mudarat berkaitan bahan kotoran berasaskan babi adalah lebih berbanding dengan najis lain.

Dapatan dalam jadual 3.4 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 6: "Terdapat industri yang menghasilkan makanan ikan iaitu ulat yang terhasil dari bangkai-bangkai ayam/babi. Begitu juga ulat yang dihasilkan dengan menggunakan medium seperti sisa daripada industri penternakan, sisa domestik, sisa makanan terbuang daripada restoran, sisa daripada

supermarket/pasar. Persoalannya, apakah hukum penternak dengan sengaja memberikan ikan ternakan makan ulat tersebut atau makanan ikan yang diproses daripada ulat tersebut? Apakah dalil Syarak yang menjelaskan hukum tersebut?"

Jadual 3.4: Dapatan temubual soalan 6

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R1 | Itu dia dah masuk dalam istihalah | Istihalah |
| R2 | kadang-kadang ada juga ikan mendapat ulat-ulat... apa semua tu dan ayam-ayam pun ada juga... yang yelah... dia jumpa bangkai misalannya berulat dia makan juga. Haa jadi, dari segi tu tadi kalau sekiranya kita anggap macam benda tu dah bertukar lah menjadi makanan yang tak ada lagi lah nampak ulat apa semua tu. Jadi, itu kita bezakan lah maknanya ini yang betul-betul kita beri dia tahi hari-hari, berak dekat situ apa ke, ikan makan situ haa itu yang kita kata tak boleh la tadi tu... kalau sentiasa macam tu. Tapi ikan tu kadang-kadang dia dapat juga benda-benda macam tu haaa jadi yang itu ia bukannya direct najis kita bagikan tapi benda dah berubah daripada bentuk yang lain lah. Jadi tu makna kita kata boleh lah | Dibenarkan kerana sudah berlaku istihalah |
| R3 | Feqah ni dia ada banyak yang baik, banyak yang bersih, banyak yang kotor. Jadi dia ada beza di situ. Jadi kalau sikit saja takde apa. Haa gitu asasnya gitu ulamak. Kalau kita nak buat satu industri untuk perniagaan... kita tak benarkanlah | Tidak dibenarkan |
| | Macam buangan bahan-bahan makanan buangan daripada restoran. Banyakkan? Macam-macamlah campur. Kalau dia buat benda yang asasnya, asalnya tidaklah najis kemudian campur ni boleh lah | Campuran sedikit kotoran domestik dibenarkan |

| | | |
|---|---|---|
| R4 | orang-orang kampung bela bela ayam habishabis gitu lah. Sekarang ni apabila sebut kilang yang keluar production.. dia main ribuan tan baru dia boleh cover gaji pekerja, air api apa semua. Saya pun tak faham juga, yelah macam asrama kita rasa banyak.. tapi habis dengan orang keliling kelalang asrama je lah. Walaupun kita kadang banyaknya membazir kan? Sebenarnya tidak membazir. Jadi kita bila sebut production ini jangan kita membayangkan benda kita di asrama saya ingat tak mampu nak buang asrama yang memenuhi keluarkan produk ni tak boleh | Campuran sedikit kotoran domestik dibenarkan |
| | Saya ada seorang kawan, buka kilang pallet ni, kalau semua barang halal, dia cakap memang tak boleh jual, kosnya terlalu tinggi. Ada kilang dekat segamat dekat dengan MPOB, sebelah tu ada kilang dia. Jadi, terpaksa cari bahan buangan yang tidak ada harga... baru kita boleh jual. Sebab kos mesin, kos gaji pekerja apa semua benda tu. Lepas tu, persaingan pula tinggi daripada cina punya produk | Keperluan ekonomi |
| R6 | Kita cendrung kepada untuk mengharuskan sebab dia bukannya directly, dia dah diproses mungkin dah ada bahan kimia, dah ada campuran-campuran yang lain haaa dan mungkin dari sudut effect dia, dari sudut saintifik pun mungkin berbeza dengan directly yang dia ambil daripada bangkai najis apa semua tu. Bahkan dalam majmuk pun Imam Nawawi dia kata kalau tepung tu kan yang diadun dengan air najis tu kemudian jadi roti diberi makan kepada binatang... harus hukum dia. Jadi, kita cenderung untuk pegang dengan pandangan haruslah. Tapi itu lebih jugak kepada pandangan kita di peringkat kita yang tidak rasmilah. Ana baru terfikir pula isu tu sebab tak berbangkit dalam fatwa kita. Fatwa kita ni, tahun 1981 dah ada fatwa tu tentang masalah baja semua tu. Jadi seolah-olah dia macam overide pula fatwa tahun 2006 tu. Makna dia nak kawal sangat industri tu sampai fatwa yang tahun 1981 yang kata boleh tu macam dah tak wujud | Makanan haiwan dicampur bahan najis, tidak haram |

Menurut para responden 1,2,4, dan 6, hukum penternak dengan sengaja memberikan ikan ternakan makan ulat yang terhasil daripada bangkai atau sisa buangan domestik atau makanan ikan yang diproses daripada ulat tersebut adalah diharuskan kerana proses istihalah telah berlaku.

> "Itu dia dah masuk dalam istihalah" (R1)

> "dari segi tu tadi kalau sekiranya kita anggap macam benda tu dah bertukar lah menjadi makanan yang tak ada lagi lah nampak ulat apa semua tu" (R2)

> "Kita cendrung kepada untuk mengharuskan sebab dia bukannya directly, dia dah diproses mungkin dah ada bahan kimia, dah ada campuran-campuran yang lain haaa dan mungkin dari sudut effect dia, dari sudut saintifik pun mungkin berbeza dengan directly yang dia ambil daripada bangkai najis apa semua tu" (R6)

Justifikasi pendirian mereka ini merujuk kepada alasan bahawa ulat yang terhasil itu atau makanan haiwan yang dihasilkan berdasarkan campuran ulat itu berbeza dengan najis 'aini yang diberikan kepada haiwan ternakan. Sebagaimana dapatan bagi soalan 3 dan 4, di mana majoriti responden bersetuju dengan fatwa yang telah dikeluarkan bahawa penternak diharamkan memberikan haiwan ternakan makan najis.

> "kadang-kadang ada juga ikan mendapat ulat-ulat... apa semua tu dan ayam-ayam pun ada juga... yang yelah... dia jumpa bangkai misalannya berulat dia makan juga. Haa jadi, dari segi tu tadi kalau sekiranya kita anggap macam benda tu dah bertukar lah menjadi makanan yang tak ada lagi lah nampak ulat apa semua tu. Jadi, itu kita bezakan lah maknanya ini yang betul-betul kita beri dia tahi hari-hari, berak dekat situ apa ke, ikan makan situ haa itu yang kita kata tak boleh la tadi tu... kalau sentiasa macam tu. Tapi ikan tu kadang-kadang dia dapat juga benda-benda macam tu haaa jadi yang itu ia bukannya direct najis

> kita bagikan tapi benda dah berubah daripada bentuk yang lain lah. Jadi tu makna kita kata boleh lah" (R2)

> "Macam buangan bahan-bahan makanan buangan daripada restoran. Banyakkan? Macam-macamlah campur. Kalau dia buat benda yang asasnya, asalnya tidaklah najis kemudian campur ni boleh lah" (R3)

Namun begitu, menurut responden 3, walaupun secara asasnya, bagi kes ini, tidak menjadi kesalahan penternak memberikan haiwan ternakan mereka makan ulat tersebut atau makanan haiwan yang dicampur dengan ulat itu, namun jika ia melibatkan dunia perniagaan yang melihat elemen keuntungan melebihi segalanya, tindakan industri pembuatan makanan haiwan yang mencampurkan bahan najis dalam makanan haiwan perlu dilarang atas asas sad dhari'ah.

> "Feqah ni dia ada banyak yang baik, banyak yang bersih, banyak yang kotor. Jadi dia ada beza di situ. Jadi kalau sikit saja takde apa. Haa gitu asasnya gitu ulamak. Kalau kita nak buat satu industri untuk perniagaan... kita tak benarkanlah" (R3)

Pendirian responden 3 ini dilihat agak berbeza dengan pendirian responden 4. Responden 4 berhujah bahawa kita perlu melihat kepada keperluan pengusaha makanan haiwan. Jika makanan haiwan yang hendak dihasilkan perlu dipastikan seratus peratus menggunakan bahan suci daripada elemen najis, termasuk tidak boleh dicampurkan dengan sisa buangan domestik dan bahan yang terhasil daripada sisa tersebut, maka pengusaha akan berhadapan dengan kos yang tinggi.

> "orang-orang kampung bela bela ayam habis-habis gitu lah. Sekarang ni apabila sebut kilang yang keluar production.. dia main ribuan tan baru dia boleh cover gaji pekerja, air api apa semua. Saya pun tak faham juga, yelah macam asrama kita rasa banyak.. tapi habis dengan orang keliling kelalang asrama je lah. Walaupun kita kadang banyaknya membazir kan? Sebenarnya tidak membazir. Jadi kita bila

sebut production ini jangan kita membayangkan benda kita di asrama saya ingat tak mampu nak buang asrama yang memenuhi keluarkan produk ni tak boleh" (R4)

"Saya ada seorang kawan, buka kilang pallet ni, kalau semua barang halal, dia cakap memang tak boleh jual, kosnya terlalu tinggi. Ada kilang dekat segamat dekat dengan MPOB, sebelah tu ada kilang dia. Jadi, terpaksa cari bahan buangan yang tidak ada harga... baru kita boleh jual. Sebab kos mesin, kos gaji pekerja apa semua benda tu. Lepas tu, persaingan pula tinggi daripada cina punya produk" (R4)

Antara hujah pendapat yang mengharuskan penternak memberikan haiwan ternakan makan makanan yang bercampur bahan najis yang telah berlaku proses istihalah ialah pendapat Imam al-Nawawi.

"Bahkan dalam majmuk pun Imam Nawawi dia kata kalau tepung tu kan yang diadun dengan air najis tu kemudian jadi roti diberi makan kepada binatang... harus hukum dia. Jadi, kita cenderung untuk pegang dengan pandangan haruslah" (R6)

Di samping itu, reponden 6 mengemukakan hujah bahawa berdasarkan penjelasan hokum yang telah diputuskan dalam Muzakarah Fatwa Kebangsaan 1981, jenis makanan haiwan seumpama itu adalah harus.

"Ana baru terfikir pula isu tu sebab tak berbangkit dalam fatwa kita. Fatwa kita ni, tahun 1981 dah ada fatwa tu tentang masalah baja semua tu. Jadi seolah-olah dia macam overide pula fatwa tahun 2006 tu. Makna dia nak kawal sangat industri tu sampai fatwa yang tahun 1981 yang kata boleh tu macam dah tak wujud" (R6)

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke-2 yang bersidang pada 12-13 Mei 1981 membuat keputusan:

"Bahawa makanan ayam yang diproses daripada bahan-bahan

yang bercampur dengan najis seperti darah lembu, darah babi dan lain-lain adalah harus atau halal."

2) Kadar najis yang diberikan kepada haiwan ternakan

Dapatan dalam jadual 3.5 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 5: "Berapakah kadar kuantititi najis yang diberikan itu baru dilabel sebagai ikan jallalah? Sedikit atau banyak, adakah sama? Diberikan secara berterusan atau sekali sekala, adakah sama? Apakah dalil Syarak yang menjelaskan hukum tersebut?"

Jadual 3.5: Dapatan temubual soalan 5

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R1 | Berbeza pendapat tu, Syafi'e lain... Hanbali lain... Hanafi lain. Hanafi dia kena 100% yang najis baru haram. Syafi'e... mu'zom... sebahagian besar maknanya kalau di sungai yang luas ada ikan jogho... ikan jogho ni dia makan najis manusia... orang yang tinggal di rumah rakit dia buang air besar... tu makan. Tapi adakah sebahagian besar hidup dia tu bergantung kepada najis manusia tu? Tak... maknanya sebahagian besar dia makan lumut-lumut cacing ulat apa semua tu. Jadi bagi Hanafi kena 100%. Tapi Iman Syafi'e dan Hanbali.. mu'zom... sebahagian besar. Walaupun tak 100% kalau dah sebahagian besar tumbuhan, ikan itu bergantung kepada yang najis tu najis lah. | Kebanyakan makanan daripada najis |
| R2 | Aah secara berterusan dan juga kebanyakan. Kalau kebanyakan daripada makanan dia tu benda-benda yang najis pun kita makna kita haramkan jugalah. Makna kalau sekali dilemparkan itu mungkin kita tak ... | Kebanyakan makanan daripada najis |

| | | |
|---|---|---|
| R3 | Haza la yasmul hukum jallalah kalau dimakannya yang sedikit yang kotor macam ayam. Kita bagi makan lain kan kemudian seperti ayam tadi tu lah kita cerita pasal ayam kan dia makan macam-macam begitu juga ikan yang duduk dalam sungai macammacam makan… tapi asasnya bukan itu yang dia makan. Makna kalau dia banyak makan yang baik, hukum dia mubah. Kalau tidak… dia makruh… dia makan sedikit yang ni banyak yang baik dan tidak dipanggil jallalalah. Kemudian, dan kalau begitu dia tidak makruh | Kebanyakan makanan daripada najis |
| | *Dawajin* itu ayam yang dipelihara diberi darah untuk menguatkan, dia kata waktu benda-benda gitulah dia beri untuk apa? Dia cepat besar dan sebagainya… tapi dia makan benda lain yang banyak | Sedikit najis tidak memberi kesan |
| | Sebab kita tengok ayam je, dia makan sebenarnya makan padi, makan beras tapi makan makanan yang najis ni sikit-sikit, haa itu takpe. Makna kalau industri tu nak buat, kalau boleh bersih semua. Yang kata tak boleh kenapa? Kos? Kos ni bukan sebab yang buat kos tu penternak tu ke? Kalau dia buat yang betul proses yang betul banyak | Industri ternakan, perlu pastikan semua makanan ternakan bersih |
| R6 | Haa kalau ikut fatwa dia begitulah. Dah dianggap sebagai melanggar hukumlah. Sebab dia macam paper fatwa ni lah. Dia lebih… Dia nak jaga kemaslahatan macam mana kita nak kawal penternak ni ataupun kita nak educate diorang ni supaya bagi makanan yang baik. Jangan yang najis, yang kotor apa semua kan. Dan jangan kerana dia nak minimize kan dia punya kos operasi, maka dia bagi saja benda-benda lebihanlebihan sisa apa semua tu. Tujuan fatwa kebangsaan | Tidak dibezakan<br><br>Jaga maslahah |

| | | |
|---|---|---|
| | tu ana tengok dia lebih ke situ. Yang keduanya dia nak mengelakkan daripada isu-isu kontroversi terutama yang berkait dengan babi | |
| | Tak diambil kira lah. Sebab tadi lah... demi nak menjaga kemaslahatan tu dia nak pergi ke situ terus sad dhara'i | Sad dhara'i |

Terdapat perbezaan hukum yang dipengaruhi oleh kadar najis yang dimakan oleh haiwan ternakan.

> "Berbeza pendapat tu, Syafi'e lain... Hanbali lain... Hanafi lain. Hanafi dia kena 100% yang najis baru haram. Syafi'e... mu'zom... sebahagian besar maknanya kalau di sungai yang luas ada ikan jogho... ikan jogho ni dia makan najis manusia... orang yang tinggal di rumah rakit dia buang air besar... tu makan. Tapi adakah sebahagian besar hidup dia tu bergantung kepada najis manusia tu? Tak... maknanya sebahagian besar dia makan lumut-lumut cacing ulat apa semua tu. Jadi bagi Hanafi kena 100%. Tapi Iman Syafi'e dan Hanbali.. mu'zom... sebahagian besar. Walaupun tak 100% kalau dah sebahagian besar tumbuhan, ikan itu bergantung kepada yang najis tu najis lah." (R1)

Menurut sebilangan responden, mereka lebih cenderung kepada pendapat ulama mazhab Syafi'I yang mendefiniskan maksud jallalah merujuk kepada haiwan yang sebahagian besar makanannya adalah daripada najis. Oleh itu, jika sebahagian besar makanan yang diberikan oleh penternak kepada haiwan ternakannya daripada najis, maka hukumnya adalah haram.

> "Aah secara berterusan dan juga kebanyakan. Kalau kebanyakan daripada makanan dia tu benda-benda yang najis pun kita makna kita haramkan jugalah. Makna kalau sekali dilemparkan itu mungkin kita tak ..." (R2)

Namun jika makanan haiwan itu bercampur antara najis dan

makanan bersih yang lain, tetapi najis itu hanya sedikit dan sekali sekala diberikan kepada haiwan tersebut, maka haiwan itu tidak dianggap sebagai jallalah yang haram dimakan.

> "Haza la yasmul hukum jallalah kalau dimakannya yang sedikit yang kotor macam ayam. Kita bagi makan lain kan kemudian seperti ayam tadi tu lah kita cerita pasal ayam kan dia makan macam-macam begitu juga ikan yang duduk dalam sungai macam-macam makan... tapi asasnya bukan itu yang dia makan. Makna kalau dia banyak makan yang baik, hukum dia mubah. Kalau tidak... dia makruh... dia makan sedikit yang ni banyak yang baik dan tidak dipanggil jallalalah. Kemudian, dan kalau begitu dia tidak makruh" (R3)

> "Dawajin itu ayam yang dipelihara diberi darah untuk menguatkan, dia kata waktu benda-benda gitulah dia beri untuk apa? Dia cepat besar dan sebagainya... tapi dia makan benda lain yang banyak" (R3)

Walaupun responden 3 lebih cenderung kepada pendapat muktamad ulama Syafi'iyah yang berpendapat bahawa jika kebanyakan makanan haiwan daripada najis maka hukumnya makruh makan haiwan itu, namun beliau berpendapat dalam dunia perniagaan sekarang, ruang ketidakpatuhan perlu dihalang di peringkat awal. Pengusaha makanan haiwan sewajarnya tidak dibenarkan untuk menghasilkan makanan haiwan yang bercampur najis walau sedikit dan penternak perlu dihalang daripada memberikan haiwan ternakannya makan daripada najis.

> "Sebab kita tengok ayam je, dia makan sebenarnya makan padi, makan beras tapi makan makanan yang najis ni sikit-sikit, haa itu takpe. Makna kalau industri tu nak buat, kalau boleh bersih semua. Yang kata tak boleh kenapa? Kos? Kos ni bukan sebab yang buat kos tu penternak tu ke?
>
> Kalau dia buat yang betul proses yang betul banyak" (R3)

Menurut responden 6, fatwa yang ditetapkan di Malaysia berkaitan

haiwan jallalah menghalang penternak daripada beri walau sekali sekala haiwan ternakan makan najis sebagai sad dhari'ah untuk menjaga maslahah pengguna dan agar penternak tidak sewenang-wenangnya mengambil kesempatan untuk mengaut keuntungan

> "Haa kalau ikut fatwa dia begitulah. Dah dianggap sebagai melanggar hukumlah. Sebab dia macam paper fatwa ni lah. Dia lebih... Dia nak jaga kemaslahatan macam mana kita nak kawal penternak ni ataupun kita nak educate diorang ni supaya bagi makanan yang baik. Jangan yang najis, yang kotor apa semua kan. Dan jangan kerana dia nak minimize kan dia punya kos operasi, maka dia bagi saja benda-benda lebihan-lebihan sisa apa semua tu. Tujuan fatwa kebangsaan tu ana tengok dia lebih ke situ. Yang keduanya dia nak mengelakkan daripada isu-isu kontroversi terutama yang berkait dengan babi" (R6)

> "Tak diambil kira lah. Sebab tadi lah... demi nak menjaga kemaslahatan tu dia nak pergi ke situ terus sad dhara'i" (R6)

3) Hukum pengguna mengambil manfaat daripada haiwan jallalah

Dapatan dalam jadual 3.6 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 2: "Adakah haram makan ikan yang diternak di dalam kolam yang dicemari oleh air najis? Apakah dalil Syarak yang menjelaskan hukum tersebut?"

Jadual 3.6: Dapatan temubual soalan 2

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R1 | Sebab *"ma rattabu alaih"* kaedahnya *"arridhâ bi asy-syai' redha ma tarattabu alaih"* kalau kita dah redha dengan sesuatu maka redhalah yang berikutnya. Sekarang kita redha benda tu najis, maka kita ternak dalam najis tu pun maknanya effect daripada tu yang kita duk hallalan toyyiba tu bukan saja halal tapi tayyib. Jadi kalau duk ternak dalam tu, hilang ketayyiban dia tu | Haram<br><br>Tidak tayyib |

| | | |
|---|---|---|
| | Ada yang berpendapat makruh li tanzih. Dia beradab saja tu, dia tak mahu kata haram, tapi dia walaupun bunyi dia makruh, tapi karahatul li tanzih maknanya dia cermat, bahasa dia tu makruh yang hampir haram.<br><br>Macam tak mahu kata kafir... tapi al kufrun duna kufrin... sebenarnya dia takut nanti kata kafir orang ni belum kafir... baik kata kufrun duna kufrin. Ini ulama bahasa dia... bahasa santun. Kalau dia kata *karahatu li tanzih* itu sebenarnya haram tu | Makruh bermaksud haram |
| | Yang ni kita duk melihat yang kata haram najis apa semua ni kerana dia memberi kesan kepada daging tu. Makanan tu kan mempengaruhi pertumbuhan daging tu | Beri kesan kepada daging |
| | Sama... sebab kita tak mahu dia memberi kesan kepada daging tu dan akan memberi kesan kepada manusia sebab kan susu apa semua tu kan, kita makan yang haram je padahal susu tu susu lembu tapi kerana memperolehi tu cara haram pun masuk neraka...aula. Daging yang tumbuh daripada yang haram maka layak ditempatkan dalam neraka padahal susu tu susu lembu tetapi susu lembu yang dicuri tapi kalau kita tengok dari segi akhlak. Ini bukan hukum ye, dari segi akhlak. Imam Syafi'e minum susu yang dia perah daripada kambing dia sendiri, mak dia perah beri dia minum susu tapi masa dia menghafal al- Quran terlupa. Maka, kata Waqi'.. gurunya.. *syakautu ila Waqi' bi sui hifzi*... aku mengadu hal kepada Waqi'... tok guru aku, aku ni ada lemah sedikit menghafaz. Maka, dia pun berkata *Fa arsyadani ila tarki al ma'ashi*.. mu kena tinggalkan maksiat. Jadi, apa maksiat... dia budak lagi umur baru 7 tahun. | Kesan makanan |

| | | |
|---|---|---|
| | Tanya ibu, ibu kata aku pun tak tahu kau maksiat apa. Siasat-siasat… rupanya kambing tu dah pergi makan daun tanaman orang. Daun-daun yang dalam tanaman orang, orang tu rasa kecik hati dan beri effect kepada Imam Syafi'e… maknanya dari segi akhlak ada kesan… kalau pun tak ada dari segi Feqah tu | Kesan makanan kepada akhlak |
| | Haa, sebab tu saya sebut tadi waqi'. Kita tengok pada nusus tapi waqi' nya macamana tapi kita tak boleh lah untuk fatwa keseluruhan | Fiqh waqi' |
| | Tak ada soal lah. Kembali kepada *"Al-Ashlu Fil Asyyaa-i al-Ibaahah"* tapi dia tak boleh buat pekak telinga. Dia kena sensitif | Pengguna perlu sensitif |
| | Maknanya semua setuju bahawa pemakanan ini ada kesan kepada fizikal, ada kesan kepada mental, ada kesan kepada akhlak.<br>Yang beratnya akhlak ni lah | Kesan pemakanan kepada akhlak |
| R2 | Itulah yang sebab kita ayat-ayat pun banyak yang menyeru kepada kita supaya mencari benda-benda yang halal ni kan. Ada disebut dalam al-Quran tu *"yuhillu lahum altoyyibat wa yuharrimu 'alayhim alkhoba'is"* jadi maknanya kita mencari benda-benda yang baik dan halal tu dikehendakilah dalam agama kita ni dan ada ayat lagi tu "ya ayuhannas kulu mimma fil ardhi halalan toyyiba" macam tu juga jadi dalam perintah yang macam tu maknanya kita wajib untuk memastikan makanan kita tu daripada sejak dipelihara sehinggalah kita hendak menggunakannya pastikan dia tu dalam keadaan halalan toyyiba tu lah. Tambah pula kalau sekiranya makanan tu sentiasa makan najis, hadis pun dah ada menegah daripada naha *Rasulullah ani jallalah* jadi itulah kiranya dalil yang | Wajib makan halal dan tayyib |

| | | |
|---|---|---|
| | memerintah supaya mencari benda-benda yang baik dan halal ni memang boleh kita dapat secara umum daripada al-Quran dan secara khususnya daripada hadis nabi itu sendiri. Jadi kita kena elakkan lah daripada awal kita kalau kita sendiri memeliharanya lepas tu kita pula nak memberi kepada orang lain pula… kita nak jual… nak apa semua… haa jadi itu tanggungjawab kita lah untuk memastikan benda tu halalan toyyiba tadi. | |
| R3 | Imam Nawawi menyebut dalam mazhab syafie ni ikan ke binatang ke dia berbau. Itu *"illah"* dia besar. Kalau duduk pada air najis tak berbau tak apa. | Makruh jika berbau busuk |
| | Ikan ni duduk di dalam air yang masin tapi dia tak masin | Tidak beri kesan kepada daging |
| | Sekarang ni kalau kita tengok aaaa… nak mendapatkan sijil halal tu mesti ada syarat-syarat dia. Tak boleh bagi bagi macamtu je. Dia tak akan bagi halal lah… sijil halal tu. Dia kembali kepada SOP halal tu, dia tak akan bagi sebab dia boleh bawa macammacam yang akan datang | Tidak boleh beri sijil halal |
| R6 | Dalil yang lain kita pegang dalil umum jelah. Dalil yang apa ni *"Kulu mimma fil ardhi halalan toyyiban"* maknanya kita kata kita bukan sekadar nak halal tapi tayyiba baiklah dari sudut proses lah sama macam yang pihak halal sekarang ni lah. Jadi proses nak pergi ke makanan tu sampai dia nak jadi satu produk pun kita nak pastikan takde benda-benda yang kotor | Wajib makan halal dan tayyib |

Responden 1 menjelaskan bahawa walaupun ada dalam kalangan ulama yang berpendapat bahawa haiwan jallalah makruh dimakan, namun makruh yang dimaksudkan adalah lebih dekat kepada haram.

> "Ada yang berpendapat makruh li tanzih. Dia beradab saja tu, dia tak mahu kata haram, tapi dia walaupun bunyi dia makruh, tapi karahatul li tanzih maknanya dia cermat, bahasa dia tu makruh yang hampir haram.
>
> Macam tak mahu kata kafir... tapi al kufrun duna kufrin... sebenarnya dia takut nanti kata kafir orang ni belum kafir... baik kata kufrun duna kufrin. Ini ulama bahasa dia... bahasa santun. Kalau dia kata karahatu li tanzih itu sebenarnya haram tu" (R1)

Responden 1 turut berhujah, walaupun pendapat muktamad mazhab Syafi'I mengatakan bahawa makruh makan daging haiwan jallalah, dan fatwa di Malaysia secara asasnya merujuk kepada pendapat muktamad mazhab Syafi'I, namun setiap fatwa yang mahu dikeluarkan perlu juga merujuk kepada situasi (waqi') semasa dan setempat.

> "Haa, sebab tu saya sebut tadi waqi'. Kita tengok pada nusus tapi waqi' nya macamana tapi kita tak boleh lah untuk fatwa keseluruhan" (R1) Pengguna diharamkan daripada makan daging haiwan jallalah kerana tanggungjawab manusia perlu memastikan makanan yang dimakan adalah halal dan tayyib. Haiwan jallalah adalah termasuk dalam kategori makanan yang tidak tayyib.
>
> "...yang kita duk hallalan toyyiba tu bukan saja halal tapi tayyib. Jadi kalau duk ternak dalam tu, hilang ketayyiban dia tu..."(R1)
>
> "Itulah yang sebab kita ayat-ayat pun banyak yang menyeru kepada kita supaya mencari benda-benda yang halal ni kan. Ada disebut dalam al-Quran tu *"yuhillu lahum al-toyyibat wa yuharrimu 'alayhim al-khoba'is"* jadi maknanya kita mencari benda-benda yang baik

dan halal tu dikehendakilah dalam agama kita ni dan ada ayat lagi tu "*ya ayuhannas kulu mimma fil ardhi halalan toyyiba*" macam tu juga jadi dalam perintah yang macam tu maknanya kita wajib untuk memastikan makanan kita tu daripada sejak dipelihara sehinggalah kita hendak menggunakannya pastikan dia tu dalam keadaan halalan toyyiba tu lah. Tambah pula kalau sekiranya makanan tu sentiasa makan najis, hadis pun dah ada menegah daripada *naha Rasulullah ani jallalah* jadi itulah kiranya dalil yang memerintah supaya mencari benda-benda yang baik dan halal ni memang boleh kita dapat secara umum daripada al-Quran dan secara khususnya daripada hadis nabi itu sendiri. Jadi kita kena elakkan lah daripada awal kita kalau kita sendiri memeliharanya lepas tu kita pula nak memberi kepada orang lain pula... kita nak jual... nak apa semua... haa jadi itu tanggungjawab kita lah untuk memastikan benda tu halalan toyyiba tadi." (R2)

"Dalil yang lain kita pegang dalil umum jelah. Dalil yang apa ni "*Kulu mimma fil ardhi halalan toyyiban*" maknanya kita kata kita bukan sekadar nak halal tapi tayyiba baiklah dari sudut proses lah sama macam yang pihak halal sekarang ni lah. Jadi proses nak pergi ke makanan tu sampai dia nak jadi satu produk pun kita nak pastikan takde benda-benda yang kotor" (R6)

Haiwan jallalah dianggap tidak tayyib kerana najis mempengaruhi daging haiwan *jallalah* yang dimakan. "Yang ni kita duk melihat yang kata haram najis apa semua ni kerana dia memberi kesan kepada daging tu. Makanan tu kan mempengaruhi pertumbuhan daging tu" (R1)

Responden 1 menghubungkan hukum makan haiwan jallalah dengan minum susu lembu yang dicuri. Walaupun susu itu halal kerana ia susu lembu, namun apabila lembu itu adalah lembu curi, maka orang yang minum susu itu telah melakukan yang haram. "Sama... sebab kita tak mahu dia memberi kesan kepada daging tu dan akan memberi kesan kepada manusia sebab kan susu apa semua

tu kan, kita makan yang haram je padahal susu tu susu lembu tapi kerana memperolehi tu cara haram pun masuk neraka...aula. Daging yang tumbuh daripada yang haram maka layak ditempatkan dalam neraka padahal susu tu susu lembu tetapi susu lembu yang dicuri" (R1)

Responden 1 selanjutnya berhujah bahawa makanan yang dimakan oleh manusia bukan hanya sekadar memberikan kesan zahir pada kesihatan tubuh badan, namun ia turut mempengaruhi akhlak. Makan makanan yang haram akan memberikan kesan negatif kepada akhlak manusia. Maka termasuk juga hokum makan haiwan jallalah yang makan najis, najis yang dimakan oleh haiwan itu juga turut boleh mempengaruhi akhlak manusia yang makan daging haiwan jallalah itu.

> "tapi kalau kita tengok dari segi akhlak. Ini bukan hukum ye, dari segi akhlak. Imam Syafi'e minum susu yang dia perah daripada kambing dia sendiri, mak dia perah beri dia minum susu tapi masa dia menghafal al-Quran terlupa. Maka, kata Waqi'..gurunya.. syakautu ila Waqi' bi sui hifzi... aku mengadu hal kepada Waqi'... tok guru aku, aku ni ada lemah sedikit menghafaz. Maka, dia pun berkata Fa arsyadani ila tarki al ma'ashi.. mu kena tinggalkan maksiat. Jadi, apa maksiat...dia budak lagi umur baru 7 tahun. Tanya ibu, ibu kata aku pun tak tahu kau maksiat apa.
>
> Siasat-siasat... rupanya kambing tu dah pergi makan daun tanaman orang. Daun-daun yang dalam tanaman orang, orang tu rasa kecik hati dan beri effect kepada Imam Syafi'e... maknanya dari segi akhlak ada kesan... kalau pun tak ada dari segi Feqah tu" (R1)
>
> "Maknanya semua setuju bahawa pemakanan ini ada kesan kepada fizikal, ada kesan kepada mental, ada kesan kepada akhlak. Yang beratnya akhlak ni lah" (R1)

Responden 3 yang lebih cenderung kepada pendapat muktamad mazhab Syaf'I menyatakan, haiwan jalllah makruh dimakan jika ia berbau busuk kesan daripada najis

yang dimakan. "Imam Nawawi menyebut dalam mazhab syafie ni ikan ke binatang ke dia berbau. Itu "illah" dia besar. Kalau duduk pada air najis tak berbau tak apa" (R3) Beliau berhujah bahawa "Ikan ni duduk di dalam air yang masin tapi dia tak masin" (R3). Namun begitu, beliau berpendirian, dalam soal pensijilan halal, haiwan jallalah tidak boleh diberikan sijil halal "Sekarang ni kalau kita tengok aaaa... nak mendapatkan sijil halal tu mesti ada syarat-syarat dia. Tak boleh bagi bagi macamtu je. Dia tak akan bagi halal lah... sijil halal tu. Dia kembali kepada SOP halal tu, dia tak akan bagi sebab dia boleh bawa macam-macam yang akan datang" (R3) Jika pengguna tidak dapat mengenalpasti, sama ada haiwan di pasaran yang hendak dibeli itu adakah ia haiwan jallalah atau tidak, ia kembali kepada hukum asal iaitu asal sesuatu itu adalah harus dan halal. Namun, pengguna perlu juga sensitif dalam soal haiwan jallalah ini. "Tak ada soal lah. Kembali kepada *"Al-Ashlu Fil Asyyaa-i al-Ibaahah"* tapi dia tak boleh buat pekak telinga. Dia kena sensitif" (R1)

4) Hukum berkaitan kuarantin

Dapatan dalam jadual 3.7 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 7: "Adakah ikan jallalah hukumnya haram dimakan secara mutlak, atau sekiranya ia dikuarantin harus dimakan?" 7a) Berapakah tempoh kuarantin ikan jallalah bagi memastikan ia halal dimakan? Apakah dalil Syarak yang menjelaskan hukum tersebut?

Jadual 3.7: Dapatan temubual soalan 7a

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R1 | Kita serahkan pada uruf dan bila nak serah kepada uruf, kita kena tanya pakar. Jadi kalau pakar kata 7 hari dah ok, ok lah. Sebab *Fas'alu Ahla dzikri "ahla"* tu. Jadi kalau keahlian, kepakaran tu... sebab itu kita tak menetapkan 7 hari ke 3 hari, kita serah kepada uruf. Apa maksud uruf? Maknanya keahlian lah yang boleh menentukan | Tempoh kuarantin ikut urf |

| | | |
|---|---|---|
| | Apabila pergi kepada ijtihadi... dia akan berbeza lah sebab benda ni zanni | Punca perbezaan |
| | Iyalah... sebab tafsirannya kalau tak dikuarantin, itu yang haram. Kalau sudah dikuarantin tidak haram lagi lah. Kembali kepada *"Al-Aslu fil asyyaa-i al-ibaahah"* | Wajib kuarantin |
| R2 | Iyelah dia ada pendapat-pendapat yang mengatakan mengikut kepada keadaan binatang itu sendirilah. Besar kecilnya binatang tu dan kata kalau macam unta misalnya kena kuarantin 40 hari, lembu kerbau pada 30 hari, kalau macam kambing 7 hari, ayam itik pula katanya dalam 3 hari. Jadi barangkali tempoh itulah barangkali proses najis tu yang ada dalam mengalir dalam tubuh badan dia tu boleh habis lah. Jadi kita kira kalau macam kambing barangkali 7 hari tu dah bersih lah badan dia tu. Jadi kalau ikan pun macam tu jugaklah. Jadi kita kuarantin sekurang-kurangnya 3 hari lah tapi kalau lebih, lebih baik lagi lah. | Wajib kuarantin sekurang-kurangnya 3 hari |
| | Bergantung kepada keadaan lah. Kalau sekiranya difikirkan 3 hari tu dah mencukupi untuk ikan tu jadi natural balik macam biasa jadi makna 3 hari tu pun dah cukup dah. Tapi kalau ada lagi bau misalnya kan kadang-kadang dia ada baunya juga tu kalau sentiasa makan najis. Jadi eloklah ditambah biar sampai hilang. Tapi sekurangkurangnya 3 hari tu biasa binatang yang kecil-kecil biasanya dia boleh hilang bau ke apa ke rasa ke. | Jika masih ada bau, perlu ditambah |

| | | |
|---|---|---|
| R3 | Makna lihat di sini dia berpegang kepada zat benda tu. Dia tidak terikat kepada masa… asal benda tu bersih… Dia nampaknya kepada zat yang kita nak kita makan daging tu. *Illah*nya kalau daging tu baik, bersih tak ada apa | Tidak tertakluk kepada tempoh tertentu |
| R6 | Walaupun kita kata hukumnya haram, tapi kalau dia melalui proses kuarantin sebab kita kata dia bukan *haram bi zat* haaa sebab dia *haram li ghairih* kerana dia diberi makan dengan benda-benda najis ataupun kotor tadi. Jadi, kita akan ikatkanlah sebab tu dalam jawapan-jawapan kita, semua kita akan kata kalau dia kuarantin kan dalam tempoh yang tertentu dan tempoh tu pun ada perbahasan dalam kalangan ulamak… maknanya ia boleh jadi harus balik | Tidak dihadkan tempoh |
| | kita boleh consider apa yang dicadangkan oleh Ulamak-ulamak Fiqh tu lah kalau haiwan dia besar 40 hari, lembu 30, kambing 7, ayam 3 aaaa kita boleh consider yang tu, tetapi kita boleh juga mengambil kira dapatan-dapatan saintifiklah Kalau didapati maknanya dibuktikan dengan empirical study bahawa dengan tempoh yang tertentu | Tiada had |
| | memang dia dah bersih dah hadam dah makanan tu dah tak ada unsur tu, maka kita kata boleh walaupun singkat daripada yang dicadangkan tu. Kita berpegang camtulah makna tak adalah setakat ni tempoh yang tertentu tu tak ada | Tiada had |
| | Ana rasa memang dari sudut kuarantin tu yang penting. Kalau pun maksudnya dia nak bagi yelah satu fatwa ni mungkin kita boleh melihat balik lah fatwa di Peringkat Kebangsaan secara holistiknya rasanya kena tengok balik lah supaya dia orang kata menepati | Perlu kesepakatan |

dengan semua pihak yang berkepentingan lah kan. Stake holder tu. Jadi kalau andai kata kita mengatakan bahawa boleh kita bagi apa ni makanan yang najis apa semua ni yang bentuk pellet sebagainya tu. Jadi, yang terbaiknya adalah ada juga kita kata jalan keluar lah maksudnya nak *istibrak* dia selain kita nak *khuruj* daripada khilaf tu maksudnya dengan kita sertakan tempoh kuarantin tu yang disepakati oleh semua pihak lah. Maknanya dibuat kajian kalau lembu berapa secara saintifik. Rasa zaman sekarang yang terbaik memang secara saintifik lah kan. Kita kat Malaysia ni lembu, kerbau, ayam haa jadi binatang yang tu lah. Kalau kita dapat selaraskan tu rasa cantik dah. Dia nak bagi makan apa pun maknanya OK tapi maknanya mesti bukan daripada najis yang directly najis tu lah. Mutanajjis ok lah tapi maknanya ada juga unsur kuarantin tu tapi dalam tempoh yang kita kata memang terbuktilah.

Oleh kerana fatwa di Malaysia menetapkan bahawa haiwan *jallalah* haram dimanfaatkan, maka para responden berpendapat, jika pengguna hendak memanfaatkan haiwan *jallalah*, maka wajib dilakukan proses kuarantin. Selepas proses kuarantin dilakukan, maka haiwan itu kembali kepada hukum asalnya iaitu harus dan halal dimanfaatkan.

> "Dikira najis kalau tidak dikuarantin lah. kalau kuarantin dulu baru tak apa" (R1)

"Iyalah... sebab tafsirannya kalau tak dikuarantin, itu yang haram. Kalau sudah dikuarantin tidak haram lagi lah. Kembali kepada *"Al-Aslu fil asyyaa-i al-ibaahah"* (R1)

"Walaupun kita kata hukumnya haram, tapi kalau dia melalui proses kuarantin sebab kita kata dia bukan *haram bi zat* haaa sebab dia *haram li ghairih* kerana dia diberi makan dengan benda-benda najis ataupun kotor tadi. Jadi, kita akan ikatkanlah

> sebab tu dalam jawapan-jawapan kita, semua kita akan kata kalau dia kuarantin kan dalam tempoh yang tertentu dan tempoh tu pun ada perbahasan dalam kalangan ulamak... maknanya ia boleh jadi harus balik" (R6)

Berkaitan tempoh kuarantin haiwan jallalah, responden 1 menjelaskan bahawa memang terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama kerana ia bersifat ijtihadi kerana dalilnya bersifat zanni. "Apabila pergi kepada ijtihadi... dia akan berbeza lah sebab benda ni zanni" (R1) Menurut beliau, tempoh kuarantin perlu merujuk kepada uruf dan uruf yang beliau maksudkan ialah dengan merujuk pendapat pakar. "Kita serahkan pada uruf dan bila nak serah kepada uruf, kita kena tanya pakar. Jadi kalau pakar kata 7 hari dah ok, ok lah. Sebab *Fas'alu Ahla dzikri* "ahla" tu. Jadi kalau keahlian, kepakaran tu... sebab itu kita tak menetapkan 7 hari ke 3 hari, kita serah kepada uruf. Apa maksud uruf? Maknanya keahlian lah yang boleh menentukan" (R1)

Responden 3 dan 6 turut bersetuju dengan pendirian responden 1 iaitu tiada had tempoh tertentu bagi kuarantin. Tujuan kuarantin ialah menghilangkan sifat kenajisan haiwan jallalah, maka jika sudah hilang sifat tersebut, maka ia kembali halal. "Makna lihat di sini dia berpegang kepada zat benda tu. Dia tidak terikat kepada masa... asal benda tu bersih... Dia nampaknya kepada zat yang kita nak kita makan daging tu. *Illah*nya kalau daging tu baik, bersih tak ada apa" (R3) Responden 6 mencadangkan agar tempoh kuarantin dirujuk kepada kajian saintifik. "tetapi kita boleh juga mengambil kira dapatan-dapatan saintifiklah. Kalau didapati maknanya dibuktikan dengan *empirical study* bahawa dengan tempoh yang tertentu memang dia dah bersih dah hadam dah makanan tu dah tak ada unsur tu, maka kita kata boleh walaupun singkat daripada yang dicadangkan tu. Kita berpegang camtulah makna tak adalah setakat ni tempoh yang tertentu tu tak ada" (R6)

Namun begitu, ada cadangan agar tempoh kuarantin mengikut saiz badan haiwan. Pendapat ini merujuk kepada sebilangan pendapat ulama terdahulu.

> "Iyelah dia ada pendapat-pendapat yang mengatakan mengikut kepada keadaan binatang itu sendirilah. Besar kecilnya binatang tu dan kata kalau macam unta misalnya kena kuarantin 40 hari, lembu kerbau pada 30 hari, kalau macam kambing 7 hari, ayam itik pula katanya dalam 3 hari. Jadi barangkali tempoh itulah barangkali proses najis tu yang ada dalam mengalir dalam tubuh badan dia tu boleh habis lah. Jadi kita kira kalau macam kambing barangkali 7 hari tu dah bersih lah badan dia tu. Jadi kalau ikan pun macam tu jugaklah. Jadi kita kuarantin sekurang-kurangnya 3 hari lah tapi kalau lebih, lebih baik lagi lah." (R2)

> "kita boleh consider apa yang dicadangkan oleh Ulamak-ulamak Fiqh tu lah kalau haiwan dia besar 40 hari, lembu 30, kambing 7, ayam 3 aaaa kita boleh consider yang tu" (R6)

Responden 2 menambah, jika dalam tempoh kuarantin itu masih terdapat bau busuk najis pada haiwan jallalah itu, maka perlu ditambah tempoh sehingga hilang bau busuk. "Bergantung kepada keadaan lah. Kalau sekiranya difikirkan 3 hari tu dah mencukupi untuk ikan tu jadi natural balik macam biasa jadi makna 3 hari tu pun dah cukup dah. Tapi kalau ada lagi bau misalnya kan kadang-kadang dia ada baunya juga tu kalau sentiasa makan najis. Jadi eloklah ditambah biar sampai hilang. Tapi sekurang-kurangnya 3 hari tu biasa binatang yang kecil-kecil biasanya dia boleh hilang bau ke apa ke rasa ke." (R2)

Walaupun responden 6 bersetuju bahawa tiada had penetapan tempoh kuarantin, namun bagi tujuan penyelarasan khususnya untuk pensijilan halal, maka Institusi Fatwa di Malaysia perlu menetapkan satu tempoh had kuarantin yang selaras.

Penambahbaikan fatwa sedia ada berkaitan haiwan *jallalah* perlu dilakukan.

> "Ana rasa memang dari sudut kuarantin tu yang penting. Kalau pun maksudnya dia nak bagi yelah satu fatwa ni

mungkin kita boleh melihat balik lah fatwa di Peringkat Kebangsaan secara holistiknya rasanya kena tengok balik lah supaya dia orang kata menepati dengan semua pihak yang berkepentingan lah kan. Stake holder tu. Jadi kalau andai kata kita mengatakan bahawa boleh kita bagi apa ni makanan yang najis apa semua ni yang bentuk pellet sebagainya tu. Jadi, yang terbaiknya adalah ada juga kita kata jalan keluar lah maksudnya nak *istibrak* dia selain kita nak *khuruj* daripada khilaf tu maksudnya dengan kita sertakan tempoh kuarantin tu yang disepakati oleh semua pihak lah. Maknanya dibuat kajian kalau lembu berapa secara saintifik. Rasa zaman sekarang yang terbaik memang secara saintifik lah kan. Kita kat Malaysia ni lembu, kerbau, ayam haa jadi binatang yang tu lah. Kalau kita dapat selaraskan tu rasa cantik dah. Dia nak bagi makan apa pun maknanya OK tapi maknanya mesti bukan daripada najis yang directly najis tu lah. Mutanajjis ok lah tapi maknanya ada juga unsur kuarantin tu tapi dalam tempoh yang kita kata memang terbuktilah." (R6)

Dapatan dalam jadual 3.8 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 7: "7b) Apakah cara kuarantin yang menepati hukum Syarak bagi memastikan ikan jallalah halal dimakan? Jadual 3.8: Dapatan temubual soalan 7b

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R1 | Jadi kata kalau ada pakar-pakar mengatakan 1 hari keli tu dah clear dah hoo boleh diterima pakai sebabnya uruf la tu. Uruf ikan keli satu hari dah selesai, mungkin perutnya kosong tapi kesan pemakanan tu masih ada. Jadi kalau dilihat kajian itu hanya perut kosong memang pun apa-apa pun dia dah berak apa tu dah tak ada lah tapi... bila ijtihadi ada yang kita gunakan ikhtiyati... makna lebih cermat | Perlu *ihtiyat* |

| | | |
|---|---|---|
| R2 | Tapi kalau sekiranya binatang tu memang dah berada di ternakan orang lain ke... jadi kalau kita ambil... jadi kita kena masukkan ke dalam kolam kita la pula. Supaya dia jadi, tak adalah dalam kolam dia tu kita nak kuarantin berhenti seminggu jangan beri makan tak ada macam gitu kan. Kita kena ambil pindah kolam lain jadi yang bersih dan tak ada lagi kita beri makanan-makanan yang semacam tu. Itu yang kita kata paling kurangnya 3 hari atau sehingga diyakini hilanglah benda-benda yang bau ke rasa ke daripada najis yang dah dimakan ikan tu. | Tukar tempat<br><br>Beri makan makanan bersih |
| R3 | Binatang makan yang najis tadi *"hubisat"* kemudian di keluar tempat lain. Macam ikan orang cina beri makan babi kemudian diletak balik pada tempat yang baru pula, *"hubisat"* dia letak tempat yang baru kemudian dia beri makan yang baik yang bersih, hilang dia punya baunya, kalau ikan ke binatang lain pun serupa juga, binatang tu disembelih tidak makruh | Tukar tempat<br><br>Beri makan makanan bersih |

Menurut responden 1, perlu langkah berjaga-jaga (ihtiyat) ketika proses kuarantin dilaksanakan. Perlu dipastikan agar proses kuarantin itu dapat menghilangkan 'illah pengharaman haiwan jallalah.

> "Jadi kata kalau ada pakar-pakar mengatakan 1 hari keli tu dah clear dah hoo boleh diterima pakai sebabnya uruf la tu. Uruf ikan keli satu hari dah selesai, mungkin perutnya kosong tapi kesan pemakanan tu masih ada. Jadi kalau dilihat kajian itu hanya perut kosong memang pun apa-apa pun dia dah berak apa tu dah tak ada lah tapi... bila ijtihadi ada yang kita gunakan ikhtiyati... makna lebih cermat" (R1)

Kaedah kuarantin: Pertama: Ikan jallalah perlu dipindahkan ke bekas yang baru yang bebas daripada elemen najis. Kedua: Dalam tempoh

kuarantin, ikan tersebut tidak lagi diberikan makanan najis.

"Tapi kalau sekiranya binatang tu memang dah berada di ternakan orang lain ke... jadi kalau kita ambil... jadi kita kena masukkan ke dalam kolam kita la pula. Supaya dia jadi, tak adalah dalam kolam dia tu kita nak kuarantin berhenti seminggu jangan beri makan tak ada macam gitu kan. Kita kena ambil pindah kolam lain jadi yang bersih dan tak ada lagi kita beri makanan-makanan yang semacam tu. Itu yang kita kata paling kurangnya 3 hari atau sehingga diyakini hilanglah benda-benda yang bau ke rasa ke daripada najis yang dah dimakan ikan tu" (R2)

"Binatang makan yang najis tadi "*hubisat*" kemudian di keluar tempat lain. Macam ikan orang cina beri makan babi kemudian diletak balik pada tempat yang baru pula. "*hubisat*" dia letak tempat yang baru kemudian dia beri makan yang baik yang bersih, hilang dia punya baunya, kalau ikan ke binatang lain pun serupa juga, binatang tu disembelih tidak makruh" (R3)

Dapatan dalam jadual 3.9 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 7: 7c) Jika DNA babi ditemui pada haiwan jallalah, kemudian haiwan itu dikuarantin sehingga hilang bau, warna dan rasa, tetapi DNA babi masih lagi ditemui. Apakah status haiwan tersebut?

Jadual 3.9: Dapatan temubual soalan 7c

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R2 | Saya rasa DNA tu lebih berat lagi lah. Kalau masih lagi DNA babi tu masih ada, yelah kita rasa pun walaupun ikan tadi dah dikuarantin dan tak ada lagi bau tapi DNA tu masih lagi DNA babi tu kita kata tak boleh juga. Sebab itu lebih berat lagilah daripada benda yang kita kata benda yang berbau benda yang apa tadi kan. Sekiranya najis yang lain tadi, tahi manusia ada DNA manusia | Kekal haram |

Menurut responden 2, jika selepas tempoh kuarantin dilakukan, apabila diuji, haiwan jallalah itu masih terdapat DNA babi, kesan daripada makanan najis babi yang dimakan oleh haiwan itu, maka haiwan itu kekal status jallalahnya dan haram dimakan.

### 3.6.2 Temubual berkaitan Jallalah dalam Sistem Pensijilan Halal Malaysia

Dapatan dalam jadual 3.10 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 1: "Berdasarkan sistem pensijilan halal Malaysia, apakah maksud haiwan jallalah?"

Jadual 3.10: Dapatan temubual soalan 1

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R8 | Menurut mazhab Syafie, haiwan jallalah bermaksud haiwan yang menjadikan najis sebagai makanannya serta makan makanan lain selain najis | Mazhab Syafie |
| R9 | Haiwan halal yang diternak dengan memberi makan najis secara berterusan | Mazhab Hanafi |
| R10 | Haiwan Jallalah adalah haiwan yang diberi makanan kotor dan jijik secara berterusan | Mazhab Hanafi |
| R11 | Haiwan Al-jallalah adalah haiwan halal yang memakan atau di ternak dan di beri makanan haram yang tercemar dengan najis secara berterusan | Mazhab Hanafi |

Dapatan dalam jadual 3.11 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 2: "Berdasarkan pengalaman pihak tuan, apakah status sedia ada ikan jallalah dalam sistem pensijilan halal Malaysia; MS 1500 & MPPHM?"

Jadual 3.11: Dapatan temubual soalan 2

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R7 | ...manakala MS1500 menyatakan bahawa hukum ikan yang diberi makan najis secara berterusan/ dengan sengaja adalah tidak halal (MS1500: 2009; perenggan 3.5.1.1.2). | Haram |
| | Oleh itu dari sudut pandangan umum (penyelidik-penyelidik akuakultur dan penternak yang bukan dari latarbelakang pendidikan agama dan tidak terlibat dalam industri / penyelidikan / kefatwaan halal), status sedia ada ikan jalaalah adalah **TIDAK JELAS** sekiranya **hanya** bersandarkan kepada MPPHM dan MS1500 | Tidak jelas |
| R8 | Menurut keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4 – 6 April 2006, ikan yang dipelihara di dalam kolam ternakan dan seumpamanya adalah haram dimakan sekiranya ikan tersebut **SENGAJA** dipelihara di dalam air najis atau **SENGAJA** diberi makan najis seperti daging babi, bangkai atau sebagainya | Fatwa kebangsaan 2006 |
| R9 | Dalam sistem pensijilan sedia ada, sekiranya haiwan tersebut adalah haiwan yang diberi najis secara "BERTERUSAN", hukumnya adalah haram | Haram |
| R10 | Pada pandangan saya berdasarkan fatwa semasa, jika terbukti haiwan tersebut dikategorikan sebagai Jallalah, hukumnya adalah haram | Ikut fatwa |

| | | |
|---|---|---|
| R11 | Walaupun ada pendapat yang mengatakan hukum memakan daging al-jallalah adalah makruh. Pada pandangan saya berdasarkan fatwa semasa, jika terbukti haiwan tersebut dikategorikan sebagai al-jallalah, maka hukum memakan dagingnya adalah haram, sebagai langkah untuk lebih berhati hati dan menjaga batas batas Allah | Tidak jelas<br><br>Perlu diharamkan |

Dapatan dalam jadual 3.12 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 3: "Adakah tuan bersetuju dengan status sedia ada ikan jallalah dalam sistem pensijilan halal Malaysia? Boleh jelaskan hujah" Jadual 3.12: Dapatan temubual soalan 3

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R7 | Pihak penyelidik, pemain industri dan penternak haiwan akuakultur adalah sangat pelbagai *(diverse)*. Penternak terutamanya adalah terdiri dari penternak kecil di kampung-kampung sehingga syarikatsyarikat akuakultur besar dan kebanyakan mereka adalah dari golongan bukan islam ataupun muslim yang kurang faqih/ kurang pendedahan dan pengetahuan berkenaan status halal ikan jallalah. | Kurang pendedahan<br><br>Kurang pengetahuan |
| | Kos makanan memakan belanja paling besar (boleh mencecah sehingga 50%, FAO; 2009) dalam kos produksi ternakan ikan. Oleh itu, kebanyakan penternak akan lebih memilih kepada sumber makanan yang tersedia ada (dan banyak) dan murah. Oleh itu, sekiranya makanan haiwan tetap dikategorikan sebagai "tidak layak" memohon pensijilan halal Malaysia (seperti dalam garis panduan sediada MPPHM), status ikan jalaalah akan terus menerus dibahaskan dimasa akan datang | Terus dibahaskan |

| | | |
|---|---|---|
| R8 | Setuju kerana jelas bahawa haiwan jallalah ialah haiwan yang menjadikan najis sebagai makanannya sama ada sebagai makanan asas atau sampingan. Najis ialah kotor dan tidak bersih di mana ia juga merupakan sumber yang mampu menyebabkan punca penyakit-penyakit merbahaya menjangkiti seseorang. Najis tidak sepatutnya dijadikan sebagai makanan, pakaian dan minuman. Menurut Islam, najis adalah seperti khinzir, darah dan bangkai, atau sesuatu permukaan atau barang yang bersih tetapi dicemari | Setuju diharamkan |
| R9 | Saya bersetuju dengan status sedia ada ikan jallalah di dalam sistem pensijilan halal semasa. Ini kerana ia dinyatakan secara jelas hanya haiwan yang diberi najis secara berterusan yang dikategorikan sebagai haram.<br><br>Walaubagaimanapun ianya perlu diperhalusi berkenaan tempoh "berterusan" yang dinyatakan dan jumlah atau peratusan dari keseluruhan pemakanan haiwan tersebut | Setuju diharamkan |
| R10 | Berdasarkan praktis pensijilan Halal Malaysia, pihak autoriti akan memastikan tiada sumber bahan mentah yang dikategorikan sebagai haiwan jallalah. Justeru, saya tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Setiap keputusan pensijilan halal juga diperhalusi dan dipersetujui secara kolektif dalam kalangan ahli panel pensijilan halal yang berwibawa dan pakar dalam bidang masing-masing | Tidak bersetuju |
| R11 | Berdasarkan praktis pensijilan Halal Malaysia, pihak autoriti akan memastikan tiada sumber bahan mentah yang tidak halal, termasuk sumber daging bukan di kategorikan sebagai haiwan al-jallalah, dan menurut saya itu yang semestinya | Peranan autoriti |

Dapatan dalam jadual 3.13 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 4: "Berdasarkan hukum Syarak, ikan yang diberi makanan najis, boleh dimakan jika dikuarantin, namun dalam MS 1500 tidak dinyatakan berkaitan kuarantin itu, apa pendapat pihak tuan?" Jadual 3.13: Dapatan temubual soalan 4

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R7 | Saya secara peribadi merasakan keperluan menjelaskan perkara terkait kuarantin tersebut di dalam MS 1500. | Perlu dijelaskan |
| R8 | kan yang diberi makan najis perlu dikuarantin selama 7 hari menurut imam Syafie atau sekurang-kurangnya 5 hari untuk menghilangkan kesan najis pada ikan melalui sistem perkumuhan dimana secara adatnya ikan tersebut akan bersih daripada sebarang kesan najis pada dagingnya sama ada dari sudut bau atau rasa. | 7 / 5 hari |
| | Walaupun menurut ms1500 tidak dinyatakan tentang kuarantin itu, tetapi menurut syarak, ia telah ditetapkan dan wajar diaplikasikan untuk bukan sahaja menjadi faedah kepada penduduk Muslim di Malaysia tetapi juga untuk meningkatkan kesedaran tentang hukum yang telah ditetapkan dan boleh digunakan untuk aktiviti seharian | Wajar diaplikasi kuarantin |
| R9 | Pada pendapat saya standard halal sedia ada perlu disertakan dengan prosedur yang lebih terperinci dari segi kaedah dan tempoh kuarantin selari dengan kajian saintifik yang dilakukan | Perlu dijelaskan |
| R10 | Pada pandangan saya, standard halal yang sedia perlu menjelaskan secara terperinci kaedah dan tempoh pengkuarantinan supaya selari dengan keputusan fatwa semasa | Perlu diperincikan |

| | | |
|---|---|---|
| R11 | Haiwan al-jallalah boleh di sembelih dan di makan dagingnya apabila sudah melalui proses kuarantin, untuk itu pada pandangan saya, standard halal yang sedia perlu menjelaskan secara terperinci kaedah dan tempoh pengkuarantinan supaya selari dengan keputusan fatwa semasa | Perlu dijelaskan |

Dapatan dalam jadual 3.14 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 5: "Ikan yang diberi makan najis dikategori sebagai haiwan yang haram dalam MS 1500, namun dalam sistem pensijilan halal Malaysia, makanan haiwan tidak termasuk dalam kategori yang perlu dipastikan halal. Apa pendapat pihak tuan?"

Jadual 3.14: Dapatan temubual soalan 5

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R7 | Pandangan umum dikalangan penternak, semua ikan adalah halal. Namun begitu, umumnya (berdasarkan keterlibatan peribadi bersama pihak-pihak yang disebut) pengamal industri, penyelidik dan penternak muslim TAHU bahawa ikan ternakan mereka harus diberi makanan yang diperbuat dari sumber yang halal. Ini adalah selaras dengan garis panduan Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) yang dilaksanakan mengikut piawaian MS 1998: 2007 dan MS 2463: 2012 bagi "Good Organic Aquaculture Practice". | Tahu keperluan |
| | Sungguhpun begitu, sebatas pengetahuan saya, tiada kajian formal yang dilakukan bagi menilai persepsi pihak penternak mengenai perkara ini di Malaysia. Soalansoalan seperti adakah penternak tahu hukum sebenar ikan jalaalah atau adakah mereka sekadar menolak memberi makan najis kepada ikan hanya kerana status kebersihan/ kesihatan konsumer dan kesihatan ikan tidak dapat disimpulkan secara formal. | Tiada kajian kesedaran |

| | | |
|---|---|---|
| | Malah, soalan yang lebih teknikal samada penternak di Malaysia tahu tentang asal ramuan makanan ikan *(commercial fish pellet)* yang mereka gunakan juga tidak pernah dilaporkan. | |
| R9 | Untuk penambahbaikan adalah perlu untuk sistem pensijilan halal Malaysia mempertimbangkan sumber makan haiwan yang baik dari segi syarak sebagai salah satu pra syarat rantaian halal bagi memastikan penghasilan produk terjamin | Perlu penambahbaikan |
| R10 | Manual prosedur halal yang sedia ada sedang dalam proses kepada penambahbaikan. Justeru, makanan haiwan yang halal juga perlu dimasukkan sebagai pra syarat rantaian halal penghasilan produk terjamin | Perlu penambahbaikan |
| R11 | Isu Haiwan aljallalah terletak pada isu makanan haiwan. Pada masa ini Manual prosedur halal yang sedia ada sedang dalam proses kepada penambahbaikan. Pada pendapat saya makanan haiwan yang halal juga perlu dimasukkan sebagai pra syarat rantaian halal penghasilan produk terjamin, untuk memastikan konsep *halalan toyyiban* dari ladang sampai meja makan tercapai | Perlu penambahbaikan |

Dapatan dalam jadual 3.15 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 6a: "Boleh tuan berikan cadangan penambahbaikan berkaitan isu haiwan jallalah dalam sistem pensijilan halal Malaysia: (a) Penambahbaikan hukum" Jadual 3.15: Dapatan temubual soalan 6a

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R7 | Perlukan kesepakatan dan standard bagi menentukan sama ada haiwan tersebut dikategorikan sebagai jallalah atau tidak. Serta keperluan hukum dalam menentukan status kuarantin dari segi tempoh, peratusan najis dan perubahan data sensori haiwan tersebut | Perlu sepakat<br><br>Perlu jelas |
| R10 | para mufti perlu sepakat dalam menetapkan hukum memakan dan menggunakan haiwan yang dikategorikan sebagai jallalah. Asasnya, haiwan ini halal berubah menjadi haram apabila tabiat pemakanannya berubah. Namun, Islam juga menyediakan kaedah penyucian supaya status haiwan tersebut berubah menjadi halal semula setelah melalui proses pengkuarantinan | Perlu sepakat |
| R10 | Manual prosedur halal yang sedia ada sedang dalam proses kepada penambahbaikan. Justeru, makanan haiwan yang halal juga perlu dimasukkan sebagai pra syarat rantaian halal penghasilan produk terjamin | Perlu sepakat |
| R11 | peranan mufti sangat penting dalam hal ini, akan sangat baik apabila kesepakatan para mufti boleh ditetapkan dalam menetapkan | Peranan mufti<br><br>Perlu sepakat |
| | hukum memakan dan menggunakan haiwan yang dikategorikan sebagai al-jallalah, termasuk ketetapan tempoh dan proses kuarantin supaya haiwan al-jallalah kembali pada status halal untuk dimakan dagingnya, diminum susunya dan digunakan untuk keperluan lain | Perlu jelas |

Dapatan dalam jadual 3.16 menunjukkan dapatan bagi persoalan temubual berikut: Soalan 6b: "Boleh tuan berikan cadangan penambahbaikan berkaitan isu haiwan jallalah dalam sistem pensijilan halal Malaysia: (b) Penambahbaikan prosedur pensijilan halal Malaysia berkaitan haiwan jallalah"

Jadual 3.16: Dapatan temubual soalan 6b

| Responden | Petikan temubual | Tema |
|---|---|---|
| R7 | Mengikut jenis/spesis ikan yang diternak, ramuan palet ikan umumnya memang mengandungi nutrisi protein dari haiwan. Kebiasaannya sumber protein tersebut adalah dari haiwan marin juga *(trash fish, fish meal, fish solubles from brown fish meals manufacture, shrimp meal, squid meal etc)*. Namun, penggunaan sumber marin bagi nutrisi protein ikan ternakan adalah tidak lestari (sustainable) dan terlalu mahal… Setakat ini, terdapat palet ikan keluaran Cargill yang telah mendapat pensijilan halal (dari institusi pensijilan luar negara) dan telah diguna oleh beberapa ladang penyelidikan di UPM. Namun, menurut penyelidik, harga makanan ikan tersebut adalah terlalu mahal dan tidak begitu menjadi pilihan penternak-penternak kecil dan sederhana. Maka pada akhirnya, para penternak akan tetap juga memilih makanan ikan yang lebih kos efektif dengan sumber yang tersedia dan banyak. | Makanan halal mahal |
| | Oleh itu, palet ikan juga mungkin mengandungi sumber protein dari haiwan lain yang mungkin tidak halal atau diproses secara tidak halal *(meat waste, blood, bone meal, liver meal, poultry by-products, slaughterhouse wastes, and poultry feather meal)*. | Campuran bahan haram |

| | | |
|---|---|---|
| | Secara peribadi, saya melihat bahawa kebanyakan penternak kurang mengambil tahu tentang ramuan palet ikan komersial. | **Penternak kurang ambil tahu** |
| | Oleh itu, adalah penting bagi MPPHM dan MS 1500 disemak semula dengan penambahan garis panduan yang mengambi kira STATUS HALAL MAKANAN IKAN bagi menjelaskan status ikan jalaalah. | **Perlu disemak semula** |
| **R8** | Saya berpandangan bahawa hukum syara tidak boleh ditambahbaik, tapi yang boleh ditambahbaik adalah guidelines dan peraturan di dalam MS | **Perlu ditambahbaik** |
| **R9** | Prosedur pensijilan sedia ada perlu mempertimbangkan aspek pemakanan haiwan bagi menjamin rantaian penghasilan produk halal | **Pensijilan makanan haiwan** |
| **R10** | Dari aspek pensijilan halal, prosedur dan standard yang sedia ada juga perlu memasukkan isu berkaitan haiwan jallalah. Hal ini akan memastikan sistem jaminan halal akan terjamin dari segi rantaian penghasilan produk halal. Tidak hanya difokuskan kepada semasa pemprosesan dan penghasilan produk akhir | **Perlu ditambahbaik** |
| **R11** | Pada pendapat saya, dari aspek pensijilan halal, prosedur dan standard yang sedia ada juga perlu memasukkan isu berkaitan haiwan al-jallalah. Hal ini akan memastikan produk yang dihasilkan adalah halal dan baik, berawal dari sektor primary, sektor secondary sampai sektor tertiary *(halal supply chain)* | **Perlu ditambahbaik**<br><br>**Perlu diteliti** |



BAB 4

# STATUS IKAN TERNAK SEBAGAI HAIWAN *JALLALAH* DARIPADA PERSPEKTIF INDUSTRI AKUAKULTUR DAN SAINS

BAB 4

# STATUS IKAN TERNAK SEBAGAI HAIWAN *JALLALAH* DARIPADA PERSPEKTIF INDUSTRI AKUAKULTUR DAN SAINS

## 4.1 Pendahuluan

Sejajar dengan perkembangan teknologi, makanan untuk ikan ternakan telah berubah daripada makanan lebihan seperti nasi, roti dan telur pada tahun 1970an kepada makanan berbentuk pelet yang diformulasi khusus untuk ikan ternakan. Makanan berbentuk pelet lebih baik memandangkan kandungannya seimbang dan sesuai mengikut keperluan ikan tesrsebut mengikut spesis ikan dan juga peringkat tumbesarannya. Tambahan pula, ianya lebih bersih dan mudah untuk disimpan. Walau bagaimanapun, harga pelet yang meningkat dari tahun ke tahun telah mendorong penternak untuk menggunakan bahan-bahan mentah yang belum diproses seperti ikan baja. Terdapat juga dakwaan bahawa sebahagian penternak menggunakan khinzir sebagai makanan ikan. Keadaan ini telah menjadi isu dan telah menimbulkan ketidak selesaan terutamanya kepada pengguna beragama Islam.

Seperti yang dibincangkan di Bab 2, berdasarkan hukum fiqh terdapat terma khusus untuk haiwan yang diberi makan najis iaitu *Jallalah*. Perkataan *jallalah* berasal daripada bahasa Arab merujuk kepada binatang yang makan al-jallah iaitu tahi binatang atau manusia (Ibn Manzur, 1414H: 11/119). Dari sudut istilah pula, menurut para fuqaha' berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud binatang *jallalah*.

**"Sejajar dengan perkembangan teknologi, makanan untuk ikan ternakan telah berubah daripada makanan lebihan seperti nasi, roti dan telur pada tahun 1970an kepada makanan berbentuk pelet yang diformulasi khusus untuk ikan ternakan."**

i. *Jallalah* merujuk kepada binatang yang hanya makan najis dan berbau busuk
ii. *Jallalah* merujuk kepada binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis
iii. *Jallalah* merujuk kepada binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis dan terdapat bau najis tersebut pada binatang itu.

Bab ini akan membentangkan secara ringkas tentang samada ikan ternak adalah haiwan *jallalah* berdasarkan perspektif industri akuakultur dan sains.

## 4.2 Undang-Undang / Peraturan Berkaitan Haiwan Ternakan dan Makanan

### Haiwan Di Malaysia

Di Malaysia, terdapat beberapa Akta dan Peraturan yang berkaitan dengan makanan haiwan yang telah dibangun dan digazetkan oleh pihak berwajib. Kesedaran tentang kepentingan mengawal kualiti makanan haiwan mula meningkat terutamanya selepas penularan wabak Lembu Gila (*Bovine Spongiform Encephalopathy)* pada pertengahan tahun 1980an.

### 4.2.1 Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698)

Akta ini telah digazetkan pada September 2009 dan dikuatkuasakan pada Mac 2013. Ia merangkumi undang-undang bagi

kawalan kualiti dan keselamatan dalam pembuatan dan penggunaan makanan haiwan dan diguna pakai di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan. Lembaga Makanan Haiwan adalah pihak yang diberi autoriti dalam pelaksanaan dan penguatkuasaan akta ini. Secara amnya, Akta ini menetapkan keperluan umum dalam pemantauan kualiti makanan haiwan dari aspek – "mengawal pengimportan, pengilangan, penjualan dan penggunaan makanan dan bahan tambahan makanan haiwan, tidak membahayakan haiwan dan tidak tercemar supaya haiwan dan produk berasaskan haiwan adalah selamat untuk kegunaan manuasia dan kegunaan lain". (*Feed Act*, 2009).

Jadual 4.1 menyenaraikan beberapa peraturan berkaitan yang telah ditetapkan seperti yang diperutukkan di bawah seksyen dalam Akta Makanan 2009.

Jadual 4.1 Peraturan dalam Akta Makanan 2009

| Bil. | Seksyen | Perkara |
|---|---|---|
| 1. | 9(3) | Pengimport makanan haiwan dan bahan tambahan makanan haiwan yang tidak mempunyai lessen boleh dikenakan denda sehingga serratus ribu ringgit atau penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali. |
| 2. | 10 | Keperluan umum berkaitan permohonan dan pengeluaran lesen untuk pengimportan makanan haiwan dan bahan tambahan makanan termasuk pembaharuan, pemindahan, penambahan atau pembatalan lesen tersebut. |
| 3. | 17 | Makanan haiwan perlu dihasilkan berdasarkan spesifikasi yang telah ditetapkan manakala semua proses yang berkaitan dengan penghasilan makanan ternakan perlu selari dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa. |
| 4. | 17(2) | Pengusaha yang tidak mengikut piawaian yang sepatutnya dalam penghasilan makanan haiwan dari aspek kualiti produk boleh dikenakan tindakan. |

#### 4.2.2 Peraturan-peraturan Makanan Haiwan 2012

Pada Ogos 2012 Kerajaan Persekutuan telah menggazetkan Peraturan Makanan Haiwan 2012 bagi tujuan penambahbaikan dan memperkukuhkan lagi Akta Makanan 2009. Penegasan mengenai pelabelan makanan haiwan dan bahan tambahan haiwan dengan maklumat yang sah, jelas dan tetap termaktub di bawah Peraturan 2 (Sub-peraturan 2). Kegagalan mengisytiharkan kandungan bahan yang betul boleh dikenakan denda sehingga lima puluh ribu ringgit Malaysia (RM50,000.00) atau dua tahun penjara atau kedua-duanya sekali akan dikenakan kepada sesiapa yang didapati bersalah menggunakan label yang tidak sesuai seperti yang termaktub dalam Peraturan 3.

#### 4.2.3 Standard Makanan Halal (MS1500:2019)

Pada 2004, Jabatan Standard Malaysia telah menghasilkan piawaian makanan halal, Standard Halal Malaysia (MS1500:2004) Makanan Halal – Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan. Ia merupakan piawaian bagi makanan halal yang diiktiraf dan menjadi rujukan di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, edisi 2004 telah dikemaskini dan ditambah baik kepada MS1500:2009, dan yang terkini ialah MS1500:2019. Dalam MS1500:2019 ada menyentuh mengenai makanan haiwan. Klausa 4.5.1.1.1(h) menggariskan bahawa "haiwan halal yang dengan sengaja dan berterusan diberi makan najis" adalah dianggap haiwan tidak halal untuk dimakan manakala dalam Klausa 4.5.1.1.2 pula menyatakan bahawa "Hidupan air yang tinggal dalam najis atau dengan sengaja dan berterusan diberi makan najis adalah tidak halal"

#### 4.2.4 Standard Makanan Ikan Rumusan MS 2538:2013

Spesifikasi bagi Makanan Ikan Rumusan, MS 2538:2013 pula telah diperkenalkan oleh Jabatan Standard pada tahun 2013. Kod amalan ini digunapakai untuk penghasilan makanan ikan air tawar dan ikan laut. Standard ini menjelaskan makanan rumusan yang terdapat dalam penternakan ikan serta spesifikasi tertentu yang perlu dipatuhi daripada

segi mutu dan kualiti makanan rumusan tersebut, selain aspek pembungkusan, pelabelan, penyediaan sampel untuk ujian, syarat kebersihan serta pensijilan makanan rumusan tersebut oleh badan pensijilan yang diiktiraf.

### 4.2.5 Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP)

Di peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia pula, Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) telah diperkenalkan sebagai jaminan kualiti dalam proses penghasilan makanan. GMP telah diintegrasikan dengan HACCP bagi mengenalpasti risiko dalam keseluruhan jaringan bekalan makanan dan ini merangkumi pembekal bahan mentah makanan haiwan.

### 4.2.6 Pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practice (MyGAP)*

Dewasa ini produk perikanan yang berkualiti dan selamat dimakan menjadi pilihan peruncit dan pengguna. Pengguna lebih cenderung untuk memilih produk yang berkualiti dan selamat untuk dimakan. Menyedari hakikat ini, pada tahun 2005, pihak kerajaan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah memperkenalkan satu skim bagi sektor pertanian, penternakan dan akuakultur iaitu Skim Pensijilan Akuakultur Malaysia (SPLAM) dan Skim Amalan Akuakultur Baik (SAAB). Walau bagaimanapaun, pada tahun 2013 SPLAM dan SAAB telah digabung dan ditambahbaik serta dijenamakan semula sebagai Amalan Baik Akuakultur Malaysia *(Malaysia Good Agricultural Practice (MyGAP))*. Skim bersifat sukarela ini meliputi sistem ternakan akuakultur kolam, sangkar, tangki, panti benih (hatcheri) dan pengeluaran rumpai laut. Matlamat skim ini adalah menghasilkan produk akuakultur yang selamat dimakan tanpa memberi kesan yang memudaratkan persekitaran, kebajikan haiwan dan mematuhi keperluan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat pengeluarannya.

Aktiviti pensijilan MyGap dibuat melalui sistem verifikasi dan pengauditan di lapangan sebanyak dua kali setahun oleh juruaudit lantikan Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia. Bagi memastikan matlamat skim

ini dapat dicapai, persampelan berjadual akan dilakukan oleh kakitangan Unit Biosekuriti Perikanan Negeri masingmasing bagi memantau kehadiran penyakit dan kontaminasi. Aktiviti pensijilan ladang akuakultur dibuat melalui sistem verifikasi dan pengauditan di lapangan. Ia dilaksanakan oleh juruaudit yang dilantik oleh Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia. Bagi tujuan pensijilan MyGap, Sebanyak 18 elemen yang akan dinilai.

Senarai elemen-elemen yang dinilai adalah seperti di bawah:

a) Pemilihan Tapak
b) Kawalan Air Buangan
c) Pembinaan Ladang
d) Kebersihan dan keadaan permukaan bersentuh
e) Reka bentuk kolam/ sangkar
f) Kesihatan Pekerjaan
g )Pengurusan Air
h) Amalan Kebersihan Ladang
i) Pembajaan Kolam
j) Sosial dan Kebajikan Pekerja
k) Kawalan Pemangsa dan Makhluk Perosak
l) Penuaian dan Pengendalian Hasil Ladang
m) Bekalan Bahan Mentah (Aditif, Benih)
n) Pelabelan, Penyimpanan dan Penggunaan Sebatian Berbahaya
o) Pengurusan Kesihatan Ternakan
p) Penyimpanan Rekod Ladang
q) Kawalan Biosekuriti Ladang
r) Halal

Skim myGAP ini menggariskan salah satu syarat kelayakan penerimaan sijil akreditasi tersebut ke atas sesebuah ladang akuakultur adalah dengan mewajibkan penggunaan makanan berformula yang bebas khinzir. Bagi penentuan kandungan khinzir dalam makanan ikan, analisis dijalankan di Pusat Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur (Semenanjung Malaysia) dan juga Pusat Biosekuriti Perkanan Wilayah Sarawak di Bintawa (Sabah dan Sarawak). Skim ini merupakan jaminan kerajaan dan ladang bagi menghasilkan produk akuakultur yang selamat dimakan dan ini akan meningkatkan keyakinan pengguna seterusnya dapat memperluaskan pasaran akuakultur di Malaysia.

Kriteria Penilaian Pensijilan MyGap adalah berpandukan kepada keperluan piawai seperti terkandung dalam MS 1998:2007 – Good Aquaculture Practice (GAqP) – Aquaculture arm General Guidelines

dan MS 2467:2012 – Code of Practice for Seaweed Cultivation.

Sehingga Febuari 2019 sebanyak 390 penternak ikan telah dipersijilkan di bawah Skim Pensijilan Pertanian Akuakultur (myGAP-Akuakultur) manakala sebanyak 17 buah kilang makanan ikan dan 12 stor penyimpanan makanan ikan telah turut dipersijilkan di bawah skim Pensijilan Kualiti Ikan. Kedua-dua skim pensijilan ini menitikberatkan persoalan Halal di dalam piawaian pensijilan berkenaan. Kegagalan untuk pemohon patuh kepada keperluan halal akan mengakibatkan sijil mereka ditarik balik dan diumumkan kepada pengguna awam (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019).

### 4.3 Jenis Makanan Yang Diberikan Kepada Ikan Ternakan di Malaysia

Aktiviti akuakultur di Malaysia bermula di sekitar tahun 1970-an di mana penternakan benih ikan liar dalam kurungan di tepi sungai diberi nasi, roti, telur dan sebagainya sebagai makanan. Dengan kepesatan teknologi, ia telah membangun dengan pemberian makanan pelet berformula kepada ternakan ikan dan tilapia seawal 1980-an. Sehingga lewat 1990-an kebanyakan penternak ikan laut masih bergantung kepada ikan baja (hasil sampingan pukat tunda) untuk memberi makan ikan terutama siakap dan kerapu dari peringkat asuhan sehingga ternakan. Bermula 1999 sehingga sekarang, penternak ikan laut telah menggunakan makanan pelet berformula untuk ikan siakap. Penternak boleh mendapatkan makanan pelet berformula di pasaran bermula dari peringkat asuhan hingga ternakan. Penggunaan makanan pelet dapat mempercepatkan kadar tumbesaran ikan, higenik dan mudah dikendalikan atau disimpan.

Dalam sistem akuakultur semi-intensif berskala sederhana, biasanya sumber makanan semulajadi dan makanan rumusan digunakan bersama-sama. Sistem ternakan intensif atau super intensif yang berskala komersial, biasanya bergantung sepenuhnya pada makanan rumusan komersial untuk operasi ternakan. Makanan rumusan komersil biasanya dikeluarkan oleh pengilang dalam negara atau diimport daripada luar. Tepung ikan *(fish meal)* adalah komponen utama

dalam makanan rumusan komersial daripada segi kos dan fungsi. Tepung ikan adalah produk komersial yang dibuat daripada ikan baja (ikan bersaiz kecil serta dari spesies yang tidak dimakan oleh manusia) atau sisa industri perikanan. Tepung ikan adalah sumber protein dan lemak utama dalam makanan rumusan ikan yang sangat baik untuk tumbesaran ikan ternak. Memandangkan harga tepung ikan semakin mahal di pasaran, makanan rumusan ikan kini, biasanya dicampur dengan sebatian protein alternatif daripada sisa industri haiwan ternakan (termasuk babi) seperti darah, tulang, bulu dan sisa dalam peratusan tertentu sebagai pengganti tepung ikan.

Secara amnya, makanan ikan menyumbang dari 60 hingga 70% kepada kos operasi bagi sesuatu spesis ikan yang diternak. Makanan bagi induk dan ternakan untuk saiz komersial memberikan impak yang besar kepada kos pengoperasian ternakan ikan baik ikan marin mahu pun ikan air tawar. Trend harga makanan ikan air tawar meningkat dari RM2.50/kg pada 2007 telah meningkat kepada RM4.00/kg pada 2016 manakala harga bagi makanan ikan marin telah meningkat dari RM4.00/kg pada 2007 kepada RM6.50 pada 2016. Harga makanan pelet mahal adalah disebabkan oleh bahan mentah import yang mahal, khususnya tepung ikan atau 'fishmeal' dan bahanbahan mentah import lain seperti tepung soya, jagung dan sebagainya. Selain daripada itu, kos pengoperasian yang melibatkan mesin dan tanggungan yang tinggi telah meningkatkan lagi harga pengeluaran bagi makanan pelet. Oleh itu, pilihan makanan yang lebih murah adalah sangat kritikal bagi mengawal harga kos penternakan ikan.

**“ Secara amnya, makanan ikan menyumbang dari 60 hingga 70% kepada kos operasi bagi sesuatu spesis ikan yang diternak. ”**

Atas faktor kos, penternak mula beralih kepada pilihan yang lebih murah iaitu dengan memberi ramuan mentah yang tidak diproses seperti ikan baja, perut ayam dan bangkai haiwan ternakan sebagai makanan untuk spesies kerapu, keli dan patin.

Berikut adalah contoh bahan mentah yang boleh digunakan dalam pembuatan makanan rumusan ikan. Senarai ini menujukkan adanya penggunaan bahan najis seperti mil darah *(blood meal)*, mil daging dan tulang *(meat and bone meal)* serta lemak khinzir *(lard)*.

**Raw material flexibility**

**Protein raw materials**

- Fish meal
- Krill meal
- Algal meal
- Soybean
- Sunflower
- Rapeseed
- Corn gluten
- Faba beans
- Lupins
- Pea meal
- Poultry meal
- Freather meal
- Blood meal
- Meat and bone meal
- Microbial protein
- Insect meal
- Worm meal
- DDGS

**Fats**

- Fish oil
- Krill oil
- Algal oil
- Rapeseed oil
- Soybean oil
- Sunflower oil
- Linseed oil
- Palm oil
- Camelina oil
- Poultry fat
- Lard

**Starch sources**

- Wheat
- Barley
- Sorghum
- Tapioca
- Patato starch
- Peas
- Faba beans



*Sumber: Lea (2013)*

## 4.4 Amalan Pemberian Makanan Daripada Najis Dalam Industri Akuakultur Di Malaysia

Walaupun dalam Akta Makanan Haiwan (2009), secara jelas menyatakan bahawa penternak perlu melabel dan memaklumkan kandungan makanan yang digunakan untuk diberikan kepada ikan ternakan, namun terdapat laporan ada dalam kalangan penternak telah memberi makanan yang tidak diproses dan tidak toyyib kepada ikan ternakan. Sejak 2006, terdapat pelbagai laporan media mengenai amalan memberi makan haiwan yang boleh dipertikaikan. Misalnya laporan mengenai ikan yang diternak dalam kolam diberi makan usus babi benar-benar mengejutkan pengguna Islam di negara ini. Pada 2009 pula, sesetengah pengusaha dilaporkan telah menternak ikan keli untuk 'membersihkan' air kumbahan dari ladang babi. Pada 2013, seorang penternak ikan didapati bersalah memberi makan usus babi kepada ikan patin ternakannya. Dalam satu kes lain, tengkorak dan tulang haiwan ditemui pada dasar kolam ikan akibat tangki septik pecah. Selepas diuji, sampel tulang itu didapati mempunyai DNA babi. Ia disusuli dengan laporan kes yang hampir sama di Perak di mana didakwa keseluruhan bangkai babi telah digunakan sebagai nutrien untuk ikan Tilapia yang diternak. Seterusnya pada 2017, tengkorak dan tulang belulang telah ditemui di dalam permukaan kolam ternakan ikan air tawar selepas kolam tersebut retak dan kering. Ini menimbulkan spekulasi bahawa bangkai khinzir digunakan sebagai bahan makanan ternakan ikan patin *(Pangasius sutchi)* di Ipoh, Perak.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam Kenyataan Media bertarikh 23 Febuari 2019, memaklumkan bahawa isu pemberian makanan ikan ternakan berasaskan khinzir adalah kes-kes terpencil dan kebanyakan penternak terlibat dalam kes ini tidak berdaftar dengan DOF. DOF sentiasa melaksanakan pemantauan halal kepada ikan dan hasilan ikan sejak tahun 2010 lagi. Pemantauan ini dijalankan secara berkala bagi mengesan kehadiran DNA Porsin (Porcine ID) ke atas produk perikanan seluruh negara. Analisa ini dibuat di makmal Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur dan Bintawa, Sarawak. Antara produk yang dianalisa adalah ikan,

makanan ikan dan tepung ikan. Melalui pemantauan sepanjang tahun 2016, 2017 dan 2018, sebanyak 846 sampel telah diambil. Hanya 4.9 peratus sampel sahaja yang dikesan positif mengandungi DNA Porsin iaitu dari makanan ikan. Bagi menangani masalah tersebut, syarikat pembekal makanan ikan berkenaan telah diambil tindakan serta merta dengan menukarkan ramuan utama (protein) kepada sumber yang halal. Akta Makanan Haiwan 2009, secara jelas memperuntukan di bawah Peraturan Pelabelan yang mengkehendaki setiap pengeluar makanan ternakan untuk melabelkan kandungan ramuan di dalam makanan ternakan yang mereka keluarkan. Kegagalan mematuhi ataupun menipu 2 kandungan ramuan di bawah Peraturan Pelabelan berkenaan dikenakan tindakan keras (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019).

Manakala data terkini yang dikemukakan oleh makmal Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur sejak tahun 2016 sehingga 2019 sebanyak 1008 sampel telah dianalisis dan hanya 3.96% sahaja makanan ikan yang positif mengandungi DNA Khinzir. Trend daripada keputusan analisis mendapati bahawa kehadiran khinzir dalam makanan ikan semakin menurun dari setahun ke setahun. Ini adalah kesan daripada langkah yang diambil oleh Jabatan Perikanan yang memaklumkan keputusan analisis kepada pihak industri. Sekiranya sampel makanan ikan tersebut mengandungi khinzir, syarikat pembekal/ penternak akan dimaklumkan dan perlu menukar ramuan utama (protein) kepada sumber yang halal.

Amalan memberi makan babi sepenuhnya (100%) kepada ikan juga adalah tidak berasas kerana ianya tidak akan memberikan pertumbuhan yang baik kepada ikan ternak dan boleh membantut pertumbuhan ikan. Hal ini kerana ikan ternak memerlukan protein daripada sumber ikan untuk membesar dengan baik. Penggantian protein ikan dengan protein-protein lain, sama ada haiwan atau tumbuhan dalam pemakan ikan hanya boleh dibuat sehingga ke tahap tertentu sahaja kecuali bagi ikan keli. Ikan keli boleh membesar dengan baik dengan penggantian sepenuhnya (100%) tepung ikan dengan protein alternatif seperti tepung usus ayam.

Walaupun bukan amalan biasa, pemberian bangkai haiwan (termasuk babi) kepada ikan ternak boleh berlaku dalam sesetengah keadaan. Contohnya apabila berlaku kes kematian ternakan (akibat penyakit, bencana alam atau kemalangan), bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar dan bangkai terbuang begitu sahaja, penternak yang tidak beretika mungkin membuang bangkai haiwan ke dalam kolam ikan untuk di makan oleh ikan. Justeru penternak boleh mengurangkan kos makanan ikan untuk beberapa hari. Tetapi perkara ini tidak berlaku secara berterusan atau tidak dijadikan amalan biasa. Untuk operasi ladang komersil, penternak atau pengusaha tidak boleh berharap pada kematian haiwan ternakan sebagai sumber bahan makanan ikan ternak kerana ianya tidak mampan, boleh menggugat operasi ternakan kerana bekalan makanan yang tidak konsisten dan kemungkinan berlakunya pemindahan kuman penyakit daripada bangkai haiwan kepada ikan. Oleh itu, amalan biasa penternak skala komersial adalah menggunakan makanan rumusan komersial yang dibeli secara pukal dan distokkan di ladang agar bekalan tidak putus, tempoh ternakan dapat diminimakan dan kualiti ternakan dapat dipelihara.

Pemberian sisa daripada industri ternakan (najis) melalui amalan polikultur atau sistem ternakan integrasi boleh berlaku di ladang-ladang kecil atau ladang persendirian yang tidak berdaftar dengan Jabatan Perikanan atau di laman belakang rumah. Seperti yang dinyatakan, walaupun amalan ini bukanlah praktik biasa dalam kalangan penternak, namun tidak dinafikan ia mungkin dilakukan oleh penternak yang tidak beretika. Setakat ini belum ada daftar berkaitan dengan ladang-ladang kecil dan persendirian di Malaysia. Pemberian bangkai babi dan sisa ternakan babi mungkin boleh berlaku dalam kalangan penternak bukan Muslim.

Walaubagaimanapun pemberian bahan-bahan yang tidak suci daripada sisa industri ternakan ayam seperti usus (yang mungkin masih mengandungi najis) lebih kerap berlaku di Malaysia oleh penternak, sama ada Muslim ataupun bukan Muslim.

Sehingga Febuari 2019 sebanyak 390 penternak ikan telah dipersijilkan di bawah Skim Pensijilan Pertanian Akuakultur (myGAP-Akuakultur) manakala sebanyak 17 buah kilang makanan ikan dan 12 stor penyimpanan makanan ikan telah turut dipersijilkan di bawah skim Pensijilan Kualiti Ikan. Kedua-dua skim pensijilan ini menitikberatkan persoalan Halal di dalam piawaian pensijilan berkenaan. Kegagalan untuk pemohon patuh kepada keperluan halal akan mengakibatkan sijil mereka ditarik balik dan diumumkan kepada pengguna awam (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019).

### 4.5 Status Bau Busuk Ikan *Jallalah* Menurut Sains

Seperti yang telah diterangkan dalam Bab 2, majoriti ulama menghubungkan hukum kepenggunaan haiwan jallalah dengan keadaan bau busuk kesan daripada pemakanan najis oleh haiwan tersebut. Berdasarkan kajian kepustakaan yang dilakukan, belum ada laporan saintifik yang mengaitkan kesan pemberian makanan atau diet kepada haiwan, sama ada lembu, ayam, kambing, unta mahupun ikan untuk melihat perubahan pada ciri bau, khusus bagi menjawab persoalan *fiqh* yang berkaitan dengan haiwan *jallalah*.

Walau bagaimana pun, hasil kajian yang umum berkaitan pemberian makanan atau diet tertentu kepada haiwan ternakan dan kesannya ke atas tumbesaran, kematangan, ciri fizikal, komposisi biokimia dan atribut sensori memang telah banyak dilaporkan. Khususnya bagi ikan, telah dicadangkan dalam beberapa kajian terdahulu, makanan atau diet yang diberikan kepada ikan boleh mempengaruhi kadar tumbesaran (Izquierdo et al., 2003, Webster, 1993), kematangan (Dhas, 2015), rupa luaran (Dong et al., 2012; Chang et al 2008; Chinabut, 2002), komposisi biokimia (Ahmed Baghwetah, 2009; Periagò et al., 2005; Izquierdo et al., 2005; Regost et al., 2003, Izquierdo et al., 2003) serta bau dan rasa ikan (Giovani et al. 2017; Grigorakis 2016; Aniebo et al., 2012). Kajian berkaitan kesan diet ke atas bau dan rasa ikan sebelum ini tidak tertumpu pada persoalan *fiqh* tentang sama ada diet yang dimakan menyebabkan bau ikan berubah menjadi busuk.

Justeru, Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung, Jabatan Perikanan Malaysia telah menjalankan satu kajian khusus berkaitan penentuan pemberian diet yang bercampur najis dalam peratusan tertentu ke atas kandungan nutrien, warna dan atribut sensori (khususnya bau dan rasa) ikan keli dalam tahun 2013. Diet yang digunakan dalam kajian ini adalah diet yang biasa digunakan dalam industri akuakultur di Malaysia. Analisa kandungan nutrien juga dimasukkan dalam skop kajian kerana ramai pengguna Muslim berpendapat apabila ikan keli memakan najis, maka komposisi najis akan diserap masuk dan menjadi darah daging ikan.

Keputusan kajian ini telah diterbitkan dalam laporan berikut: Wan Norhana Md. Noordin, Saadiah Ibrahim, Roslina A. Nawawi, Mutiara Dwi Sari, Nurul Huda (2019). Nutritional composition, sensory evaluation and Halal perspective of African Catfish *(Clarias gariepinus)* fed with diets containing najasa *(impurities). Current Research in Nutrition and Food Science*, 07(2): 436-448.

### 4.5.1 Objektif kajian

Untuk menentukan sama ada pemberian diet yang mengandungi najis dalam peratusan tertentu boleh mempengaruhi komposisi nutrien, warna dan atribut sensori (bau dan rasa) ikan keli.

### 4.5.2 Bahan dan Kaedah

#### 1) Penyediaan ikan keli untuk kajian

*Juvenil* atau anak ikan keli Afrika (purata panjang ~ 4.00 cm) diperolehi daripada kolam swasta di Kepala Batas, Pulau Pinang. Ikan dimasukkan ke dalam tangki empat segi tepat berwarna putih (2 m panjang x 0.5 m lebar x 1.0 m dalam) sebaik sahaja sampai di Institut Penyelidikan Perikanan, Batu Maung, Pulau Pinang. Selepas itu, ikan dibiarkan sehari tanpa makanan. Ikan distabilkan di tempat baru dengan diberi makanan until yang digunakan oleh penternak selama seminggu sebelum eksperimen dimulakan.

Tangki ternakan ikan dengan sistem aliran-terus digunakan dalam kajian ini. Untuk setiap jenis diet, tiga kumpulan 400 benih ikan

(purata berat badan awal: 4.7 ± 2.1 g) diagihkan ke dalam tangki berbeza untuk menghasilkan kepadatan sekitar 140 ekor ikan/m³.



*Pengiraan anak ikan untuk dimasukkan dalam tangki-tangki eksperimen*



*Anak Ikan keli  yang digunakan semasa awal kajian*





*Ikan keli di akhir kajian*

### 2) Pemberian makanan

Ikan diberi makan 3 diet yang berbeza, 2 kali sehari sehingga kenyang (jam 0800 dan 2000) selama 12 minggu (September-November 2013). Tiga jenis diet digunakan dalam eksperimen ini iaitu;

i. makanan rumusan *(until)* import (mengandungi 10-15% mil darah *(blood meal)*
ii. makanan rumusan *(until)* tempatan
iii. usus ayam (dibeli dari pasar, tidak dibersihkan, mengandungi lemak, kulit, kepala dan kaki ayam selain dari usus).


Imported formulated feed (consist of 10% blood and bone meal)


Locally produced formulated feed


100% unprocessed chicken offal from fresh market

### 3) Pengesanan DNA khinzir dalam until import dan tempatan

Pengesanan DNA khinzir dilakukan ke atas until import dan tempatan yang digunakan untuk menentukan sama ada bahan ini mengandungi derivatif khinzir. DNA diekstrak dari sampel until import dan tempatan menggunakan kit ekstraksi DNA komersil. Pasangan primer yang digunakan dalam kajian ini dijujuk menyerupai jujukan kecil dalam *Cytochrome b mitokondria* khinzir *(Sus scrofa)*. Pengesanan DNA khinzir dibuat melalui penggandaan DNA menggunakan mesin *real-time* PCR (Eppendorf, ep Gradient S).




***Rajah 1:*** *Lengkung amplifikasi pengesanan Real-Time PCR ke atas diet-diet yang digunakan dalam kajian. Isyarat daripada kawalan postif (positive control) VIC dan until makanan import (IF) melepasi threshold, menandakan pengesanan jujukan gen khinzir. Isyarat daripada NTC (no-template control) yang terdiri dari sampel air (blank), until tempatan dan usus ayam tidak melepasi threshold menandakan tiada jujukan gen khinzir di kesan.*

## 4) Persampelan ikan untuk analisis

Ikan dituai pada bulan November 2013 apabila mereka mencapai saiz pasaran (min berat 200g/ikan). Ikan tidak diberi makan selama 48 jam sebelum dituai. Untuk analisis ikan di makmal, ikan dari setiap kumpulan rawatan dimatikan dengan menggunakan campuran ais dan garam seperti yang diamalkan dalam industri. Sepuluh ekor ikan ditangkap dari setiap tangki (30 dari setiap rawatan diet) untuk setiap analisis yang dijalankan iaitu: penentuan kandungan nutrien, pengukuran warna dan penilaian sensori. Laporan ini hanya akan menerangkan tentang keputusan penilaian sensori.

## 5) Penilaian sensori ikan keli

Ahli panel penilaian sensori terdiri daripada 10 orang terlatih dari Bahagian Kualiti dan Keselamatan Makanan, Institut Penyelidikan

Perikanan, Pulau Pinang dan pelajar tahun akhir Pusat Pengajian Teknologi Makanan dan Industri, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang yang berumur antara 20-58 tahun. Mereka adalah individu yang tidak merokok dan makan ikan secara rutin. Ahli panel dilatih selama 3 sesi setiap minggu selama 2 minggu untuk menilai 2 sifat penting (bau dan rasa) seperti yang disarankan oleh Chambers dan Röbel (1993) dan Webster et al. (1993). Ikan keli segar yang dibeli dari pasar dan dari kolam ternakan swasta digunakan sebagai piawai dalam latihan. Sesi latihan bermula dengan semua ahli-ahli panel menjana ciri sifat yang mereka anggap penting untuk mengambarkan bau dan rasa ikan keli untuk digunakan dalam aktiviti profil deria





*Sesi latihan penilaian sensori*

Penilaian sensori dijalankan di dalam bilik khas dengan sekatan untuk mengurangkan pertembungan dan interaksi antara ahli panel. Penilaian telah dijalankan ke atas isi ikan keli mentah dan yang dimasak. Untuk mengurangkan perbezaan ketara antara sampel, ikan dengan berat dan saiz badan yang hampir sama digunakan. Bahagian ekor dan kepala ikan dibuang. Kepingan filet (dengan kulit) dihasilkan, dibungkus berasingan dalam kertas kerajang aluminium, dimasak selama 6 minit (100°C) dalam pengukus dan segera dihidangkan kepada panel sensori. Filet ikan masak dihidangkan untuk ahli panel dengan isi putih menghadap ke atas dalam bekas berwarna putih yang berkod di

bawah lampu putih biasa. Empat sifat terpilih dinilai pada skala garisan 12 cm dengan dua point utama (i.e 1.0 pada hujung kiri yang menunjukkan tiada intensiti/ lemah manakala 9.0 di hujung kanan mewakili intensiti yang melampau/tertinggi). Skor intensiti bagi ikan yang diternak di ladang komersil swasta digunakan sebagai rujukan. Ahli panel juga diminta untuk menggambarkan rasa dan bau terbitan yang dikesan. Semua sampel dianalisis sebanyak 2 kali.



*Penyediaan sampel dan analisis sensori*

6) Analisis statistik

Nilai purata dan sisihan piawai dikira mengunakan program EXCEL (Windows 7, 2012 Microsoft Office, Redmond, Washington, Amerika Syarikat). Data ini digunakan untuk analisis varian (ANOVA) menggunakan SPSS 12 (SPSS Inc, Chicago, Illinois, Amerika Syarikat). Purata bacaan dibandingkan dengan ujian Tukey (HSD). Statistik yang signifikan diterima pada p <0.05.

### 4.5.4 Keputusan

Purata skor intensiti bagi setiap atribut dalam filet ikan keli mentah dan yang dimasak dari 3 kumpulan diet ujian ditunjukkan dalam Jadual 6. Secara umumnya, ahli panel mendapati tiada perbezaan yang signifikan (p> 0.05) dalam semua sifatsifat antara ikan keli yang diberi makan dengan until import ataupun until tempatan. Filet ikan keli diberi makan dengan until rumusan import dan tempatan.

**Jadual 3.1:** Penilaian sensori isi ikan keli yang diberi makan 3 jenis diet selama 12 minggu (isi mentah dan yang telah dimasak)

| Skor sensori | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | Atribut sensori | Until import | Until tempatan | Usus ayam |
| Isi mentah | Bau segar biasa | 7.13 ± 1.22a | 6.93 ± 1.23a | 5.05 ± 0.74b |
| | Bau terubah | 1.09 ± 0.04a | 1.16 ± 0.04a | 2.26 ± 0.91b |
| Isi masak | Bau segar biasa | 8.06 ± 0.90a | 7.85 ± 1.26b | 6.09 ± 1.77c |
| | Bau terubah | 1.45 ± 0.21a | 1.39 ± 0.11a | 4.01 ± 0.21b |
| | Rasa segar ikan biasa | 7.47 ± 0.90a | 6.94 ± 1.69a | 4.05 ± 1.77b |
| | Rasa terubah | 1.28 ± 0.16a | 1.33 ± 0.22a | 3.74 ± 0.90b |

*[a]Nilai adalah purata ± sisihan piawai dari tiga eksprimen yang diulang.*
*[b]Purata nilai dalam baris yang sama tanpa superskrip atau superskrip yang sama adalah tidak berbeza dengan ketara (p>0.05).*

**4.5.5 Perbincangan**

Dalam kajian ini, until makanan import dan until yang dikeluarkan di Malaysia dan yang biasa digunakan oleh penternak tempatan dipilih untuk menggambarkan amalan sebenar dalam industri perikanan. Selain itu, usus ayam juga digunakan sebagai kawalan walaupun penggunaan 100% usus ayam sebagai sumber makanan dalam ternakan keli bukanlah amalan sebenar dalam industri. Namun tidak dinafikan penternak kecil-kecilan mungkin ada menggunakan usus ayam yang dicampur dengan dedak, beras hancur, hampas kelapa sebagai makanan ikan keli ternak. Dalam kajian ini, penggunaan 100% usus ayam adalah untuk mensimulasi sama ada penggunaan 100% najis boleh mengubah bau dan rasa ikan keli.

Penilaian sensori ikan keli adalah faktor yang paling penting yang ingin dikaji. Dalam kajian ini, majoriti daripada ahli panel dapat menghidu bau terubah (bau manis daging dan lemak ayam yang dimasak) dan rasa terubah (rasa manis daging ayam) yang ketara dalam sampel ikan keli yang diberi makan usus ayam. Memandangkan ikan yang digunakan dalam ujian sensori adalah ikan yang baru ditangkap dari tangki eksperimen, maka bau dan rasa terubah yang dikesan oleh ahli panel adalah berkait langsung dengan diet yang diberikan sepanjang tempoh ternakan dan bukannya sebatian kimia yang dibebaskan semasa proses kerosakan ikan yang berlaku sebaik sahaja ikan mati.

Disebabkan laporan daripada kajian terdahulu berkaitan analisis sensori ikan keli yang diberi makan diet yang berbeza adalah sangat terhad, maka perbandingan dibuat dengan spesies ikan yang lain. Pemerhatian dalam kajian ini tidak bercanggah dengan laporan terdahulu yang menyatakan kandungan lemak dalam ikan mempengaruhi rasa serta bau isi daging ikan *gilthead sea bream (Sparus aurata)* yang dimasak (Grikoris et al., 2003). Penelitian oleh Johansson (2001) juga melaporkan perubahan dalam profil asid lemak ikan boleh mempengaruhi bau ikan.

Haiwan dianggap *Jallalah* hanya apabila terhasilnya bau busuk ketara yang di luar daripada kebiasaan akibat memakan najis. Penemuan

kajian ini mendapati, memberi ikan keli makan until import yang mengandungi peratus kecil najis (~1015%) telah mengekalkan rasa dan bau asli ikan keli dan tidak menghasilkan bau busuk atau bau yang tidak menyenangkan. Hasil kajian ini juga menunjukkan, ikan keli yang diberi makan 100% najis (usus ayam) menghasilkan bau dan rasa ikan keli yang diluar dari kebiasaan tetapi bukan bau yang busuk atau menjengkelkan.

Penemuan kajian yang dibuat oleh FRI menyokong pemerhatian terdahulu oleh Regost et al. (2003) yang melaporkan ikan *turbot (Psetta maxima)* yang diberi makan 100% diet lemak tambahan minyak *flaxseed* (minyak tumbuhan) menyebabkan isi ikan di bahagian ventral mempunyai bau yang lebih kuat dan secara amnya bau lemak ikan yang lebih berbanding dengan ikan yang diberi makan minyak ikan marin. Sebaliknya pemberian sehingga 60% dan 80% minyak flaxseed dalam diet ikan *gilthead seabream (Sparus aurata)* tidak menemui apa-apa perubahan pada rasa dan bau ikan (Izquierdo et al., 2005; Izquierdo et al., 2003).

### 4.5.6 Kesimpulan

Daripada kajian ini dapat disimpulkan bahawa kehadiran bahan najis dalam peratusan yang kecil dalam makanan ikan tidak memberi kesan ke atas bau dan rasa ikan keli. Walau bagaimanapun, memakan 100% bahan najis (usus ayam) sepanjang tempoh ternakan boleh memberi kesan ke atas bau dan rasa ikan keli. Akan tetapi, bau ikan keli yang terbit kesan daripada memakan najis dalam kajian ini tidaklah busuk dan menjengkelkan. Penemuan kajian ini menunjukkan ikan keli yang diberi makan najis dalam bentuk mil darah khinzir (dalam jumlah yang kecil (10-15%) atau usus ayam (100%) adalah bukan haiwan *jallalah* kerana bau ikan keli tidak berubah menjadi busuk.

## 4.6 Tempoh Kuarantin Ikan Ternak Menurut Sains

Berdasarkan kajian fiqh, para ulama sepakat mengatakan bahawa haiwan jallalah jika dikuarantin dalam suatu tempoh, maka hukumnya akan kembali kepada asal iaitu halal dimakan. Kaedah alternatif ini dirujuk sebagai *al-istibra* atau *al-habs* yang umumnya bermaksud pengkuarantinan.

Satu kajian telah dijalankan di Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung, Pulau Pinang. Kajian telah dijalankan dalam tahun 2011. Hasil kajian telah dilaporkan dalam Wan Norhana, M.N., Gary, A. Dykes, Padilah, B., Ahmad Hazizi, A.A., and Masazurah A.R. (2012). Determination of quarantine period in African catfish (Clarias gariepinus) fed with pig offal offal to assure compliance with halal standards. *Food Chemistry*, 135: 1268-1272.

### 4.6.1 Objektif kajian

Untuk menentukan tempoh proses *istihālah* dan mencadangkan tempoh kurungan/kuarantin untuk ikan keli yang diberi makan organ dalaman khinzir berdasarkan pemeriksaan morfologi dan pencirian molecular (pengecaman deoksiribonukleik asid (DNA)) dalam saluran usus ikan keli. Pemberian organ dalaman khinzir dipilih untuk mewakili senario terburuk yang mungkin berlaku di kolam-kolam ternakan di Malaysia.

### 4.6.2 Kaedah Kajian

Ikan keli Afrika *(Clarias gariepinus)* hidup dengan berat 180-210 g (purata =198.63 g) dan panjang 20.2-27.9 cm (purata = 25.9 cm) diperolehi daripada kolam ternakan ikan keli di Kepala Batas, Seberang Perai, Malaysia. Ikan-ikan ini diberi makan makanan rumusan dan dipuasakan selama 1 hari sebelum dibawa ke Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), Batu Maung. Apabila tiba di hatcheri FRI Batu Maung, ikan-ikan ini diagihkan ke 6 tangki (2 x 0.5 m) dengan kepadatan 50 ikan setiap tangki. Ikan dipuasakan lagi selama sehari bagi mengurangkan tekanan pada ikan akibat pengangkutan dan memastikan saluran penghadaman ikan benar-benar kosong. Beberapa ekor ikan dibelah perutnya dan dikeluarkan saluran penghadaman untuk membuktikan keadaan perut ikan adalah kosong (Gambarfoto 1).

#### 1) Penyediaan makanan dan eksperimen pemberian makanan

Dua jenis makanan digunakan dalam kajian ini;

i. organ dalaman khinzir (terdiri dari lemak, kulit, usus, hati dan paru-paru dan
ii. ikan baja (ikan kecil berkualiti rendah).

Sebelum ujian pemakanan dijalankan, sampel tisu daripada bungkusanbungkusan makanan

yang digunakan dalam kajian telah diambil dan diekstrak kandungan DNA bagi memastikan makanan yang diberikan adalah benar-benar *najasa* (Gambarfoto 2).




***Gambar foto 2:*** *Pengesanan amplikon spesifik khinzir melalui kaedah PCR dalam tisu-tisu sampel makanan yang digunakan dalam eksperimen. Lorong M, penanda saiz molekul (100 pasangan bes); Lorong 1, cebisan usus khinzir, Lorong 2, lemak; Lorong 3, limpa; Lorong 4, ginjal, Lorong 5, paru-paru; Lorong 6, kulit; Lorong 7, darah; Lorong 8, pig perut; Lorong 9, ikan baja; Lorong 10, air dan lorong 11, kawalan positif (DNA khinzir tulen) yang dibekalkan oleh kit Genekam Biotechnology, Germany. Anak panah menunjukkan amplikon spesifik khinzir dengan saiz 387 pasangan bes.*

Suhu air dalam tangki semasa eksperimen adalah dalam julat 28-32.5 ˚C. Tangki-tangki ikan dilengkapi dengan sistem air mengalir dan pengudaraan. Ikan dalam tiga tangki diberi makan organ dalaman khinzir pada 6% berat badan setiap hari pada sebelah pagi (0900). Sebagai kawalan, ikan baja diberikan kepada ikan keli dalam tiga tangki yang lain. Ikan diberi makan setiap pagi selama 9 hari. Pada hari ke 9, makanan diberikan seperti biasa pada pukul 0900. Setengah jam kemudian, sisa makanan dibuang dari tangki dan air ditukar. Pada selang masa 0 (0930), 2, 6, 10, 14, 24, 36 and 48 h, 3 ekor ikan diambil dari setiap tangki, dimatikan dan dibedah untuk pemeriksaan saluran penghadaman (Gambarfoto 3).

## 2) Pencirian molekular kandungan saluran penghadaman

Sampel-sampel makanan dari bahagian-bahagian usus ikan pada setiap 0, 2, 6, 10, 14, 24, 36 and 48 jam, dikeluarkan dari peti sejukbeku dan dinyahbeku. DNA khinzir diekstrak dari sampel-sampel makanan yang diambil dari bahagian usus menggunakan kit DNeasy® Blood and Tissue Kit (Qiagen, Hilden, Germany). Set primer, 12SFW (5'-CCA CCT AGA GGA GCC TGT TCT ATA AT-3') dan 12SR (5' GTT ACG ACT TGT CTC TTC GTG CA-3') (First Base Laboratories, Seri Kembangan, Selangor, Malaysia) digunakan untuk mengenalpasti penanda DNA khinzir menggunakan PCR seperti yang dijelaskan oleh Rodríguez dan rakan-rakan (2003).







***Gambarfoto 3:*** *Pengambilan sampel sisa makanan tercerna dari saluran penghadaman ikan keli dan isi ikan keli untuk analisis molekular serta penyimpanan sampel*

**4.6.3 Keputusan**

i) Pemerhatian keadaan dan kandungan saluran penghadaman

Pada 0 jam, perut dipenuhi dengan cebisan tisu khinzir dalam bentuk dan rupanya yang asalnya. Dari 0 hingga 14 jam, selepas itu, makanan yang tercerna dalam perut bertukar ke pelbagai bentuk dengan berbeza darjah keterlarutan. Selepas 2 jam, penguraian mekanikal makanan telah bermula. Cebisan tisu khinzir bergumpal dan mula melarut. Pada 6 jam, cebisan-cebisan tidak lagi keilhatan sebaliknya menjadi satu bentuk yang lebih homogenous. Makanan yang terhadam kelihatan lebih terlarut pada 10 jam dan menyerupai keju yang meleleh (Gambarfoto 5).

Warna makanan yang tercerna dalam perut pada mulanya berwarna keputihan dan/atau kekelabuan tetapi bertukar menjadi warna seakan susu selepas 10 jam. Hanya sedikit sisa makanan tercerna dan cecair jernih diperhatikan dalam perut pada 14 jam. Secara umumnya perut ikan keli menjadi kosong menjelang 24 jam. Walau bagaimanapun pemerhatian ini tidak sama dalam semua ikan sampel. Ada sampel ikan yang menunjukkan perut yang kosong seawal 6 jam dan kebanyakan yang lain mempunyai perut yang kosong pada jam ke-14.

Pengosongan perut yang cepat dalam perut ikan tertentu mungkin

disebabkan oleh ikan tersebut tidak makan semasa waktu pemberian makan yang terakhir, kurang makan atau lebih aktif berbanding ikan lain, justeru makanan dihadamkan pada kadar yang lebih cepat. Masa antara penamatan pemberian makanan dan kandungan perut menjadi kosong yang diperhatikan dalam kajian ini lebih panjang berbanding dengan kajian-kajian lain. Pengosongan lengkap saluran pencernaan Brazil teleost ikan *Prochilodus scrofa* (19.1 cm panjang; 103.75 g berat) mengambil masa 24 jam (Barbieri dan rakan-rakan, 1998), manakala masa makanan melalui saluran penghadaman untuk ikan kap kepala besar *(Aristichtys nobilis,* 13 cm panjang keseluruhan) pula dilaporkan antara 7.1-12.8 jam (Opuszynski & Shireman, 1991). Perbezaan dalam masa untuk perut menjadi kosong mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti saiz ikan, spesies ikan dan kaedah yang digunakan dalam setiap kajian.

ii) Pencirian molekul kandungan saluran penghadaman

Gambarfoto 6 menunjukkan kehadiran atau ketiadaan DNA khinzir dalam bahan makanan tercerna yang diambil dari perut ikan keli yang diberi makan dengan organ-organ dalaman khinzir selepas 0-72 jam dipuasakan. DNA khinzir dikesan dalam saluran penghadaman ikan keli seawal jam ke-2 dan selewat jam ke -36. Dalam kebanyakan ikan yang disampel (6 daripada 9), DNA khinzir dikesan sehingga jam ke-10 dalam perut (Gambarfoto 6). Tiga ikan lain dari tangki yang sama mempunyai DNA khinzir dalam perut mereka sehingga jam ke-14, 24 dan 36. Keputusan yang didapati menunjukkan bahawa penghadaman banyak berlaku di perut. Pelbagai tempoh masa yang diambil untuk menghadamkan makanan seperti yang diperhatikan dalam kajian ini mungkin disebabkan oleh faktor seperti perbezaan dalam saiz badan, kekenyangan, kadar metabolisme dan tahap kesihatan ikan.

Berbeza dengan perut, DNA khinzir tidak banyak dikesan dalam usus tengah kebanyakan ikan keli (7 daripada 9 tangki). Pemerhatian kami bersamaan dengan pemerhatian Smith dan Lovell, (1973) yang menyatakan penghadaman dan penyerapan

makanan berlaku berterusan di sepanjang saluran penghadaman ikan keli. Smith dan Lovell, (1973) juga menyatakan kebanyakan proses penghadaman berlaku di dalam perut dan berterusan sehingga ke usus. Mereka juga memerhatikan bahawa penyerapan zat makanan berlaku dalam usus tengah dan usus hujung. Dalam kajian ini juga, pertukaran makanan tercerna ke bentuk cecair yang lebih mudah diserap berlaku dalam usus tengah dan hujung. Di samping itu, ketiadaan DNA yang dikesan di dalam usus tengah dan hujung ikan mencadangkan penghadaman lengkap tisu khinzir telah sempurna berlaku.



***Gambar foto 6:*** *Pengesanan amplikon spesifik babi (387 bp) daripada komposisi bahan cerna dalam perut ikan yang diberi makan organ dalaman babi dengan kaedah PCR. Lorong M, penanda saiz molekul (penanda PCR 100 bp); Lorong 1, sebatian cerna pada 0 jam; Lorong 2, sebatian cerna pada 2 jam; Lorong 3, sebatian cerna pada 6 jam; Lorong 4, sebatian cerna pada 10 jam, Lorong 5, sebatian cerna pada 14 jam; Lorong 6, sebatian cerna pada 24 jam; Lorong 7 sebatian cerna pada 36; Lorong 8, sebatian cerna pada 48 jam; Lorong 9, kawalan negatif dan Lorong 10, kawalan positif. A, B dan C mewakil tangki-tangki replikat. Anak panah menunjukkan amplikon spesifik babi 387 bp.*



***Gambar foto 5:*** *Pemerhatian sisa makanan tercerna dalam perut ikan keli*

Ini adalah kajian pertama seumpamanya di dunia yang melaporkan tentang penentuan proses *istihālah* dan tempoh kurungan ikan yang diberi makan najis. Dalam kajian ini, berdasarkan pencernaan lengkap makanan yang dibuktikan dengan ketiadaan DNA khinzir, proses istihalah dalam ikan keli yang diberi makan organ dalaman khinzir boleh mencapai sehingga 36 jam dalam perut ikan, 6 jam dalam usus tengah dan kurang dari 2 jam dalam usus hujung. Keputusan daripada kajian ini diperolehi melalui kaedah penyembelihan bersiri. Kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan termasuk kepelbagaian pengambilan makanan oleh ikan yang berbeza serta tekanan berterusan disebabkan oleh proses penangkapan ikan yang kerap di awalnya (0, 2, 4, 6, 10, 14) menyebabkan pencernaan yang terganggu. Tempoh ini mungkin boleh menjadi lebih cepat dalam ikan keli yang tidak diganggu.

Konsep tempoh kurungan yang dianjurkan oleh para ulama sejak sekian lama ini adalah mirip dengan kaedah *depuration* atau *purging* yang dipraktikkan oleh penternak ikan air tawar di Negara barat. *Depuration* atau *purging* ini adalah umpama tempoh kurungan untuk mengurangkan bau tanah dalam ikan yang diternak di dalam kolam atau tangki. Proses *purging* melibatkan pemeliharaan ikan selama beberapa hari tanpa memberi makan sama sekali di dalam air yang bersih untuk menghilangkan *off flavour* atau kesan bau/rasa lumpur. *Purging* adalah satu-satunya cara yang boleh dipercayai, dan menjimatkan untuk menghapuskan kesan bau dan rasa lumpur pada ikan ternak. Kajian ke atas ikan salmon Atlantik mendapati ikan perlu dimasukkan ke dalam sistem yang mengandungi air yang bebas geosmin (kimia yang menyebabkan bau lumpur) sekurang-kurangnya 10-15 hari untuk mencapai pengurangan yang paling ketara bau lumpur. Kajian lain dengan tilapia memerlukan 16 hari pembersihan dalam air "bersih" untuk menghilangkan geosmin dari tisu otot ikan. Tempoh yang lebih kurang sama iaitu 13-21 diperlukan untuk channel catfish bagi menghilangkan bau tanah.

Selain daripada kajian penentuan tempoh kurungan ikan keli yang



dijalankan oleh FRI, terdapat juga satu kajian yang hampir sama tetapi menggunakan ikan patin. Kajian bertajuk "Kaedah al-istibra haiwan akuatik menurut perspektif Islam dan sains akuakultur: Pangasius sutchii" telah dijalankan oleh pelajar sarjana Universiti Malaysia Pahang (Tengku Nor Hidayati Tengku Zainal Abidin, 2017). Kajian ini turut menggunakan organ-organ khinzir sebagai makanan kepada lima ekor ikan patin dalam akuarium (0.5 mx 0.2m) selama 5 hari sebelum pemeriksaan kandungan saluran penghadaman dan pengesanan DNA khinzir dalam saluran penghadaman dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan sistem pencernaan ikan patin mengambil masa 24 jam bagi pencernaan makanan. Namun penemuan ini tidak dapat digunakan sebagai rujukan kerana replikat dan jumlah sampel yang sedikit digunakan dalam kajian. Lebih penting lagi, ikan yang digunakan dalam kajian ini bersaiz kecil dan bukan bersaiz pasaran memandangkan eksperimen ini diijalankan dalam tangki akuarium. Tidak hairan tempoh degradasi DNA yang

direkodkan dalam kajian ini adalah lebih singkat berbanding kajian oleh FRI serta kajian lain yang menggunakan ikan bersaiz besar (sedia untuk dipasarkan).

Dalam kajian yang lain, Jabatan Perikanan Malaysia dalam Kenyataan Media bertarikh 23 Febuari 2019 menyatakan bahawa berdasarkan penyelidikan yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung mendapati ikan yang diberikan makanan tidak halal berupaya menyucikan badan mereka 72 jam setelah melalui proses istihala (pengasingan – tidak diberikan makan) (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019).

#### 4.6.4 Kesimpulan

Isu makanan ikan mengandungi khinzir adalah isu yang sensitif dan perlu ditangani dengan berhati-hati. Dengan adanya Undang-undang / Peraturan yang berkaitan, kualiti dan keselamatan ikan dan makanan ikan dapat dikawal terutamanya dalam meyakinkan masyarakat bahawa khinzir tidak digunakan dalam pemberian makanan kepada ikan ternakan.

Keputusan kajian ini menunjukkan tempoh maksimum istihalah boleh mencecah 36 jam dalam perut, 6 jam di dalam usus tengah dan kurang dari 2 jam dalam usus hujung. Berdasarkan keputusan ini, tempoh minimum kuarantin yang dicadangkan untuk ikan ternak yang diberi makan najis adalah 1.5 hari atau 36 jam. Manakala dalam Kenyataan Media Jabatan Perikanan Malaysia bertarikh 23 Febuari 2019, dalam kajian lain yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Perikanan (FRI) Batu Maung, tempoh kuarantin ikan yang diberikan makanan tidak halal ialah 3 hari atau 72 jam (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019).



# BAB 5

# PERBINCANGAN, CADANGAN & PENUTUP

# BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN & PENUTUP

## 5.1 Pendahuluan

Bab ini akan melakukan perbincangan hasil daripada analisa data dokumen dan temubual pada bab II, III, dan IV, serta akan mengemukakan cadangan kepada pihak berkepentingan dan seterusnya penutup laporan kajian.

## 5.2 Perbincangan

Dapatan kajian ini dibincangkan berdasarkan objektif kajian.

### 5.2.1 Objektif 1: Menganalisa pendapat ulama berkaitan hukum kepenggunaan haiwan jallalah.

Bagi mencapai objektif pertama kajian ini, data diperoleh daripada dokumen yang terdiri daripada kitab turath karangan ulama muktabar keempat mazhab; Hanafi, Maliki, Syafi'i, dan Hanbali. Data bertema 'jallalah' telah dianalisa daripada 76 kitab turath dalam kajian ini dan telah dianalisa dalam Bab II.

#### 5.2.1.2 Definisi *Jallalah*

Perkataan 'jallalah' berasal daripada bahasa Arab merujuk kepada binatang yang makan 'al-jallah' iaitu tahi binatang atau manusia (Ibn Manzur, 1414H: 11/119).

Manakala menurut istilah, para fuqaha' berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud binatang 'jallalah':

**Pertama:**

*Jallalah* merujuk kepada binatang yang hanya makan najis dan berbau busuk. Pendapat ini adalah pendapat ulama Hanafiyyah (Al-Sarakhsi, 1993: 11/255; al-Zayla'i, 1313H: 6/6; Ibn Nujaym, t.th.: 1/134; 'Ala' al-Din Al-Haskafi, 1992: 6/340; Ibn 'Abidin, 1992: 6/340).

**Kedua:**

*Jallalah* merujuk kepada binatang yang kebanyakan makanannya

> **“Perkataan ‘jallalah’ berasal daripada bahasa Arab merujuk kepada binatang yang makan ‘al-jallah’ iaitu tahi binatang atau manusia.”**

daripada najis. Pendapat ini adalah pendapat ulama Malikiyyah (Ibn Rushd al-Hafid, 2004: 3/18; al-Hattab, 1992: 3/229; al-Sawi, t.th.: 2/180), ulama Hanabilah (Abu Daud al-Sijistani, 1999: 345; Ibn Qudamah, 1994: 1/42; Ibn Abi ‘Umar, t.th.: 11/90; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar’i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687; 1993: 3/411; Al-Ba’li, 2002: 2/785, Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430).

**Ketiga:**

*Jallalah* merujuk kepada binatang yang kebanyakan makanannya daripada najis dan terdapat bau najis tersebut pada binatang itu. Pendapat ini adalah pendapat ulama Syafi’iyah (al-Syafi’i, 2001: 3/629-630; al-Mawardi, 1999: 5/385, 15/147-148; al-Shirazi, t.th.: 454; Imam al-Haramayn, 2007: 18/214; Al-Ghazali, 1417H: 7/165; Al-Qaffal, 1980: 3/353-354; Al-‘Umrani, 2000: 4/508-509; Ibn al-Solah, 1407H: 2/709, 711; al-Hisni, 1994: 524; al-Mahalli, 1995: 4/262; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; ‘Umayrah, 1995: 4/262; Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; Al-Shubramillisi, 1984: 8/156; Al-Jamal, t.th.: 5/274; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386). Pendapat ini juga dikemukakan oleh sebilangan ulama Hanafiyyah (AlSamarqandi, 1994: 3/65; al-Haddadi, 1322H: 2/185; Al-Fatawa al-Hindiyah, 1310H: 5/289).

#### 5.2.1.3 Hukum Kepenggunaan Haiwan Jallalah

Para ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud larangan Nabi Muhammad saw berkaitan haiwan jallalah, ada yang memahaminya sebagai haram dan ada yang menyatakan larangan tersebut hanyalah makruh.

Abdullah bin 'Umar melaporkan:

نَهَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْلِ الْجَلَّالَةِ وَأَلْبَانِهَا

***Maksudnya**: "Rasulullah sallalLah 'alayhi wa sallam melarang daripada makan binatang jallalah dan minum susunya." Hadis sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/351) dan al-Tirmizi (1975: 4/270)*

### Pendapat Pertama: Binatang jallalah haram dimanfaatkan

Pendapat pertama berpendapat bahawa binatang jallalah haram dimanfaatkan, haram dimakan dagingnya, haram diminum susunya, serta haram ditunggang. Pendapat ini merupakan pendapat Imam al-Syafi'i (w 204H) (Al-Syafi'i, 2001: 3/629- 630), sebilangan ulama Syafi'iyah; Imam al-Haramayn (w 478H) (2007: 18/214), Al- Ghazali (w 505H) (1417H: 7/165), Al-Qaffal (w 507H) (1980: 3/353-354), Al-'Umrani (w 558H) (2000: 4/508-509), al-Rafi'i (w 623H) (2013: 1562), dan AlMahalli (w 864H) (1995: 4/262).; pendapat sebilangan ulama Hanafiyah iaitu Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani (w 189H) (Ibn Mawdud al-Musili, 1937: 5/16), Al-Sarakhsi (w 483H) (1993: 11/255), Zayn al-Din al-Razi (w 666H) (1417H: 1/225); dan pendapat Imam Ahmad dan pendapat muktamad ulama Hanabilah (Al-Kausaj, 2002: 5/2251; Ibn Taimiyah, 1984: 2/189; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Shams al-Din Ibn Muflih, 2003: 10/377; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687, 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430)

Pengharaman binatang *jallalah* ini mencakupi semua jenis najis yang dimakan, sama ada najis mutawassitah atau mughallazah. Jika seekor anak kambing membesar menyusu dengan anjing atau babi, maka anak kambing itu haram dimakan kerana ia termasuk dalam kategori binatang jallalah (Al-Mawardi, 1999: 15/148).

Dalil dan hujah bagi pendapat ini ialah:

3) Ayat berkaitan hukum *khaba'ith*
Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِي التَّوْرَاةِ
وَالْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۚ فَالَّذِينَ آمَنُوا
بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

***Maksudnya:*** *"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan* ***mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk;*** *dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya."*

*(Surah al-A'raf: 157)*

Wajh dilalah: Binatang *jallalah* diharamkan kerana ia termasuk dalam kategori benda jijik (khabith) yang diharamkan oleh Allah SWT (al-Sarakhsi, 1993: 11/255; Al-Mawardi, 1999: 15/148)

4) Hadis

Imam al-Syafi'i dan ulama Syafi'iyah lain yang mengatakan haram manfaatkan haiwan *jallalah* berhujah bahawa larangan Nabi Muhammad saw berkaitan haiwan *jallalah* sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin 'Umar, 'Abd Allah bin 'Abbas dan 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As adalah bermaksud haram.

Imam al-Haramayn menjelaskan, "Menurut pendapat yang terpilih dalam mazhab, diharamkan daging binatang jallalah, terdapat athar sahabat yang menunjukkan pengharaman tersebut. 'Illah pengharaman tidak berkaitan dengan banyak atau sedikit najis yang dimakan, namun 'illahnya ialah zahir bau busuk dan ia dapat dikenalpasti semasa menyembelih binatang tersebut." (2007: 18/214)

## Pendapat Kedua: Binatang jallalah makruh dimanfaatkan

Pendapat kedua dalam kalangan ulama menjelaskan bahawa hukum memanfaatkan binatang jallalah adalah makruh. Pendapat ini merupakan pendapat sebilangan ulama Malikiyah (Ibn Rushd al-Hafid, 2004: 3/18). Ini merupakan pendapat muktabar ulama Hanafiyah (Al-Sughdi (w 461H) (1984: 1/233), AlSamarqandi (w 540H) (1994: 3/65), Al-Kasani (w 587H) (1986: 5/39-40), Al-Zayla'i (w 743H) (1313H: 6/10), al-Haddadi (w 800H) (1322H: 2/185-186), Badr al-Din al-'Aini (w 855H) (2000: 11/602), Ibn al-Shihnah (w 882H) (1973: 1/381), Mulla Khasro (w 885H) (t.th.: 1/27), Al-Tahtawi (w 1231H) (1997: 31), 'Ala' al-Din Al- Haskafi (w 1088H) (1992: 6/340), Ibn 'Abidin (w 1252H) (1992: 6/340), Al-Fatawa al-Hindiyah (1310H: 5/289). Ini juga pendapat muktamad ulama Syafi'iyah (alShirazi (476H) (t.th.: 454), Al-'Umrani (w 558H) (2000: 4/508-509), Ibn al-Solah (w 643H) (1407H: 2/709, 711), Al-Nawawi (w 676H) (t.th.: 9/28, 1991: 3/278), Al-Hisni (w 829H) (1994: 524), Zakariyya al-Ansari (w 926H) (t.th.: 568), 'Umayrah (w 957H) (1995: 4/262), Ibn Hajar al-Haytami (w 974H) (1983: 9/386), Al-Sharbini (w 977H) (1994: 6/155), Al-Ramli (w 1004H) (1984: 8/156), Al-Shubramillisi (w 1087H) (1984: 8/156), Al-Jamal (w 1204H) (t.th.: 5/274), Al-Bujayrami (w 1221H) (1950: 4/307) dan Al-Sharwani (w 1301H) (1983: 9/386). Ini juga salah satu pendapat Imam Ahmad (Al-Kausaj, 2002: 5/2251; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90).

Dalil dan hujah pendapat ini merujuk kepada hadis larangan jallalah. Hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin 'Umar, 'Abd Allah bin 'Abbas dan 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As berkaitan larangan memanfaatkan binatang jallalah adalah bermaksud makruh, bukan haram (Al-Mawardi, 1999: 15/147; Al-Shirazi, t.th.: 454).

### Pendapat Ketiga: Binatang *jallalah* harus dimanfaatkan

Pendapat ketiga berpendapat bahawa binatang jallalah adalah harus dimanfaatkan. Ini merupakan pendapat Imam Malik dan sebilangan ulama Malikiyah (Malik, 1994: 542; Abu Sa'id al-Baradhi'i (w 372H) (2002: 2/26), Ibn Rushd (w 520H) (1988: 3/369), Al-Mawwaq (w 897H) (1994: 1/129), dan Al-Hattab (w 954H) (1992: 3/229). Menurut Ibn Rushd (w 520H), "Hujah dibenarkan makan daging kambing yang membesar dengan menyusu kepada babi adalah keharusan makan burung jallalah, kerana para ulama sepakat membenarkan makan binatang jallalah dalam kategori binatang yang makanannya diproses dalam tembolok (dhawat alhawasil) (iaitu burung), tetapi mereka berbeza pendapat berkaitan binatang jallalah dalam kategori binatang ruminan yang makanannya diproses dalam rumen/perut/usus (dhawat al-kurush) (seperti unta, lembu, kambing). Sekumpulan ulama salaf menyatakan makruh makan daging binatang jallalah dan juga makruh minum susunya. Ini berdasarkan apa yang diriwayatkan, 'Sesungguhnya Rasulullah saw melarang daripada makan daging binatang jallalah dan minum susunya.' Berdasarkan kaedah qiyas, hukumnya sama, seperti kata Ibn al-Qasim (w 191H), 'Menurut mazhab Maliki, tiada perbezaan antara hukum makan daging binatang ternakan dan burung yang makan najis, iaitu ia adalah halal dan harus dimakan. Mereka hanya berbeza pendapat pada susu, peluh dan air kencingnya." (1988: 3/369-370) Ulama sepakat berpendapat bahawa haiwan spesis burung seperti burung merpati dan ayam adalah halal dimakan. Walaupun, antara tabiat makanan burung merpati dan ayam yang dibiarkan bebas mencari makanan, ia akan makan antaranya tahi dan benda busuk (Ibn Rushd, 1988; Al-Mawwaq, 1994).

#### 5.2.1.4 Kuarantin

Para ulama sepakat bahawa jika binatang jallalah dikuarantin, maka hukumnya kembali kepada asal iaitu halal dimanfaatkan. Terdapat dua 'illah keperluan kuarantin:

i) Menurut Imam Syafi'I dan ulama Syafi'iyah; sama ada yang mengharamkan haiwan jallalah atau memakruhkannya, juga

pendapat ulama Hanafiyyah, 'illah hukum tersebut adalah bau busuk yang terhasil daripada tabiat makan najis. Oleh itu, kuarantin perlu dilakukan untuk menghilangkan bau busuk

Sumber pendapat Hanafiyah: (Al-Sarakhsi, 1993: 11/256; Al-Samarqandi, 1994: 3/66; Al-Kasani, 1986: 5/40; Al-Zayla'i, 1313H: 6/10; al-Haddadi, 1322H: 2/185- 186; Badr al-Din al-'Aini, 2000: 11/602; 'Ala' al-Din Al-Haskafi, 1992: 6/340; Al-Fatawa al-Hindiyah, 1310H: 5/289) Sumber pendapat Syafi'iyah: (Al-Syafi'i, 2001: 3/629; al-Mawardi, 1999: 15/147; Imam al-Haramayn, 2007: 18/214; al-Ghazali, 1417H: 7/165; al-Rafi'i, 2013: 1562; al-Nawawi, t.th.: 9/28; al-Hisni, 1994: 524; al-Mahalli, 1995: 4/262; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; 'Umayrah, 1995: 4/262; Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; Al-Sharbini, 1994: 6/155; Al-Ramli, 1984: 8/156; Al-Shubramillisi, 1984: 8/156; Al-Jamal, t.th.: 5/274; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386)

ii) Menurut Imam Ahmad dan ulama Hanabilah, *'illah* pengharaman haiwan jallalah adalah tabiat haiwan yang kebanyakan pemakanannya daripada najis. Maka kuarantin perlu dilakukan untuk mengubah tabiat pemakanan haiwan tersebut kepada pemakanan bersih. (Abu Daud al-Sijistani, 1999: 345; Ibn Qudamah, 1994: 1/42; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687; 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430

**1) Hukum Kuarantin**

Para ulama berbeza pendapat berkaitan hukum kuarantin.

i) Menurut ulama yang berpendapat bahawa haiwan *jallalah* haram dimanfaatkan, maka hukum kuarantin adalah wajib.

Sumber ulama Syafi;'iyah: (Al-Syafi'i, 2001: 3/629; Imam al-Haramayn, 2007: 18/214; al-Ghazali, 1417H: 7/165; al-Rafi'i, 2013: 1562; al-Mahalli, 1995: 4/262)

Sumber ulama Hanabilah: (Abu Daud al-Sijistani, 1999: 345; Ibn

Qudamah, 1994: 1/42; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687; 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430)

ii) Manakala, menurut ulama yang berpendapat bahawa haiwan *jallalah* makruh dimanfaatkan, maka kuarantin adalah digalakkan.

Sumber ulama Hanafiyah: Al-Sughdi (w 461H) (1984: 1/233), Al-Samarqandi (w 540H) (1994: 3/65), Al-Kasani (w 587H) (1986: 5/39-40), Al-Zayla'i (w 743H) (1313H: 6/10), al-Haddadi (w 800H) (1322H: 2/185-186), Badr al-Din al-'Aini (w 855H) (2000: 11/602), Ibn al-Shihnah (w 882H) (1973: 1/381), Mulla Khasro (w 885H) (t.th.: 1/27), Al-Tahtawi (w 1231H) (1997: 31), 'Ala' al-Din Al-Haskafi (w 1088H) (1992: 6/340), Ibn 'Abidin (w 1252H) (1992: 6/340), Al-Fatawa al-Hindiyah (1310H: 5/289).

Sumber ulama Syafi'iyah: (al-Mawardi, 1999: 15/147; al-Qaffal, 1980: 3/353-354; al'Umrani, 2000: 4/508-509; Ibn al-Solah, 1407H: 2/709; al-Nawawi, t.th.: 9/28; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; Al-Sharbini, 1994: 6/155; Al-Jamal, t.th.: 5/274; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386)

**2) Tempoh Kuarantin**

Para ulama berbeza pendapat berkaitan tempoh kuarantin.

i) Tempoh kuarantin tidak ditetapkan.

Ia bergantung kepada sejauh mana bau busuk haiwan jallalah dapat dihilangkan ketika tempoh kuarantin. Sumber ulama Hanafiyyah: al-Sarakhsi (1993: 11/256), Al-Kasani (w 587H) (1986: 5/40), Al-Zayla'i (w 743H) (1313H: 6/10), al-Haddadi (w 800H) (1322H: 2/185-186), Badr al-Din al-'Aini (w 855H) (2000: 11/602), Ibn al-Shihnah (w 882H) (1973: 1/381), Al-Fatawa al-Hindiyah (1310H: 5/289). Sumber ulama Syafi'iyah: (al-Mawardi, 1999: 5/385; Al-Nawawi, t.th.: 9/29; alJamal, t.th.: 5/275; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386)

ii) Tempoh kuarantin ditetapkan bagi semua jenis haiwan pada satu tempoh. Menurut Imam al-Syafi'i, ayam jallalah dikuarantin selama tujuh hari dan juga binatang yang lain. Oleh itu, menurut pendapat beliau, tempoh minima kuarantin jallalah ialah tujuh hari (Al-Syafi'i, 2001: 3/629-630). Menurut Ibn Mawdud al-Musili, ulama Hanafiyah, ditetapkan untuk semua jenis haiwan jallalah, dikuarantin tiga hari (Ibn Mawdud al-Musili, 1937: 5/16). Menurut al-Sarakhsi; ulama Hanafiyah, sepuluh hari (Al-Sarakhsi, 1993: 11/256). Menurut satu pendapat Imam Ahmad, kesemua jenis binatang jallalah dikuarantin selama tiga hari berdasarkan athar 'Abd Allah bin 'Umar dan para ulama Hanabilah memilih ini adalah pendapat muktamad dalam mazhab (Ibn Qudamah al-Maqdisi, 1994: 1/559, t.th.: 9/414; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/92; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/367; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687, 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430). Menurut Abu Ishaq al-Shalanji (w 230H) kesemua binatang jallalah perlu dikuarantin selama empat puluh hari (Burhan alDin Ibn Muflih, 1997: 8/13; Al-Mardawi, t.th.: 10/367).

iii) Tempoh kuarantin ditetapkan mengikut jenis haiwan; unta dikuarantin empat puluh hari, lembu tiga puluh hari, kambing tujuh hari, ayam dan binatang lain tiga hari.

Sumber ulama Hanafiyah: (Al-Razi, 1417H: 1/225; Badr al-Din al-'Aini, 2000: 11/602; Ibn al-Shihnah, 1973: 1/381). Menurut fatwa Fakhr al-Din Qadhi Khan al-Hanafi (w 592H), tempoh kuarantin burung adalah sehari (Al-Fatawa al-Hindiyah 1310H: 5/298)

Sumber ulama Syafi'iyah: (al-Mawardi, 1999: 5/385; al-Shirazi, t.th.: 454; al-Qaffal, 1980: 3/353-354; al-'Umrani, 2000: 4/509; al-Nawawi, t.th.: 9/28; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; al-Jamal, t.th.: 5/275; Al-Bujayrami, 1950: 4/307; Al-Sharwani, 1983: 9/386).

Tempoh ini merujuk kepada athar sahabat. 'Abd Allah bin Umar menjelaskan, "Binatang jallalah perlu diberi makan makanan yang bersih. Unta dikuarantin selama empat puluh hari, kambing tujuh hari dan ayam tiga hari." (al-Shirazi, t.th.: 454; alNawawi, t.th.: 9/28; Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568)

### 3) Kaedah Kuarantin

Para ulama berbeza pendapat berkaitan kaedah kuarantin.

i) Ketika tempoh kuarantin haiwan jallalah perlu diberi makan makanan yang bersih dan bebas daripada bahan najis.

Sumber ulama Hanafiyah: (al-Sughdi, 1984: 1/233; Al-Sarakhsi, 1993: 11/256; Al-Samarqandi, 1994: 3/65-66; al-Haddadi, 1322H: 2/185-186; Badr al-Din al- 'Aini, 2000: 11/602; Al-Fatawa al-Hindiyah, 1310H: 5/290)

Sumber ulama Hanabilah: (Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/367; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416-417; Ibn Qasim, 1397H: 7/430).

ii) Ketika tempoh kuarantin tidak disyaratkan haiwan jallalah diberi makan makanan yang bersih dan bebas bahan najis. Jika tidak diberi makan sekalipun dan bau busuk pada haiwan itu hilang ketika tempoh kuarantin, maka syarat kuarantin telah dipenuhi.

(Zakariyya al-Ansari, t.th.: 568; Al-Sharbini, 1994: 6/155).

iii) Ketika tempoh kuarantin tidak disyaratkan haiwan diberi makanan yang bersih, bahkan jika diberi makan dengan bahan mutanajjis sekalipun ia sudah memenuhi syarat kuarantin.

(Ibn Hajar al-Haytami, 1983: 9/386; Al-Jamal, t.th.: 5/275)

### 4) Hukum lain berkaitan *jallalah*

1. Hukum memberi binatang ternakan makan najis

Para ulama berbeza pendapat berkaitan hukum penternak memberikan binatang ternakannya makan najis.

i) Menurut pendapat ulama yang mengharamkan mengambil manfaat haiwan jallalah, maka haram penternak memberikan binatang ternakannya makan najis (Al-Mardawi, t.th.: 10/367; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311). Namun, menurut al-Hijjawi (w 968H) jika binatang ternakan itu masih belum mahu disembelih atau diperah susunya, maka tidak dilarang untuk memberinya makan daripada najis (t.th.: 4/311). Pendapat ini turut disokong oleh al-Buhuti (w 1051H) (1993: 3/411), Al-Ba'li (w 1192H) (2002: 2/785), dan Al-Rahibani (w 1243H) (1994: 6/315).

ii) Menurut pendapat ulama yang tidak mengharamkan haiwan *jallalah*, mereka mengharuskan penternak untuk memberikan binatang ternakannya makan najis. Ini merupakan pendapat Imam Malik dan ulama Malikiyah. Al-Qarafi (w 684H) menjelaskan, Imam Malik menyatakan dalam kitab al-Mudawwanah, tidak mengapa memberikan lebah makan daripada najis (1994: 1/188). Al-Hattab (w 954H) menjelaskan, menurut Imam Malik, lebah yang makan najis, madu yang dihasilkan adalah suci (1992: 1/92). Ibn al-Qasim (w 191H) menjelaskan, burung yang diburu, diumpan dengan minum arak, lalu burung itu minumnya dan mabuk, maka halal makan daging burung tersebut (al-Hattab, 1992: 1/92).

iii) Menurut pendapat yang menyatakan haiwan jallalah makruh dimanfaatkan, maka hukum penternak memberikan binatang ternakannya dengan makanan najis juga makruh. Ibn al-Sabbagh (w 477H) menjelaskan fatwanya dalam kitab 'al-Shamil fi al-Fiqh', "Makruh memberikan binatang ternakan makan najis." (Al-Nawawi, 1991: 3/279) Pendapat ini turut dinyatakan oleh Al-Ramli (w 1004H) (1984: 8/156), AlShubramillisi (w 1087H) (1984: 8/156) dan Al-Shubramillisi menambah, "Tidak makruh memberikan binatang ternakan makan makanan yang mutanajjis."

(1984: 8/156). Al-Jamal (w 1204H), menjelaskan, hukum makruh tersebut merujuk kepada najis 'aini yang diberikan kepada ternakan (t.th.: 5/274) dan selanjutnya beliau memberikan contoh makanan mutanajjis ialah tepung yang diuli menggunakan air najis (al-Jamal, t.th.: 5/275). Pendapat ini turut disokong oleh Al-Bujayrami (w 1221H) (1950: 4/307) dan Al-Sharwani (w 1301H) (1983: 9/386).

2. Makanan haiwan yang bercampur dengan najis

   Al-Nawawi menjelaskan, "Jika tepung diuli dengan air najis dan kemudian menjadikannya roti, maka ia menjadi najis dan haram dimakan. Namun, roti itu boleh diberikan kepada kambing, unta, atau lembu dan binatang ternakan yang lain." (alNawawi, t.th.: 9/29, 1991: 3/279) Pendapat ini turut disokong oleh Al-Sharbini (1994: 6/155).

3. Hukum jual beli binatang *jallalah*

   Binatang *jallalah* yang masih belum dikuarantin adalah halal untuk dijualbeli.

   Sumber ulama Hanafiyah: (Al-Kasani, 1986: 5/40; Ibn Mawdud al-Musili, 1937: 5/16; Ibn al-Shihnah, 1973: 1/381; Ibn 'Abidin, 1992: 6/340).

   Sumber ulama Syafi'iyah: (Al-Mawardi, 1999: 5/385).

**5.2.2 Objektif 2: Menganalisa amalan pemberian makanan daripada najis dalam industri akuakultur di Malaysia**.

Bagi mencapai objektif kedua kajian, data diperoleh daripada dokumen yang terdiri daripada artikel jurnal, buku, dan statut. Data tersebut telah dibincangkan dalam Bab IV. Kesimpulan daripada analisa tersebut:

i) Undang-Undang / Peraturan Berkaitan Haiwan Ternakan dan Makanan Haiwan Di Malaysia

   Di Malaysia, terdapat beberapa Akta dan Peraturan yang berkaitan dengan makanan haiwan yang telah dibangun dan digazetkan oleh pihak berwajib. Kesedaran tentang

kepentingan mengawal kualiti makanan haiwan mula meningkat terutamanya selepas penularan wabak Lembu Gila (*Bovine Spongiform Encephalopathy*) pada pertengahan tahun 1980an.

a) Akta Makanan Haiwan 2009 (Akta 698)
b) Peraturan-peraturan Makanan Haiwan 2012
c) Standard Makanan Halal (MS1500:2019)
d) Standard Makanan Ikan Rumusan MS 2538:2013
e) Amalan Pengilangan Baik (GMP) dan Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP)
f) Pensijilan *Malaysian Good Agricultural Practice* (MyGAP)

ii) Jenis Makanan Yang Diberikan Kepada Ikan Ternakan di Malaysia

Aktiviti akuakultur di Malaysia bermula di sekitar tahun 1970-an di mana penternakan benih ikan liar dalam kurungan di tepi sungai diberi nasi, roti, telur dan sebagainya sebagai makanan. Dengan kepesatan teknologi, ia telah membangun dengan pemberian makanan pelet berformula kepada ternakan ikan dan tilapia seawal 1980-an. Sehingga lewat 1990-an kebanyakan penternak ikan laut masih bergantung kepada ikan baja (hasil sampingan pukat tunda) untuk memberi makan ikan terutama siakap dan kerapu dari peringkat asuhan sehingga ternakan. Bermula 1999 sehingga sekarang, penternak ikan laut telah menggunakan makanan pelet berformula untuk ikan siakap. Penternak boleh mendapatkan makanan pelet berformula di pasaran bermula dari peringkat asuhan hingga ternakan. Penggunaan makanan pelet dapat mempercepatkan kadar tumbesaran ikan, higenik dan mudah dikendalikan atau disimpan.

**Dalam sistem akuakultur semi-intensif berskala sederhana, biasanya sumber makanan semulajadi dan makanan rumusan digunakan bersama-sama.**

**Sistem ternakan intensif atau super intensif yang berskala komersial, biasanya bergantung sepenuhnya pada makanan rumusan komersial untuk**

**operasi ternakan. Makanan rumusan komersil biasanya dikeluarkan oleh pengilang dalam negara atau diimport daripada luar. Tepung ikan *(fish meal)* adalah komponen utama dalam makanan rumusan komersial daripada segi kos dan fungsi. Tepung ikan adalah produk komersial yang dibuat daripada ikan baja (ikan bersaiz kecil serta dari spesies yang tidak dimakan oleh manusia) atau sisa industri perikanan. Tepung ikan adalah sumber protein dan lemak utama dalam makanan rumusan ikan yang sangat baik untuk tumbesaran ikan ternak. Memandangkan harga tepung ikan semakin mahal di pasaran, makanan rumusan ikan kini, biasanya dicampur dengan sebatian protein alternatif daripada sisa industri haiwan ternakan (termasuk babi) seperti darah, tulang, bulu dan sisa dalam peratusan tertentu sebagai pengganti tepung ikan.**

Secara amnya, makanan ikan menyumbang dari 60 hingga 70% kepada kos operasi bagi sesuatu spesis ikan yang diternak. Makanan bagi induk dan ternakan untuk saiz komersial memberikan impak yang besar kepada kos pengoperasian ternakan ikan baik ikan marin mahu pun ikan air tawar. Trend harga makanan ikan air tawar meningkat dari RM2.50/kg pada 2007 telah meningkat kepada RM4.00/kg pada 2016 manakala harga bagi makanan ikan marin telah meningkat dari RM4.00/kg pada 2007 kepada RM6.50 pada 2016. Harga makanan pelet mahal adalah disebabkan oleh bahan mentah import yang mahal, khususnya tepung ikan atau 'fishmeal' dan bahanbahan mentah import lain seperti tepung soya, jagung dan sebagainya. Selain daripada itu, kos pengoperasian yang melibatkan mesin dan tanggungan yang tinggi telah meningkatkan lagi harga pengeluaran bagi makanan pelet. Oleh itu, pilihan makanan yang lebih murah adalah sangat kritikal bagi mengawal harga kos penternakan ikan.

Atas faktor kos, penternak mula beralih kepada pilihan yang lebih murah iaitu dengan memberi ramuan mentah yang tidak diproses seperti ikan baja, perut ayam dan bangkai haiwan

ternakan sebagai makanan untuk spesies kerapu, keli dan patin.

**Antara bahan mentah yang boleh digunakan dalam pembuatan makanan rumusan ikan yang terdiri daripada bahan najis seperti mil darah *(blood meal)*, mil daging dan tulang *(meat and bone meal)* serta lemak khinzir *(lard)*.**

iii) Amalan Pemberian Makanan Daripada Najis Dalam Industri Akuakultur Di Malaysia

Walaupun dalam Akta Makanan Haiwan (2009), secara jelas menyatakan bahawa penternak perlu melabel dan memaklumkan kandungan makanan yang digunakan untuk diberikan kepada ikan ternakan, namun terdapat laporan ada dalam kalangan penternak telah memberi makanan yang tidak diproses dan tidak toyyib kepada ikan ternakan. Sejak 2006, terdapat pelbagai laporan media mengenai amalan memberi makan haiwan yang boleh dipertikaikan. Misalnya laporan mengenai ikan yang diternak dalam kolam diberi makan usus babi benar-benar mengejutkan pengguna Islam di negara ini. Pada 2009 pula, sesetengah pengusaha dilaporkan telah menternak ikan keli untuk 'membersihkan' air kumbahan dari ladang babi. Pada 2013, seorang penternak ikan didapati bersalah memberi makan usus babi kepada ikan patin ternakannya. Dalam satu kes lain, tengkorak dan tulang haiwan ditemui pada dasar kolam ikan akibat tangki septik pecah. Selepas diuji, sampel tulang itu didapati mempunyai DNA babi. Ia disusuli dengan laporan kes yang hampir sama di Perak di mana didakwa keseluruhan bangkai babi telah digunakan sebagai nutrien untuk ikan Tilapia yang diternak. Seterusnya pada 2017, tengkorak dan tulang belulang telah ditemui di dalam permukaan kolam ternakan ikan air tawar selepas kolam tersebut retak dan kering. Ini menimbulkan spekulasi bahawa bangkai khinzir digunakan sebagai bahan makanan ternakan ikan patin *(Pangasius sutchi)* di Ipoh, Perak.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) dalam Kenyataan Media bertarikh 23 Febuari 2019, memaklumkan

bahawa isu pemberian makanan ikan ternakan berasaskan khinzir adalah kes-kes terpencil dan kebanyakan penternak terlibat dalam kes ini tidak berdaftar dengan DOF. DOF sentiasa melaksanakan pemantauan halal kepada ikan dan hasilan ikan sejak tahun 2010 lagi. Pemantauan ini dijalankan secara berkala bagi mengesan kehadiran DNA Porsin (Porcine ID) ke atas produk perikanan seluruh negara. Analisa ini dibuat di makmal Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur dan Bintawa, Sarawak. Antara produk yang dianalisa adalah ikan, makanan ikan dan tepung ikan. Melalui pemantauan sepanjang tahun 2016, 2017 dan 2018, sebanyak 846 sampel telah diambil. Hanya 4.9 peratus sampel sahaja yang dikesan positif mengandungi DNA Porsin iaitu dari makanan ikan. Bagi menangani masalah tersebut, syarikat pembekal makanan ikan berkenaan telah diambil tindakan serta merta dengan menukarkan ramuan utama (protein) kepada sumber yang halal. Akta Makanan Haiwan 2009, secara jelas memperuntukan di bawah Peraturan Pelabelan yang mengkehendaki setiap pengeluar makanan ternakan untuk melabelkan kandungan ramuan di dalam makanan ternakan yang mereka keluarkan. Kegagalan mematuhi ataupun menipu 2 kandungan ramuan di bawah Peraturan Pelabelan berkenaan dikenakan tindakan keras (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019).

Manakala data terkini yang dikemukakan oleh makmal Biosekuriti Perikanan Kuala Lumpur sejak tahun 2016 sehingga 2019 sebanyak 1008 sampel telah dianalisis dan hanya 3.96% sahaja makanan ikan yang positif mengandungi DNA Khinzir. Trend daripada keputusan analisis mendapati bahawa kehadiran khinzir dalam makanan ikan semakin menurun dari setahun ke setahun. Ini adalah kesan daripada langkah yang diambil oleh Jabatan Perikanan yang memaklumkan keputusan analisis kepada pihak industri. Sekiranya sampel makanan ikan tersebut mengandungi khinzir, syarikat pembekal/ penternak akan dimaklumkan dan perlu menukar ramuan utama (protein) kepada sumber yang halal.

Amalan memberi makan babi sepenuhnya (100%) kepada ikan juga adalah tidak berasas kerana ianya tidak akan memberikan pertumbuhan yang baik kepada ikan ternak dan boleh membantut pertumbuhan ikan. Hal ini kerana ikan ternak memerlukan protein daripada sumber ikan untuk membesar dengan baik. Penggantian protein ikan dengan protein-protein lain, sama ada haiwan atau tumbuhan dalam pemakan ikan hanya boleh dibuat sehingga ke tahap tertentu sahaja kecuali bagi ikan keli. Ikan keli boleh membesar dengan baik dengan penggantian sepenuhnya (100%) tepung ikan dengan protein alternatif seperti tepung usus ayam.

Walaupun bukan amalan biasa, pemberian bangkai haiwan (termasuk babi) kepada ikan ternak boleh berlaku dalam sesetengah keadaan. Contohnya apabila berlaku kes kematian ternakan (akibat penyakit, bencana alam atau kemalangan), bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar dan bangkai terbuang begitu sahaja, penternak yang tidak beretika mungkin membuang bangkai haiwan ke dalam kolam ikan untuk di makan oleh ikan. Justeru penternak boleh mengurangkan kos makanan ikan untuk beberapa hari. Tetapi perkara ini tidak berlaku secara berterusan atau tidak dijadikan amalan biasa. Untuk operasi ladang komersil, penternak atau pengusaha tidak boleh berharap pada kematian haiwan ternakan sebagai sumber bahan makanan ikan ternak kerana ianya tidak mampan, boleh menggugat operasi ternakan kerana bekalan makanan yang tidak konsisten dan kemungkinan berlakunya pemindahan kuman penyakit daripada bangkai haiwan kepada ikan. Oleh itu, amalan biasa penternak skala komersial adalah menggunakan makanan rumusan komersial yang dibeli secara pukal dan distokkan di ladang agar bekalan tidak putus, tempoh ternakan dapat diminimakan dan kualiti ternakan dapat dipelihara.

Pemberian sisa daripada industri ternakan (najis) melalui amalan polikultur atau sistem ternakan

**integrasi boleh berlaku di ladang-ladang kecil atau ladang persendirian yang tidak berdaftar dengan Jabatan Perikanan atau di laman belakang rumah. Seperti yang dinyatakan, walaupun amalan ini bukanlah praktik biasa dalam kalangan penternak, namun tidak dinafikan ia mungkin dilakukan oleh penternak yang tidak beretika. Setakat ini belum ada daftar berkaitan dengan ladang-ladang kecil dan persendirian di Malaysia. Pemberian bangkai babi dan sisa ternakan babi mungkin boleh berlaku dalam kalangan penternak bukan Muslim. Walaubagaimanapun pemberian bahanbahan yang tidak suci daripada sisa industri ternakan ayam seperti usus (yang mungkin masih mengandungi najis) lebih kerap berlaku di Malaysia oleh penternak, sama ada Muslim ataupun bukan Muslim.**

Sehingga Febuari 2019 sebanyak 390 penternak ikan telah dipersijilkan di bawah Skim Pensijilan Pertanian Akuakultur (myGAP-Akuakultur) manakala sebanyak 17 buah kilang makanan ikan dan 12 stor penyimpanan makanan ikan telah turut dipersijilkan di bawah skim Pensijilan Kualiti Ikan. Kedua-dua skim pensijilan ini menitikberatkan persoalan Halal di dalam piawaian pensijilan berkenaan. Kegagalan untuk pemohon patuh kepada keperluan halal akan mengakibatkan sijil mereka ditarik balik dan diumumkan kepada pengguna awam (Jabatan Perikanan Malaysia, 2019).

**5.2.3 Objektif 3: Mencadangkan pentarjihan hukum penternak memberikan ternakan makanan daripada najis.**

Pencapaian objektif ketiga kajian ini diperoleh melalui data dokumen dan temubual. Data tersebut telah dianalisa dalam Bab II dan III. Berdasarkan analisa yang telah dilakukan kajian ini mencadangkan pentarjihan hukum: Penternak adalah dilarang daripada memberikan binatang ternakannya makan makanan berbentuk najis 'aini atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis; sama ada najis itu dalam kategori najis *mughallazah* atau *mutawassitah*.

Cadangan ini merujuk kepada pendapat Imam al-Syafi'i (w 204H) (Al-Syafi'i, 2001: 3/629-630), sebilangan ulama Syafi'iyah yang terdiri daripada Imam alHaramayn (w 478H) (2007: 18/214), Al-Ghazali (w 505H) (1417H: 7/165), Al-Qaffal (w 507H) (1980: 3/353-354), Al-'Umrani (w 558H) (2000: 4/508-509), al-Rafi'i (w 623H) (2013: 1562), dan Al-Mahalli (w 864H) (1995: 4/262).; pendapat sebilangan ulama Hanafiyah iaitu Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani (w 189H) (Ibn Mawdud al-Musili, 1937: 5/16), Al-Sarakhsi (w 483H) (1993: 11/255), Zayn al-Din al-Razi (w 666H) (1417H: 1/225); dan pendapat Imam Ahmad dan pendapat muktamad ulama Hanabilah (Al-Kausaj, 2002: 5/2251; Ibn Taimiyah, 1984: 2/189; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Shams al-Din Ibn Muflih, 2003: 10/377; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687, 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430).

Dalil dan hujah:

1) Ayat al-Quran berkaitan hukum *khaba'ith*

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِي التَّوْرَاةِ
وَالْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۚ فَالَّذِينَ آمَنُوا
بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

***Maksudnya:*** *"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik,* ***dan mengharamkan kepada mereka segala***

***benda yang buruk;*** *dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya."*

*(Surah al-A'raf: 157)*

Wajh dilalah: Binatang jallalah diharamkan kerana ia termasuk dalam kategori benda jijik *(khabith)* yang diharamkan oleh Allah SWT (Al-Mawardi, 1999: 15/148). Binatang jallalah termasuk dalam kategori benda yang jijik *(khabith)* dan ia berpunca daripada tindakan penternak memberikan binatang ternakannya makan najis. Maka tindakan penternak memberikan binatang ternakan makan daripada najis atau makanan yang bercampur najis juga adalah haram.

2) Perintah Allah agar hamba-Nya makan makanan yang halal dan tayyib

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُوا۟ مِمَّا فِى ٱلْأَرْضِ حَلَٰلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ
إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

***Maksud:*** *"Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."*

*(Surah al-Baqarah, 2 : 168)*

Wajh dilalah: Imam al-Tobari menjelaskan tafsiran ayat ini bahawa Allah memerintahkan kepada hamba-Nya: Wahai sekalian manusia, makanlah apa yang Aku halalkan atas kalian sebagaimana yang disabdakan oleh Rasul SAW, di mana Aku halalkan bagi kamu apa yang kamu haramkan *(bahirah, sa'ibah, washilah* dan *haam)* dan diharamkan kepada kamu (bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih bukan atas nama-Ku) dan tinggalkanlah langkah-

langkah syaitan yang celaka, dan janganlah kamu mengikutinya. Sesungguhnya dia musuh yang nyata bagi kamu disebabkan keengganan mereka sujud kepada Nabi Adam a.s sehinggakan mereka diusir dari syurga. Maksud halalan toyyiba menurut al-Tobari adalah halal secara mutlak, suci tidak najis dan tidak haram (al-Tobari, 2009: 2/742-744).

Sains membuktikan makanan yang dimakan oleh binatang dan kemudian binatang itu dimakan oleh manusia, ia boleh mempengaruhi tahap kesihatan dan keselamatan manusia, seperti kes penyakit lembu gila. Najis dan kotoran mengandungi bakteria, parasit dan kuman yang boleh memudaratkan manusia. Jika haiwan ternakan diberikan makanan daripada najis dan kotoran, maka ia menjadikan haiwan itu tidak halal dan tidak tayyib (Brown et. al, 2001; Cox, 2002; el-Naggar, 2005; Hamidah, 2009: 73; Mohd Farhan Bin Md Ariffin, 2019). Memberikan binatang ternakan makan makanan daripada najis akan menjadikan binatang itu tidak tayyib, maka tindakan itu adalah dilarang bagi mengelakkan pengguna memakan makanan yang dilarang.

3) Hadis larangan mengambil manfaat daripada binatang jallalah

Abdullah bin ‘Umar melaporkan:

نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْلِ الْجَلَّالَةِ وَأَلْبَانِهَا

***Maksudnya:*** *“Rasulullah sallalLah ‘alayhi wa sallam melarang daripada makan binatang jallalah dan minum susunya.” Hadis sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/351) dan al-Tirmizi (1975: 4/270).*

Wajh dilalah: Larangan Nabi Muhammad saw berkaitan haiwan jallalah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh ‘Abd Allah bin ‘Umar, ‘Abd Allah bin ‘Abbas dan ‘Abd Allah bin ‘Amr bin al-‘As adalah bermaksud haram. Imam al-Haramayn menjelaskan,

"Menurut pendapat yang terpilih dalam mazhab, diharamkan daging binatang jallalah, terdapat athar sahabat yang menunjukkan pengharaman tersebut. 'Illah pengharaman tidak berkaitan dengan banyak atau sedikit najis yang dimakan, namun 'illahnya ialah zahir bau busuk dan ia dapat dikenalpasti semasa menyembelih binatang tersebut." (2007: 18/214)

Al-Rahibani (w 1243H) menjelaskan, pengharaman jallalah berdasarkan hadis, "Nabi Muhammad saw melarang makan daging haiwan jallalah dan minum susunya" membuktikan bahawa istihalah tidak mengubah status najis kepada suci. Ini disebabkan, jika istihalah boleh mengubah status status najis kepada suci, maka sudah tentu Nabi Muhammad saw tidak melarang makan daging haiwan yang makan najis dan minum susunya, kerana istihalah telah berlaku pada daging dan susu haiwan tersebut (1994: 1/229).

Menurut Imam Ahmad, haram memberi binatang ternakan yang dimakan dagingnya makan najis (Al-Mardawi, t.th.: 10/367; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311). Ibn Qudamah al-Maqdisi (w 620H) menjelaskan, "Imam Ahmad disoal berkaitan tukang buat roti yang telah selesai membuat roti lalu ingin menjualnya, tetapi apabila dia melihat di tempat membuat roti, didapati dalam bekas air terdapat bangkai tikus. Imam Ahmad menjawab, 'Tukang buat roti itu tidak boleh menjual roti itu kepada sesiapa. Jika dia sudah menjualnya, maka dia perlu mengambil semula roti itu dan mengembalikan wang yang telah dibayar. Jika dia tidak dapat mengenalpasti pembeli, wang yang telah diterima perlu disedekahkan. Roti najis itu boleh diberi makan kepada binatang yang tidak dimakan dagingnya. Roti najis itu tidak boleh diberi makan kepada binatang ternakan yang dimakan dagingnya. Jika ia telah diberi makan kepada binatang ternakan yang dimakan dagingnya, binatang itu tidak boleh disembelih, melainkan setelah dikuarantin selama tiga hari, kerana binatang itu telah menjadi binatang jallalah.'" (Ibn Qudamah al-Maqdisi, t.th.: 9/429)

Burhan al-Din Ibn Muflih (w 884H) menjelaskan dalam kitabnya 'al-Mubdi'', haram memberikan binatang ternakan makan najis. Begitu juga haram memberi makan

binatang ternakan berdekatan dengan najis. Hukum pengharaman ini ditetapkan secara umum, sama ada tempoh antara memberi makanan itu masih lama sebelum hendak disembelih atau dimakan, atau dalam tempoh yang dekat (1997: 8/13).

4) Hadis yang melarang melakukan perbuatan yang memudaratkan 'Abd Allah bin 'Abbas melaporkan, Rasulullah saw bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

***Maksudnya:*** *"Tidak boleh melakukan perbuatan mudarat dan tidak boleh menyebabkan kemudaratan kepada orang lain." Hadis diriwayatkan oleh Imam Ahmad (2001: 5/55) dan Ibn Majah (t.th.: 2/784).*

Imam Malik (2004: 4/1078) dan Imam al-Syafi'I (1400H: 1/225) meriwayatkan hadis ini melalui sanad Yahya al-Mazini seacara mursal. Al-Hakim (1990: 2/66) meriwayatkan melalui sanad muttasil Yahya al-Mazini daripada Abu Sa'id al-Khudri.

Wajh dilalah: Tindakan penternak memberikan binatang ternakannya makan najis dan kotoran boleh menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan manusia yang memakan binatang tersebut. Kerana sains parasitologi membuktikan bakteria, parasit dan kuman yang terdapat pada najis dan kotoran, jika dimakan oleh binatang, ia boleh ditransmisi kepada manusia yang memakan binatang tersebut (Cox, 2002; el-Naggar, 2005; Hamidah, 2009).

5) Sad al-Dhari'ah

Penternak dilarang memberi ikan ternakan dengan makanan utama daripada najis sebagai langkah sad al-zarai' di samping menjaga sensiviti umat Islam (JAKIM, 2006)

Cadangan pentarjihan hukum ini adalah selari dengan keputusan: Mesyuarat Panel Kajian Syariah Kali ke-54 yang bersidang pada 23-25 Febuari 2006, Fatwa Negeri Kelantan 2006, Fatwa Negeri Selangor 2007 (Diwartakan), Fatwa

Majelis Ulama Indonesia Nomor: 52 Tahun 2012, dan Keputusan Majma' al-Fiqh al-Islami alDawli 2015 Ketetapan 210 (22/6).

**5.2.4 Objektif 4: Mencadangkan pentarjihan hukum pengguna menggunakan produk berasaskan ternakan jallalah yang tidak dikuarantin.**

Pencapaian objektif ketiga kajian ini diperoleh melalui data dokumen dan temubual. Data tersebut telah dianalisa dalam Bab II dan III. Berdasarkan analisa yang telah dilakukan kajian ini mencadangkan pentarjihan hukum: Haiwan yang diternak dan dengan sengaja diberikan makan makanan daripada najis 'aini atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis; sama ada najis itu dalam kategori najis mughallazah atau mutawassitah, adalah haiwan yang diharamkan daripada dimakan jika tidak dilakukan proses kuarantin.

Cadangan ini merujuk kepada pendapat Imam al-Syafi'i (w 204H) (Al-Syafi'i, 2001: 3/629-630), sebilangan ulama Syafi'iyah yang terdiri daripada Imam alHaramayn (w 478H) (2007: 18/214), Al-Ghazali (w 505H) (1417H: 7/165), Al-Qaffal (w 507H) (1980: 3/353-354), Al-'Umrani (w 558H) (2000: 4/508-509), al-Rafi'i (w 623H) (2013: 1562), dan Al-Mahalli (w 864H) (1995: 4/262).; pendapat sebilangan ulama Hanafiyah iaitu Muhammad bin al-Hasan al-Shaibani (w 189H) (Ibn Mawdud al-Musili, 1937: 5/16), Al-Sarakhsi (w 483H) (1993: 11/255), Zayn al-Din al-Razi (w 666H) (1417H: 1/225); dan pendapat Imam Ahmad dan pendapat muktamad ulama Hanabilah (Al-Kausaj, 2002: 5/2251; Ibn Taimiyah, 1984: 2/189; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Shams al-Din Ibn Muflih, 2003: 10/377; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687, 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430).

Dalil dan hujah:

1) Ayat al-Quran berkaitan hukum *khaba'ith*

Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَتَّبِعُونَ الرَّسُولَ النَّبِيَّ الْأُمِّيَّ الَّذِي يَجِدُونَهُ مَكْتُوبًا عِندَهُمْ فِي التَّوْرَاةِ
وَالْإِنجِيلِ يَأْمُرُهُم بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَاهُمْ عَنِ الْمُنكَرِ وَيُحِلُّ لَهُمُ الطَّيِّبَاتِ وَيُحَرِّمُ
عَلَيْهِمُ الْخَبَائِثَ وَيَضَعُ عَنْهُمْ إِصْرَهُمْ وَالْأَغْلَالَ الَّتِي كَانَتْ عَلَيْهِمْ ۚ فَالَّذِينَ آمَنُوا
بِهِ وَعَزَّرُوهُ وَنَصَرُوهُ وَاتَّبَعُوا النُّورَ الَّذِي أُنزِلَ مَعَهُ ۙ أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

***Maksudnya:*** *"Iaitu orang-orang yang mengikut Rasulullah (Muhammad s.a.w) Nabi yang ummi, yang mereka dapati tertulis (namanya dan sifat-sifatnya) di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka. Dia menyuruh mereka dengan perkara-perkara yang baik, dan melarang mereka daripada melakukan perkara-perkara yang keji; dan dia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan* ***mengharamkan kepada mereka segala benda yang buruk;*** *dan ia juga menghapuskan dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepadanya, dan memuliakannya, juga menolongnya, serta mengikut nur (cahaya) yang diturunkan kepadanya (Al-Quran), mereka itulah orang-orang yang berjaya."*

*(Surah al-A'raf: 157)*

Wajh dilalah: Binatang jallalah diharamkan kerana ia termasuk dalam kategori benda jijik (khabith) yang diharamkan oleh Allah SWT (al-Sarakhsi, 1993: 11/255; Al-Mawardi, 1999: 15/148).

2) Perintah Allah agar hamba-Nya makan makanan yang halal dan tayyib

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ كُلُوا۟ مِمَّا فِى ٱلْأَرْضِ حَلَٰلًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا۟ خُطُوَٰتِ ٱلشَّيْطَٰنِ
إِنَّهُۥ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ١٦٨

*Maksud: "Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah Syaitan; kerana sesungguhnya Syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."*

*(Surah al-Baqarah, 2 : 168)*

Wajh dilalah: Imam al-Tobari menjelaskan tafsiran ayat ini bahawa Allah memerintahkan kepada hamba-Nya: Wahai sekalian manusia, makanlah apa yang Aku halalkan atas kalian sebagaimana yang disabdakan oleh Rasul SAW, di mana Aku halalkan bagi kamu apa yang kamu haramkan *(bahirah, sa'ibah, washilah* dan *haam)* dan diharamkan kepada kamu (bangkai, darah, daging babi dan binatang yang disembelih bukan atas nama-Ku) dan tinggalkanlah langkah-langkah syaitan yang celaka, dan janganlah kamu mengikutinya. Sesungguhnya dia musuh yang nyata bagi kamu disebabkan keengganan mereka sujud kepada Nabi Adam a.s sehinggakan mereka diusir dari syurga. Maksud *halalan toyyiba* menurut al-Tobari adalah halal secara mutlak, suci tidak najis dan tidak haram (al-Tobari, 2009: 2/742-744).

Sains membuktikan makanan yang dimakan oleh binatang dan kemudian binatang itu dimakan oleh manusia, ia boleh mempengaruhi tahap kesihatan dan keselamatan manusia, seperti kes penyakit lembu gila. Najis dan kotoran mengandungi bakteria, parasit dan kuman yang boleh memudaratkan manusia. Jika haiwan ternakan diberikan makanan daripada najis dan kotoran, maka ia menjadikan haiwan itu tidak halal dan tidak tayyib (Brown et. al, 2001; Cox, 2002; el-Naggar, 2005; Hamidah, 2009: 73; Mohd Farhan Bin Md Ariffin, 2019). Oleh itu, jika pengguna makan daging binatang jallalah, maka pengguna tersebut terdedah kepada bakteria, parasit dan kuman daripada najis dan kotoran yang dimakan oleh binatang tersebut.

3) Hadis larangan mengambil manfaat daripada binatang jallalah Abdullah bin 'Umar melaporkan:

نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَكْلِ الْجَلَّالَةِ وَأَلْبَانِهَا

**Maksudnya:** *"Rasulullah sallalLah 'alayhi wa sallam melarang daripada makan binatang jallalah dan minum susunya." Hadis sahih direkod oleh Imam Abu Daud (t.th.: 3/351) dan al-Tirmizi (1975: 4/270).*

Wajh dilalah: Larangan Nabi Muhammad saw berkaitan haiwan jallalah sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin 'Umar, 'Abd Allah bin 'Abbas dan 'Abd Allah bin 'Amr bin al-'As adalah bermaksud haram (Al-Sarakhsi, 1993: 11/255; Imam al-Haramayn, 2007: 18/214; Al-Rahibani, 1994: 1/229). Al-Rahibani (w 1243H) menjelaskan, pengharaman jallalah berdasarkan hadis, "Nabi Muhammad saw melarang makan daging haiwan jallalah dan minum susunya" membuktikan bahawa istihalah tidak mengubah status najis kepada suci. Ini disebabkan, jika istihalah boleh mengubah status status najis kepada suci, maka sudah tentu Nabi Muhammad saw tidak melarang makan daging haiwan yang makan najis dan minum susunya, kerana istihalah telah berlaku pada daging dan susu haiwan tersebut (1994: 1/229).

4) Hadis yang melarang melakukan perbuatan yang memudaratkan 'Abd Allah bin 'Abbas melaporkan, Rasulullah saw bersabda:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

**Maksudnya:** *"Tidak boleh melakukan perbuatan mudarat dan tidak boleh menyebabkan kemudaratan kepada orang lain." Hadis diriwayatkan oleh Imam Ahmad (2001: 5/55) dan Ibn Majah (t.th.: 2/784).*

Imam Malik (2004: 4/1078) dan Imam al-Syafi'I (1400H: 1/225) meriwayatkan hadis ini melalui sanad Yahya al-Mazini seacara mursal. Al-Hakim (1990: 2/66) meriwayatkan melalui sanad muttasil Yahya al-Mazini daripada Abu Sa'id al-Khudri.

Wajh dilalah: Binatang yang makan najis dan kotoran boleh menyebabkan kemudaratan kepada kesihatan manusia yang memakan binatang tersebut. Kerana sains parasitologi membuktikan bakteria, parasit dan kuman yang terdapat pada najis dan kotoran, jika dimakan oleh binatang, ia boleh ditransmisi kepada manusia yang memakan binatang tersebut (Cox, 2002; el-Naggar, 2005; Hamidah, 2009). Oleh itu, binatang yang dengan sengaja diberi makan najis atau makanan yang bercampur dengan bahan najis dan tidak dilakukan proses purifikasi najis melalui proses kuarantin, adalah dilarang daripada dimanfaatkan untuk mengelakkan kemudaratan.

Cadangan pentarjihan hukum ini adalah selari dengan keputusan dan peruntukan: Mesyuarat Panel Kajian Syariah Kali ke-54 yang bersidang pada 23-25 Febuari 2006, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4-6 April 2006, Fatwa Negeri Kelantan 2006, Fatwa Negeri Selangor 2007 (Diwartakan), Fatwa Wilayah Persekutuan 2007 (Diwartakan), Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor: 52 Tahun 2012, Fatwa Negeri Sembilan 2013, Klausa 4.5.1.1.1(h) dan 4.5.1.1.2 MS1500:2019, dan Fatwa Sohibus Samahah Dr Nuh 'Ali Salman al-Qudah (w 1432H/2010) Mufti Kerajaan Jordan 2007-2010 dalam fatwanya no. 2483.

### 5.2.5 Objektif 5: Mencadangkan pentarjihan hukum tempoh kuarantin akuakultur jallalah dan kaedah kuarantin berdasarkan perundangan Islam dan sains.

Pencapaian objektif ketiga kajian ini diperoleh melalui data dokumen dan temubual. Data tersebut telah dianalisa dalam Bab II, III, dan IV. Berdasarkan analisa yang telah dilakukan kajian ini mencadangkan pentarjihan hukum:

#### 5.2.5.1 Pentarjihan hukum tempoh kuarantin akuakultur jallalah

Kajian ini mencadangkan haiwan

akua yang dengan sengaja diberikan makan makanan daripada najis 'aini atau makanan yang dihasilkan daripada campuran bahan najis; sama ada najis itu dalam kategori najis mughallazah atau mutawassitah, wajib dikuarantin selama tiga hari, bersamaan 72 jam. Jika selepas tiga hari, masih ada kesan bau busuk najis pada haiwan tersebut, maka tempoh kuarantin perlu ditambah, sehingga bau busuk itu hilang.

Pentarjihan ini merujuk kepada pendapat ulama yang mewajibkan haiwan jallalah dikuarantin, jika mahu diambil manfaat daripadanya. Sumber ulama Syafi;'iyah: (Al-Syafi'i, 2001: 3/629; Imam al-Haramayn, 2007: 18/214; al-Ghazali, 1417H: 7/165; al-Rafi'i, 2013: 1562; al-Mahalli, 1995: 4/262). Sumber ulama Hanabilah: (Abu Daud al-Sijistani, 1999: 345; Ibn Qudamah, 1994: 1/42; Ibn Abi 'Umar, t.th.: 11/90; Burhan al-Din Ibn Muflih, 1997: 8/11; Al-Mardawi, t.th.: 10/366; Al-Hijjawi, t.th.: 4/311; Mar'i al-Karami, 2004: 326; al-Buhuti, t.th.: 687; 1993: 3/411; Al-Ba'li, 2002: 2/785; Al-Rahibani, 1994: 6/315; Ibn Duyan, 1989: 2/416; Ibn Qasim, 1397H: 7/430)

